

**DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 11

Rabu

21 Julai 2010

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL:

Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015) (Halaman 29)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 21 Julai 2010****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Zaitun binti Mat** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan langkah yang diambil kerajaan bagi memantau 6,000 pelajar Malaysia yang melanjutkan pelajaran di pusat pengajian tinggi di Asia Barat bagi membendung penularan kegiatan Jemaah Islamiah (JI) yang merekrut mereka sebagai ahli kumpulan.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II [Dato' Saifuddin bin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Dato' Zaitun binti Mat, bersekali dengan pertanyaan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop pada 22 Julai 2010, dan Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid pada 3 Ogos 2010 kerana menyentuh perkara yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa pelajar-pelajar di IPT bukan lagi budak-budak sekolah. Mereka ini telah dewasa dan mampu berfikir dengan sendiri. Namun demikian, dalam konteks membanteras *terrorism*, kerajaan tidak mengambil sikap lepas tangan. Oleh yang demikian, kita melakukan pemantauan setakat yang termampu. Walau bagaimanapun bagi Kementerian Pengajian Tinggi, ini bukanlah bidang kepakaran kami.

Oleh yang demikian, kementerian sedang dalam proses menubuhkan satu jawatankuasa khas bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia untuk memantau dan membanteras kegiatan-kegiatan untuk menyebarkan fahaman-fahaman *terrorism*, dan lebih penting lagi untuk mengelakkan daripada terdapat pelajar dan warga IPT kita yang direkrut oleh mereka.

Pada masa ini keadaan di IPTA adalah selamat dan terkawal. Kami di Kementerian Pengajian Tinggi mempunyai keyakinan yang sepenuh-penuhnya kepada kebijaksanaan dan kecekapan pihak Kementerian Dalam Negeri dan Polis Diraja Malaysia, dalam mengesan dan menangani ancaman-ancaman yang cuba ditimbulkan

oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab itu. Kita juga turut memantau pergerakan kira-kira 6,000 orang pelajar kita yang melanjutkan pengajian di pusat pengajian tinggi di Asia Barat. Pihak kami sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri dan juga Kementerian Belia dan Sukan bagi menangani masalah ini. Terima kasih.

Dato' Zaitun binti Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, kegiatan Jemaah Islamiah yang cuba merekrut pelajar IPTA amat serius kerana ia membabitkan keselamatan negara. Bukan sahaja 6,000 orang pelajar Malaysia di Asia Barat, tetapi lebih 50,000 orang pelajar negara ini di seluruh dunia. Gerakan JI di negara ini dilaporkan sudah merekrut seramai 30 orang pelajar IPT dan remaja tempatan untuk menyertai kumpulan berkenaan baru-baru ini. Kita bimbang jika pelajar-pelajar ini terpengaruh dengan konsep berbentuk militan.

Soalan tambahan saya, bagaimanakah Kementerian Pengajian Tinggi menyelaraskan bentuk kerjasama dengan kementerian-kementerian berkaitan seperti Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Belia dan Sukan untuk menangani masalah ini? Bagaimanakah kerajaan memantau di sesetengah tempat yang tidak mempunyai kedutaan? Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jumlah yang melibatkan pelajar kita adalah kecil apabila dibandingkan dengan 800,000 orang jumlah keseluruhan pelajar. Walaupun kecil, namun saya bersetuju dengan Yang Berhormat tadi bahawa ia adalah masalah yang amat serius.

Antara langkah-langkah pencegahan dan pemantauan yang diambil oleh kementerian ini ialah:

- (i) memberikan kefahaman kepada pelajar, pensyarah dan juga warga IPT tentang ajaran-ajaran yang bertentangan dengan Islam, termasuk juga tentang bahaya dan ancaman daripada gerakan *terrorism* ini - tanpa mengira namanya JI ataupun nama-nama yang lain;
- (ii) memastikan pegawai-pegawai keselamatan kampus lebih peka dan juga terlatih untuk mengesan kewujudan gerakan tersebut jika ada;
- (iii) memberi makluman kepada pelajar dan pensyarah serta warga kampus supaya sentiasa menyalurkan maklumat kepada pihak berkuasa universiti; dan

■ 1010

- (iv) menggalakkan pensyarah dan pegawai universiti untuk sentiasa mendekati pelajar bukan sahaja di bilik-bilik kuliah, di kawasan-kawasan akademik tetapi juga di kolej kediaman.

Malahan juga bagi pelajar yang tinggal di luar, ada setengah-setengah universiti yang ada pengetua luar kampus. Maksudnya pengetua yang jaga pelajar-pelajar yang tinggal di luar kampus. Bagi negara-negara yang kita tidak mempunyai kedutaan, kalau di Asia Barat boleh dikatakan semuanya ada kedutaan tetapi bagi setengah-setengah negara yang tiada kedutaan, lazimnya pejabat kedutaan kita yang berdekatan akan mengambil tanggungjawab dan kita sering menghantar pegawai-pegawai kita untuk menziarahi pelajar-pelajar kita di luar negara.

Jabatan Pelajar Malaysia atau yang lazim disebut MSD sekarang sudah kita naik taraf untuk gelaran barunya *Education Malaysia* di mana pegawai bukan hanya menjaga kebajikan pelajar dalam bentuk ada tempat tinggal, cukup kewangan dan sebagainya tetapi juga memantau kegiatan-kegiatan yang tidak bertanggungjawab ini. Terima kasih.

Puan Hajah Mumtaz binti Md Nawî: Terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji semula kandungan pengajian TITAS yang telah diperkenalkan di seluruh universiti dalam negara kita memandangkan ini merupakan satu penggantian kepada Pendidikan Islam yang telah pun diamalkan sebelum ini. Sepanjang masa diperkenalkan Pengajian Islam, tiada masalah JI tapi bila diperkenalkan TITAS di peringkat universiti, kita lihat ini meninggalkan kesan walaupun sedikit bilangannya. Saya minta pandangan kerajaan. Terima kasih.

Dato' Saifuddin bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. TITAS atau Tamadun Islam Tamadun Asia adalah satu mata pelajaran yang diwajibkan kepada semua pelajar kita di IPTA sejak beberapa tahun yang lepas. Kita baru sahaja membuat kajian semula kepada sukatan pelajaran tersebut. Tidak dapat dinafikan bahawa TITAS ini lebih berupa memberi ilmu tentang sejarah dan tentang tamadun. Tidak boleh kalau kita hendak pertanggungjawabkan kepada TITAS untuk mengisi sekiranya ada kelompangan daripada segi fahaman akidah dan sebagainya kerana itu harus diberikan tanggungjawab kepada mata pelajaran-mata pelajaran yang memang menjurus kepada soal akidah, soal kepercayaan.

TITAS ini lebih merujuk kepada sejarah dan tamadun. Jadi ini perbezaan antara soal ilmu dan soal penghayatan. Saya faham maksud Yang Berhormat sama ada

Tamadun Islam Dan Tamadun Asia sebagai satu mata pelajaran dapat mengisi kekosongan atau kelompangan di dalam jiwa ataupun minda sesetengah mahasiswa. Ini memerlukan debat yang panjang dan Yang Berhormat tadi sebenarnya cuba bertanya tentang apakah tidak perlu dilihat tentang soal penghayatan selain daripada soal ilmu. Saya fikir ini saya ambil maklum dan perlu kita lihat macam saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua, daripada segi kandungan TITAS saya fikir yang itu tidak banyak masalah tetapi kalau soal penghayatan agama di kalangan pelajar, yang itu saya fikir memang sentiasa kita nilai dan tentu dalam suasana sekarang ini perlu penilaian yang lebih teliti lagi. Terima kasih.

2. Tuan Haji Ahamat@Ahmad bin Yusop minta Perdana Menteri menyatakan bahawa terdapat sejumlah wang yang besar dalam institusi seperti Baitulmal dan pusat-pusat zakat sama ada di peringkat pusat mahupun negeri. Bagaimanakah wang itu diurus tadbir dan untuk tujuan apa dan siapakah (individu dan institusi) yang telah menerima manfaat daripada kumpulan wang tersebut.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: *Walaikumussalam Warahmatullaahi* Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, institusi Baitulmal di Malaysia merupakan pemegang amanah bagi harta-harta umat Islam iaitu sama ada dalam bentuk harta tidak alih seperti tanah-tanah wakaf Baitulmal, bangunan dan sebagainya atau harta alih seperti terimaan dalam bentuk wang, kenderaan, makanan, ternakan dan sebagainya. Baitulmal bertanggungjawab menggunakan harta-harta tersebut untuk tujuan kebajikan masyarakat secara umum atau disebut sebagai masalah ammah.

Baitulmal di Malaysia secara umumnya ditadbir oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri. Ia diletakkan di bawah kuasa kerajaan-kerajaan negeri selaras dengan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan perkara 74 yang meletakkan urusan agama termasuk institusi Baitulmal di negara ini di bawah kuasa negara. Dana-dana Baitulmal kebanyakannya adalah hasil daripada sumber wang zakat umat Islam serta sumber-sumber am yang lain seperti lebihan pusaka, kafarah, fidyah, sedekah, mukatah atau harta yang dijumpai, nazar, wang hasil aktiviti tidak patuh syariah, hasil-hasil perkhidmatan yang ditawarkan seperti sewa rumah, bangunan dan sebagainya.

Dana-dana daripada wang sumber am tersebut boleh dibelanjakan mengikut budi bicara dan kebijaksanaan pihak pentadbir bagi tujuan masalah ammah. Agihan dalam skop masalah ammah ini sangat luas dan tidak terikat kepada asnaf-asnaf tertentu. Antaranya bantuan untuk anak-anak yatim dan fakir miskin, bantuan untuk

program kerja-kerja amal, pengurusan jenazah yang tidak berwaris, bantuan kelengkapan asas masjid, pendidikan, bantuan asas kepada sekolah agama dan dakwah, bantuan kecemasan atas *ad hoc* basis, pembinaan dan penyelenggaraan jambatan, jalan raya, tandas, pembinaan tali air, bangunan awam, bandar-bandar baru, golongan musafir, jihad di jalan Allah, pembinaan masjid, pusat-pusat Islam, penerbitan kitab-kitab agama dan lain-lain lagi daripada perkara yang bersifat kebajikan.

Manakala wang zakat hanya diagihkan kepada lapan asnaf sahaja yang telah ditetapkan. Manfaat daripada dana Baitulmal yang dibelanjakan dalam bentuk masalah ammah ini dinikmati oleh semua golongan termasuk yang bukan Islam dan agihan-agihan untuk pembangunan infrastruktur awam boleh dimanfaatkan oleh semua pihak sama ada orang Islam ataupun bukan Islam. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya kepada Yang Berhormat Menteri ialah mengenai janji Yang Berhormat Menteri dalam sidang yang lalu, hendak memberikan, membiayai atap bocor di Masjid Bangsar yang sekarang saya dapat tahu orang masjid kata belum lagi dibayar oleh Majlis Agama Persekutuan. Kemudian begitu juga dengan janji Yang Berhormat untuk mengganti bendahari yang mengaku sendiri *under qualified* untuk memegang jawatan di masjid itu. Saya rasa ini ada hubungan secara tak langsung dengan soalan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat tadi. Terima kasih.

Oh, selain itu juga kalau boleh saya tambah. Begitu juga adakah agaknya Baitulmal atau Majlis Agama Wilayah Persekutuan berura-ura, bukan berura-ura, berhasrat untuk menjawab secara positif rayuan daripada masyarakat Lembah Pantai supaya sebuah masjid dibina di kawasan Brickfields yang akan dijadikan Little India itu, di kawasan Brickfields itu Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu spesifik itu. Rasanya tak payahlah.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Okey, terima kasih. Tak apalah, kalau ada kesempatan lain Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tan Sri Yang di-Pertua. Berkenaan dengan janji dalam mesyuarat yang lalu bahawa Masjid Bangsar itu akan diambil tindakan, sekarang ini dalam proses Yang Berhormat. Kita telah pun membawa perkara ini dalam mesyuarat dan dalam perhatian daripada Majlis Agama Islam.

Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan saya dengan jelas. Di Johor,

Baitulmal ini sangat aktif. Setiap kali ada kecemasan, pegawai agama akan berada dan serta-merta dikeluarkan bantuan RM1,000 kepada mangsa kebakaran dan sebagainya. Soalan tambahan saya, begitu banyak duit Baitulmal ini yang tersimpan di mana-mana, apakah tidak ada satu pendekatan ataupun instrumen yang duit ini boleh dilaburkan untuk mendapatkan pulangan yang baik mengikut hukum-hukum syarie yang dibenarkan. Daripada sebahagian besarnya saya difahamkan duit itu cuma disimpan dalam Bank Islam sahaja. Terima kasih.

■1020

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Keaktifan mana-mana Baitulmal di peringkat negeri ini adalah terpulang kepada pengurusan di peringkat Yang di-Pertua dan juga Setiausaha Majlis Agama Islam itu sendiri serta juga bergantung pada dana yang ada. Untuk makluman Yang Berhormat, penerimaan daripada Baitulmal ini memang dibolehkan dalam kategori pelaburan. Kalau dapat saya sebutkan di sini, ada hampir 12 cara bagaimana wang Baitulmal itu diadakan untuk ditambah.

Selain daripada pelaburan, mereka juga boleh membeli bangunan untuk dijadikan sebagai sewaan dan juga keuntungan daripada pajakan tanah dan pelbagai lagi sumber-sumber yang diterima seperti fidyah, wang faedah, keuntungan, pelupusan, aset tetap dan sebagainya. Apa pun bergantung pada seperti yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat, negeri itu sendiri dan setakat ini statistik yang terkini, negeri yang paling tinggi adalah negeri Selangor Yang Berhormat dan juga yang keduanya negeri Johor. Jadi negeri-negeri yang mempunyai dana yang banyaklah yang kita lihat lebih aktif dalam mengadakan pelbagai aktiviti daripada Baitulmal. Terima kasih.

3. Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan terhadap tindakan persatuan penduduk menutup kebanyakan jalan awam yang memasuki kawasan taman perumahan mereka; dan
- (b) adakah kerajaan mempunyai undang-undang atau polisi untuk menangani masalah ini kerana ia amat jelas sekali telah melampau dan ia juga bercanggah dengan *Road Transport Act, Street and Drainage Act and The National Land Code*.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Ukin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

pembangunan Skim Garden Neighbourhood di kawasan Petaling Jaya, Subang Jaya dan USJ yang menutup kebanyakan jalan masuk dan jalan-jalan dalaman termasuklah lorong-lorong tepi dan belakang adalah secara jelas bertentangan dengan peruntukan seksyen 46(1) Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974, Akta 113 dan peruntukan seksyen 80, Akta Pengangkutan Jalan Raya 1987, Akta 333 yang menghalang penyediaan sekatan di atas jalan-jalan tersebut, yang merupakan jalan awam.

Sungguhpun begitu, kerajaan menyedari bahawa tindakan sesetengah persatuan penduduk seperti di kawasan yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat, mengadakan halangan ataupun sekatan jalan masuk ke kawasan perumahan masing-masing adalah semata-mata untuk mempertingkatkan kawalan dan tahap keselamatan di kawasan tersebut. Bagi menangani permasalahan ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan sedang memuktamadkan garis panduan *gated community and guided neighbourhood*, setelah mendapat kelulusan kerajaan dan diterima pakai serta dikuatkuasakan sepenuhnya oleh PBT. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan menjangkakan bahawa sebahagian daripada isu ini dan permasalahan yang wujud akan dapat ditangani.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut mencadangkan supaya semua PBT dapat menggubal undang-undang kecil dengan izin, *by law* bagi memudahkan penguatkuasaan dijalankan di atas persatuan-persatuan penduduk, kejiranan yang mempunyai pengawal dan beroperasi atau bertindak secara bertentangan dengan peruntukan undang-undang kecil atau peruntukan undang-undang yang sedia ada. Terima kasih.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Masalah ini wujud sebab kenaikan jenayah ragut, pecah rumah dan sebagainya yang berleluasa. Soalan saya ialah, apakah peranan yang diberikan kepada PBT untuk mengendalikan masalah ini sebab mereka adalah perbadanan yang terdekat dengan masalah dan apakah peranan pihak polis dalam mengendali masalah ini? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Ukin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seperti dalam jawapan saya tadi bahawa tentang penguatkuasaan dan juga penyeliaan adalah merupakan tanggungjawab PBT. Ada sesetengah PBT, ia mempunyai *by law* ataupun undang-undang kecil dan mereka boleh bertindak. Akan tetapi ada juga sebahagian PBT tidak mempunyai undang-undang kecil.

Jadi, sebab itu mereka tidak boleh bertindak untuk mengambil tindakan undang-undang. Cuma, pihak PBT boleh memberikan nasihat dan juga memberikan garis panduan supaya halangan-halangan ini tidak menyusahkan orang ramai. Jadi itulah di antaranya yang boleh dibuat oleh PBT. Bagi pihak kementerian, kita tidak menguasai sepenuhnya PBT di seluruh negara. PBT ini adalah dikuasai oleh kerajaan-kerajaan negeri dan mereka harus bertanggungjawab.

Akan tetapi dengan adanya undang-undang ataupun garis panduan yang kita akan sediakan ini, kita berharap semua PBT akan mengambilmnya dan dijadikan sebagai satu peraturan. Oleh sebab itu, kementerian mencadangkan satu *by law* ataupun undang-undang kecil untuk boleh memperkasakan garis panduan ini di masa yang akan datang. Terima kasih.

Dr. Malasingam a/l Muthukamaru: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, apakah kriteria yang diguna pakai oleh kementerian dalam meluluskan sesuatu projek perumahan yang menyediakan perkhidmatan *gated community*? Apakah tujuan kelulusan tersebut, memandangkan perkhidmatan kawalan yang disediakan itu kadang-kadang menyusahkan masyarakat di persekitaran, semata-mata untuk kepentingan pembeli rumah dalam projek tersebut? Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Ukin: Untuk makluman Yang Berhormat, *gated community* kita tidak ada masalah sebab kita telah pun memasukkan dalam pelan pembangunan di mana ia perlu skim-skim ataupun perumahan itu berpagar. Itu kita tidak menghadapi masalah. Masalahnya cuma cara persatuan penduduk mereka mengendalikan kuasa yang berpagar ini terlalu ketat kadang-kadang dan ada juga yang mengambil tindakan di luar undang-undang, di mana mereka minta meninggalkan kad pengenalan, pasport, lesen dan sebagainya. Sepatutnya itu tidak boleh dilakukan.

Hanya pihak yang berkuasa sahaja yang boleh dibenarkan untuk mengambil kad pengenalan ataupun meminta meninggalkan kad pengenalan apabila mereka masuk dalam satu-satu kawasan. Jadi itu sebetulnya salah, jadi itulah, apabila ada skim ataupun garis panduan ini, maka saya fikir Pihak Berkuasa Tempatan boleh menguatkuasakan dan boleh memberikan panduan yang jelas kepada persatuan penduduk di masa yang akan datang. Terima kasih.

4. Tuan Pau Chiong Ung minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) adakah pihak Jabatan Pendaftaran Negara mempunyai rancangan atau tatacara teknik menjawab surat permohonan yang hanya tulis GAGAL/DITOLAK di dalam permohonan Lewat Pendaftaran Sijil Kelahiran; dan
- (b) berapakah jumlah permohonan yang telah ditolak oleh pihak Jabatan Pendaftaran Negara di dalam permohonan Lewat Pendaftaran Sijil Kelahiran ini dan apakah punca ia ditolak semenjak 2008 – 2010 bagi negeri Sarawak.

Timbalan Menteri Dalam Negeri II [Dato' Lee Chee Leong]: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Pau Chiong Ung yang mengemukakan pertanyaan. Permohonan pendaftaran lewat kelahiran memerlukan pembuktian yang kukuh bahawa sesuatu kelahiran itu berlaku di Malaysia oleh ibu bapa kanak-kanak yang sah. Pendaftar adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat mengenai sesuatu kelahiran termasuk maklumat mengenai ibu bapa kanak-kanak yang sah sebelum mendaftarkan kelahiran tersebut.

Bagi tujuan itu, JPN menerima semua dokumen sokongan yang boleh menyokong permohonan daftar lewat kelahiran tersebut. Sekiranya permohonan pendaftaran lewat tidak disertakan dokumen-dokumen sokongan atau bukti yang dikemukakan tidak kukuh, maka pendaftar boleh menolak permohonan tersebut. Tuan Yang di-Pertua, permohonan daftar lewat kelahiran yang ditolak akan dimaklumkan kepada pemohon secara bersurat dengan menyatakan sebab-sebab permohonan tersebut tidak berjaya.

Walau bagaimanapun, bagi permohonan daftar lewat di Sabah dan Sarawak, ia adalah di bawah bidang kuasa pendaftar wilayah dan tertakluk kepada peruntukan di bawah Ordinan Kelahiran dan Kematian Negeri Sabah dan Ordinan Pendaftar Kelahiran dan Kematian Negeri Sarawak. Jumlah permohonan pendaftaran lewat kelahiran di Sarawak yang telah ditolak oleh Jabatan Pendaftaran Negara bagi tahun 2008 – Jun 2010 adalah sebanyak 2,563 permohonan. Punca-punca yang menyebabkan permohonan pendaftaran lewat ditolak adalah kerana:-

- (i) bukti kelahiran yang dikemukakan adalah tidak kukuh;
- (ii) terdapat percanggahan fakta-fakta kelahiran dan kelakuan terhadap dokumen-dokumen yang dikemukakan;
- (iii) dokumen yang dikemukakan adalah tidak lengkap; dan

- (iv) keterangan mengenai saksi-saksi mengenai kelahiran adalah meragukan dan bercanggah antara satu sama lain.

Sekian, terima kasih.

■1030

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Timbalan Menteri atas jawapan diberikan tadi. Soalan tambahan saya ialah, pada sesi persidangan saya yang lalu, Dewan yang mulia ini telah dimaklumkan bahawa KDN telah mewujudkan satu unit *task force* untuk menyelesaikan masalah pendaftaran lewat di seluruh negeri Sabah dan Sarawak dan dijangka masalah ini akan diselesaikan pada akhir tahun 2011. Saya minta penjelasan status terkini, sekian.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan sasaran atau arahan Menteri Dalam Negeri, JPN Negeri Sabah dan Sarawak telah membuka beberapa cawangan baru Unit Khas Bergerak atau dipanggil sebagai UKB dengan menempatkan perkhidmatan kakitangan yang sedia ada. Dengan penubuhan cawangan unit khas ini, diharap akan dapat mencapai sasaran dengan lebih cepat, tepat dan berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat UKB atau unit khas yang baru yang ditubuhkan di tempat-tempat yang baru. Sebelum ini hanya terdapat di Kuching dan Kota Kinabalu. Di cawangan-cawangan baru yang telah dibuka di Sabah ialah UKB Keningau dan UKB Semporna. Cawangan-cawangan baru yang telah dibuka di Sarawak adalah UKB Miri, UKB Betong, UKB Bintulu, UKB Kapit dan UKB Sri Aman.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai sasaran ini, KDN telah melibatkan beberapa agensi kerajaan dan mendapat kerjasama untuk menyelesaikan masalah penduduk tanpa dokumen. Agensi yang terlibat termasuk Jabatan Pendaftaran Negara, Polis Diraja Malaysia-, Jabatan imigresen, Jabatan Pelajaran, Jabatan Penerangan, Jabatan Kesihatan, mahkamah bergerak, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Majlis Keselamatan Negara, dan kerajaan negeri.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini terdapat sebanyak 10,956 permohonan daftar lewat kelahiran di Sarawak telah diluluskan bagi tahun 2008 hingga Jun 2010. Sekian terima kasih.

Tuan Ng Fook Heng: Tuan Yang di-Pertua, bagi permohonan-permohonan untuk pendatang tanpa izin (PATI) yang gagal untuk permohonan sijil lahir, PR dan kad pengenalan, adakah mereka akan dihantar balik ke negara asalnya? Sekian.

Dato' Lee Chee Leong: Tuan Yang di-Pertua, permohonan yang ditolak adalah disebabkan permohonan tidak mempunyai bukti-bukti yang kukuh bahawa kelahirannya berlaku di Malaysia. Contohnya pemohon gagal mengemukakan pengesahan ketua kampung atau tuan rumah sebagai saksi kelahiran. Walau bagaimanapun, KDN tidak menghalang pemohon-pemohon ini untuk tinggal di negara ini. Sebaliknya pemohon dinasihatkan untuk mengemukakan bukti-bukti yang baru yang dapat menyokong sesuatu permohonan daftar kelahiran tersebut. Terima kasih.

5. Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor minta Perdana Menteri menyatakan sejauh manakah kebenaran bahawa 41 peratus atau senarai 418,200 orang daripada 1.2 juta penjawat awam dikesan terbabit dengan aktiviti penerimaan rasuah tahun lalu seperti mana yang didakwa oleh Kesatuan Pekerja-Pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS).

Timbalan Menteri Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, kenyataan CEUPACS bahawa 41% penjawat awam terlibat dalam rasuah itu telah disalahtafsirkan. Perangkaan tersebut telah diperjelaskan oleh Ketua Setiausaha Negara di mana ia sebenarnya melibatkan perbandingan jumlah tangkapan penjawat awam berbanding dengan jumlah keseluruhan tangkapan berlaku rasuah dan bukannya penglibatan 41% atau 418,200 orang daripada 1.2 juta daripada penjawat awam, *not 41% of the 1.2 million of the work force* dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pada tahun 2009, berdasarkan perangkaan yang dikeluarkan oleh pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, hanya 190 orang daripada 500 orang yang ditangkap adalah penjawat awam. Ini merangkumi 38% daripada keseluruhan tangkapan pada tahun berkenaan.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *this 38% is base on the 500 people arrested where 190 of them are public servants*. Jika dibandingkan dengan tahun 2008 terdapat penurunan tangkapan di kalangan penjawat awam iaitu pada tahun 2008, terdapat seramai 282 daripada 605 orang yang ditangkap adalah penjawat awam yang merangkumi 46.6% daripada jumlah tangkapan keseluruhan tahun tersebut. Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, kenyataan yang dikeluarkan oleh CEUPACS adalah tidak tepat dan tidak benar, sekian terima kasih.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd Nor: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya juga bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana kenyataan itu tidak tepat, tidak betul sebab kalau betul 41%

merupakan angka yang cukup besar dan akan runtuh tamadun negara ini kalau ianya betul. Cuma saya fikir penjelasan harus dilakukan sebaik mungkin sebab kenyataan tersebut telah dihebahkan melalui hampir kesemua media utama negara pada 2 Jun 2010 dan tentunya ia memberikan gambaran imej yang tidak baik kepada kakitangan awam. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Liew Vui Keong: Tuan Yang di-Pertua, saya sememangnya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator kerana kenyataan tersebut telah pun dikeluarkan oleh Kesatuan CEUPACS dan ini bagi saya adalah tidak bertanggungjawab kerana pihak berkenaan tidak ada mengkaji dan mendapatkan penjelasan yang sebenarnya daripada pihak kerajaan. Jadi saya haraplah pada masa yang akan datang pihak berkenaan akan dapat mengeluarkan kenyataan yang bertanggungjawab dan juga menyelesaikan masalah seperti ini, tidak mengelirukan orang awam di negara ini. Sekian, terima kasih.

Datuk Akbar bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya merakamkan penghargaan kerana maklumat tadi menunjukkan bahawa adalah tidak tepat seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi. Cuma saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua, *Corruption Perception Index* (CPI) yang merupakan persepsi terhadap korupsi yang berlaku di kalangan sektor awam.

■1040

Apakah tindakan kerajaan yang lebih tegas dan mungkin di luar kotak untuk memastikan bahawa persepsi terhadap *corruption* ini lebih baik? Ini kerana mengikut CPI, persepsi terhadap korupsi bertambah buruk kerana ukurannya telah jatuh dari 5.1 kepada 4.5 antara tahun 2008 dan tahun 2009. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Akbar bin Ali. Kita tidak dapat nafikan bahawa persepsi itu adalah persepsi CPI sebelum kerajaan mengambil tindakan. Setakat ini, kerajaan telah pun mengambil langkah-langkah melalui rancangan seperti NKRA di mana salah satu NKRA yang utama ialah untuk membanteras rasuah. Ini kerajaan telah mengambil tindakan dan seperti Yang Berhormat sedia maklum, kerajaan telah pun memperkenalkan satu akta yang baru yang dikenali sebagai Akta Perlindungan Pemberi Maklumat (*Whistleblower Protection Act*) dan ini akan memberi perlindungan kepada pihak yang berkenaan yang ingin *whistle blow* seseorang yang telah pun terlibat dalam sesuatu kes rasuah ataupun *improper conduct*.

Ini adalah satu langkah yang amat baik di mana kita sentiasa dapat memastikan bahawa rakan-rakan kita dalam sesuatu perjawatan atau organisasi tidak akan terlibat dalam kes rasuah. Ini langkah yang utama untuk kerajaan memastikan bahawa rasuah di negara ini akan dapat dikurangkan kepada tahap yang dapat diterima oleh semua rakyat sekalian. Sekian.

6. Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman minta Menteri Kewangan menyatakan berikutan liberalisasi sektor perkhidmatan yang membolehkan rakyat asing memegang ekuiti termasuk perkhidmatan perundingan, apakah rancangan kerajaan untuk meminda akta-akta sedia ada yang menghalang pemilikan ekuiti di dalam syarikat-syarikat perundingan tempatan seperti Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah 1981 (Akta 242) yang hanya membenarkan Penilai Berdaftar untuk memegang ekuiti.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang bercadang untuk meminda Akta Penilai, Pentaksir dan Ejen Hartanah 1981. Bahkan, pindaan rang undang-undang yang melibatkan pemilikan ekuiti telah pun dibaca pada kali pertama di Dewan Rakyat pada 15 Julai 2010. Untuk makluman Yang Berhormat, pindaan seksyen 23 Akta tersebut bertujuan untuk memperuntukkan bahawa seseorang penilai, pentaksir dan ejen hartanah boleh menubuhkan firma dengan orang awam dengan menawarkan ekuiti dalam firmanya. Orang awam meliputi individu dan syarikat yang juga boleh melibatkan rakyat asing. Pindaan tersebut adalah selaras dengan komitmen Malaysia dalam perjanjian ASEAN mengenai perkhidmatan yang akan dilaksanakan menjelang tahun 2015. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan di atas jawapan itu. Kita sedia maklum bahawa tujuan kerajaan melonggarkan syarat berhubung penarikan saham asing dalam sektor perkhidmatan adalah untuk menarik kemasukan lebih banyak pelaburan langsung asing (FDI) ke negara ini. Saya juga melihat langkah melonggarkan syarat pematuhan yang ditetapkan Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) itu juga diharap dapat meningkatkan lagi daya saing Malaysia sebagai destinasi pelaburan utama di rantau ini. Soalan tambahan saya ialah setakat manakah kemasukan pemilikan asing ini memberi impak yang positif terhadap negara ini pada masa ini? Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Tentang kesan dan impak setakat ini, kalau kita lihat dalam bidang perkhidmatan, kita belum dapat lihat kerana sesetengahnya belum dilaksanakan. Umpamanya dalam bidang

perkhidmatan profesional ini, kita perlu meminda undang-undang yang tidak membolehkan pemilikan ekuiti asing buat masa ini. Hanya pada tahun 2015 barulah kita akan melihat kemasukan pelaburan asing dalam perkhidmatan profesional ini kerana pada masa itu sahaja baru kita buka. Jadi hendak menilai kesanya, buat masa ini belum ada.

Akan tetapi perlu diingatkan bahawa perjanjian atau komitmen Malaysia dalam bidang perkhidmatan ini adalah ekoran daripada komitmen kita dan juga proses liberalisasi yang telah dibuat dalam bidang perdagangan. *Free trade* ini telah mendahuluinya. Saya rasa negara kita, Malaysia, sudah mendapat faedah yang besar daripada perdagangan antarabangsa ini sehingga meletakkan negara kita sebagai salah sebuah negara pedagang yang terbesar.

Akan tetapi apabila kita mendapat faedah dan komited kepada liberalisasi perdagangan antarabangsa, maka sudah tentu bidang yang keduanya adalah dari segi perkhidmatan. Inilah bidang yang sedang dirangka supaya liberalisasi dalam bidang ini akan dibuat dengan cara yang tersusun rapi dengan jangka masa yang sesuai supaya tidak berlaku secara mendadak. Terima kasih.

7. Dato' Dr. Yeow Chai Thiam minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan bentuk-bentuk bantuan kewangan yang disediakan oleh kerajaan kepada pertubuhan-pertubuhan belia supaya mereka dapat menganjurkan lebih banyak aktiviti yang berfaedah untuk kaum belia masa kini.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan II [Dato' Razali bin Haji Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon keizinan untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Yeow Chai Thiam ini bersekali dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor yang dijadualkan pada 3 Ogos kerana ianya berkaitan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan menyediakan dua bentuk bantuan kewangan kepada pertubuhan belia yang berdaftar dengan Pendaftar Pertubuhan Belia (ROY) iaitu bantuan pentadbiran dan bantuan aktiviti. Bagi bantuan pentadbiran, ianya disalurkan kepada Majlis Belia Malaysia, Pertubuhan Belia Peringkat Kebangsaan, Majlis Belia Negeri dan Majlis Belia Daerah sebagai bantuan perbelanjaan pengurusan pentadbiran persatuan-persatuan tersebut.

Sementara itu bagi bantuan aktiviti, ianya disalurkan kepada pertubuhan belia berasaskan kepada permohonan dan ianya perlu dibuat menerusi atas talian (*online*) dengan melayari laman web www.ekbs.gov.my. Walau bagaimanapun, peruntukan yang disediakan ini amatlah terhad dan persatuan-persatuan belia adalah digalakkan untuk lebih proaktif dalam mencari penaja atau sumber kewangan bagi membiayai sesuatu aktiviti atau program. Terima kasih.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Soalan tambahan saya adalah, apakah perancangan yang lain atau bantuan yang lain yang akan disediakan oleh kerajaan untuk memastikan golongan belia ini akan memainkan peranan yang lebih penting dalam pembangunan sosioekonomi negara dan juga meningkatkan produktiviti negara?

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Belia dan Sukan akan mengendalikan peruntukan yang disediakan kepada bahagian belia iaitu sebanyak RM14 juta setahun. Sudah tentu dana tersebut adalah satu jumlah yang kecil jika diagihkan kepada semua persatuan belia yang berdaftar setakat ini iaitu berjumlah 6,497 di bawah ROY.

Namun begitu, Kementerian Belia dan Sukan akan sentiasa memberi pendedahan kepada para belia, terutamanya dari segi kepimpinan persatuan belia, kerana kita percaya dengan meningkatkan mutu kepimpinan, penjawat jawatan persatuan belia akan dapat meningkatkan produktiviti dalam mereka menjalankan tugas-tugas ataupun program-program yang dirancang.

■1050

Sehubungan dengan itu, pencapaian bukan hanya disandarkan kepada jumlah dana yang disediakan, tetapi dari segi pemilikan ilmu pengetahuan dan pendedahan yang diberi sepanjang tempoh mereka bergiat aktif dalam persatuan-persatuan belia.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tadi sudah hendak memberontak dah. Pasal apa, oleh sebab sebelah sini tidak pernah kena panggil pun. Akan tetapi, *alhamdulillah*, empat bangkit, saya yang dapat. *Alhamdulillah*.

Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas jawapan yang diberikan. Saya juga memohon mendapatkan penjelasan berapa peratusan peruntukan sebenar oleh kementerian bagi aktiviti belia dalam agihan bajet tahunan contohnya 2009, memandangkan banyak rungutan daripada persatuan belia, apabila memohon peruntukan, walaupun dalam pertengahan tahun jawapan yang diberikan adalah bajet telah habis.

Apakah kaedah untuk mendapatkan peruntukan ini? Oleh kerana memandangkan di Pulau Pinang, kita dapati bahawa persatuan belia tidak dapat peruntukan tetapi aktiviti yang hendak dijalankan adalah melalui konsultan dan konsultan yang menjalankan aktiviti-aktiviti belia ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Razali bin Haji Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk pengetahuan Ahli Dewan, saya tidak dapat statistik 2009. Saya boleh beri Bajet 2010. Di bawah peruntukan Bajet 2010, kementerian hanya boleh mengagihkan RM14 juta untuk bahagian belia. RM13.5 juta untuk Rakan Muda dan RM13 juta untuk bahagian sukan.

Kita ada persatuan di bawah ROY, kita ada persatuan di Akta Pembangunan Sukan dan kita ada Kelab-kelab Rakan Muda. Kalau kita campur jumlah itu, hampir hanya RM40 juta sahaja yang boleh diagih-agihkan ke seluruh negara. Bukanlah saya menyatakan bahawa jumlah itu kecil tetapi kita akan cuba sebaik mungkin untuk mengendalikan jumlah tersebut.

Ini kerana daripada RM14 juta dana yang disediakan untuk persatuan belia, sebanyak RM4.2 juta terpaksa digunakan untuk pentadbiran iaitu 18 persatuan peringkat kebangsaan yang akan menerima hampir RM2.1 juta. 13 persatuan peringkat negeri yang kita belanjakan RM650,000 dan 74 persatuan di peringkat daerah melibatkan dana sebanyak RM1.4 juta.

Kalau daripada jumlah itu, baki untuk dana aktiviti belia tinggal RM10 juta. Untuk tahun ini, saya tidak menafikan bahawa jumlah perbelanjaan yang sangat ketat kerana daripada RM14 juta atau baki RM10 juta itu, RM1.5 juta terpaksa kita belanjakan untuk sambutan Hari Beli Negara. Baki itulah yang akan kita agih-agihkan kepada 6,000 lebih persatuan yang memohon.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, bahagian belia terpaksa mendapat tambahan RM850,000 daripada bahagian Rakan Muda dan juga bahagian sukan bagi menampung permohonan yang disediakan. Saya merasakan bahawa dengan jumlah belia seramai 11.9 juta, jumlah RM40 juta itu memanglah sangat sukar untuk memuaskan hati semua yang memohon.

Namun begitu, saya rasa kita boleh mencari jalan keluar. Apabila tertubuhnya Jawatankuasa Kabinet Belia yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri yang turut dianggotai oleh kementerian-kementerian yang berkaitan dengan orang muda seperti Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan.

Saya percaya dana-dana ini dapat kita agih-agihkan dengan lebih sekata dan belia tidak hanya perlu melihat Kementerian Belia dan Sukan untuk menjalankan program. Saya percaya belia yang terlibat dengan pertanian akan terus ke Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani tanpa datang ke Kementerian Belia dan Sukan untuk mendapatkan dana. Jadi, sebab itu saya rasa Jawatankuasa Kabinet Belia ini akan melihat bagaimana nanti dapat kita pastikan dana yang disediakan oleh kerajaan dapat benar-benar memberi manfaat kepada 11.9 juta belia daripada penduduk negara yang mewakili hampir 42% populasi Malaysia buat masa ini. Terima kasih.

8. Dato' Azian bin Osman minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan rasional kenaikan harga barang runcit yang semakin menjadi-jadi terutama di kalangan pengusaha kedai makanan sedangkan banyak barangan telah menjadi barang kawalan harga dan ia memberi kesan kepada pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan hanya mengawal selia barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961 dan Akta Kawalan Harga 1946 iaitu gula, tepung gandum, minyak masak, petrol, diesel dan gas petroleum cecair.

Barangan keperluan pengguna yang lain adalah tidak diwartakan dan tidak dikawal harga oleh pihak kementerian. Walau bagaimanapun, harga bagi barang-barang runcit tertentu hanya dikawal semasa musim-musim perayaan dan dalam tempoh yang ditetapkan. Ini bertujuan untuk memastikan harga yang berpatutan dan bekalan sentiasa mencukupi bagi keperluan pengguna. Terima kasih.

Dato' Azian bin Osman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini bukan soalan tambahan. Ini mohon jawapan kepada soalan pertama saya. Ini kerana, saya kira Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menjawab soalan. Soalan saya apakah rasional kenaikan harga barang-barang ini? Itu soalan saya. Terima kasih.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, pertama Yang Berhormat kena spesifik apa barangan Yang Berhormat hendak saya jawab ini sebab saya kata yang di bawah kawalan kami adalah beberapa barang ini. Jadi, kalau Yang Berhormat boleh beritahu sedikit kepada saya, sebab di bawah gula, sekarang ini semua orang sudah tahu kenapa. Sebab ada rasionalisasi subsidi dinaikkan di bawah gula.

Yang lain Yang Berhormat semua sedia maklum sebab ini adalah atas kajian yang dibuat oleh Jawatankuasa Pemandu. Jadi, bahagian kami ini mengimplementasikan dan menguatkuasakan sekiranya telah diumumkan bahawa ada kenaikan barang-barang kawalan ini. Oleh itu, atas pihak kementerian kami menguatkuasakan.

Jawatankuasa Pemandu telah menetapkan sebab ini adalah satu penjimatan kepada negara di bawah rasionalisasi subsidi. Dengan penjimatan RM750 juta ini, *insya-Allah* boleh digunakan untuk perkara-perkara lain yang mempunyai kesan jangka panjang. Akan tetapi, kalau Yang Berhormat ada sesuatu barang-barang runcit yang menjadi keraguan, *insya-Allah* saya cuba akan menjawab Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, hendak memuaskan hati pula. Ada tambahan lagi?

Dato' Azian bin Osman: Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, saya rasa sudah kuat spesifik, minta kementerian menyatakan rasional kenaikan harga barang runcit yang semakin menjadi-jadi terutama di kalangan pengusaha kedai makanan? Contohnya roti canai. Gula dikawal, tetapi harga roti canai naik juga.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah dijawab tadi. Okey, soalan tambahan lain. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Baru-baru ini gula tidak ada. Ini selalu berlaku. Persoalan yang hendak saya timbulkan ialah gula barang kawalan. Ia tidak ada di pasaran baru-baru ini, bulan sudah. Sebab pembekal ini sudah mengetahui bahawa kerajaan akan menaikkan harga gula. Gula tidak ada. Apabila sudah naik 25 sen sekarang, berapa treler pun ada.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan Yang Berhormat, soalan.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Perkara ini berlaku berulang kali. Soalan saya Tuan Yang di-Pertua, sudah berlaku berulang kali dan benda ini tidak selesai, mungkin akan berlaku lagi. Jadi, kita hendak satu komitmen kerajaan jawab supaya harga barang kawalan yang spesifik ini tidak akan berlaku pada masa akan datang.

Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim: Terima kasihlah kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin. Yang Berhormat sendiri telah mengatakan bahawa didapati tidak cukup bekalan sebelum dinyatakan rasionalisasi

subsidi. Yang Berhormat, langkah yang kementerian ini ambil di mana pada masa itu nampaknya kita pun kurang popular iaitu kita hendak melesenkan semua peruncit yang ada di dalam negara.

Jadi, pada mulanya macam-macamlah dengan 20,000 yang hendak boikot dan sebagainya. Akan tetapi Yang Berhormat itulah sebabnya kenapa kami perlu melesenkan peruncit sebab setakat itu, kita hanya tahu 4 buah kilang di dalam negara, 300 lebih pemborong tetapi apabila sampai kepada peruncit tidak ada pula maklumat.

■1100

Jadi oleh yang demikian kita membuat, jadi pada 1 Julai hari itu kita sudah dapat setakat ini 43,000 peruncit yang berdaftar dan berlesen di bawah kementerian. Yang Berhormat, jika pada masa ini terjadinya tidak cukup bekalan dan sebagainya, kita boleh pergi *direct* kepada *even* peruncit. Jadi kami tidak mahu lagi dikatakan menuding jari, marah kepada pengilang, marah kepada pemborong, marah kepada peruncit tetapi dengan sekarang ini kita sudah ada 43,000 peruncit yang berdaftar dan hanya mereka ini sahaja yang boleh menjual barang-barang kawalan ini.

Jadi Yang Berhormat, bermakna kita sudah dapat tahu kalau terjadinya bekalan tidak mencukupi, kita boleh pergi spesifik sehingga kepada peruncit mana ini, yang kedai mana Yang Berhormat atau pengguna-pengguna pergi yang mengatakan tidak dapat gula katakan, tidak dapat minyak masak, kita boleh pergi *direct* dan pada masa itu kita boleh buat penyiataan, tidak ada menuding jari. Akan tetapi Yang Berhormat, untuk makluman syukur Alhamdulillah sekarang ini bekalan sangat mencukupi.

Yang Berhormat kata sebab naik 25 sen, mungkin tetapi itu spekulasi Yang Berhormat, memang kita tidak dapat elak daripada peruncit-peruncit atau mana-mana pekedai ini membuat spekulasi. Akan tetapi adanya betul, ada yang tidak betul tetapi itu risiko kepada mereka-mereka yang meruncit barang-barang kawalan. Akan tetapi Yang Berhormat, memang kami tidak benarkan *hiding* dan sebagainya. Jadi sebab kita tidak tahu siapa yang hendak dicekup ini, sebab ramai sangat.

Jadi masa itu kami diberitahu bahawa ada 60,000 peruncit di dalam negara, bayangkanlah Yang Berhormat. Akan tetapi sekarang ini kita ada hanya 43,000 ini sahajalah yang boleh berdagang barang-barang kawalan iaitu gula, tepung, minyak masak dan gas. Terima kasih Yang Berhormat.

9. Datuk Sim Kheng Hui minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada tindakan menaikkan harga tender nombor plat kereta oleh pihak berkuasa bersesuaian dengan polisi kerajaan dan bagaimana pula dengan had harga tender tertinggi yang ditetapkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan II [Tuan Jelaing anak Mersat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Senator Sim.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sistem tender atau tawaran nombor pendaftaran yang dilaksanakan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan adalah berdasarkan kepada konsep tempahan melalui jawatankuasa yang ditubuhkan. Mana-mana pemohon yang menempah sesuatu nombor pendaftaran pada harga tempahan yang tertinggi, akan ditawarkan nombor pendaftaran tersebut. Tiada had harga tertinggi ditetapkan bagi tempahan nombor pendaftaran kenderaan.

JPJ tidak menaikkan harga tempahan nombor pendaftaran kenderaan baik sebelum atau semasa mesyuarat jawatankuasa pemilihan tempahan nombor pendaftaran. Ini bagi memastikan ketelusan sistem pengurusan tempahan nombor pendaftaran kenderaan. Setakat bulan Januari hingga Mei tahun 2010, sebanyak 351,092 urus niaga dicatatkan dengan hasil kutipan berjumlah RM70,043,500.33. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Sim, ada soalan tambahan?

Datuk Sim Kheng Hui: Tidak ada.

Tuan Yang di-Pertua: Datuk Sim Kheng Hui tidak ada soalan tambahan ke? Tidak ada, sesiapa lagi?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Okey silakan Yang Berhormat Zamri.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dengan soalan tambahan ini. Saya ingin tanya Kementerian Pengangkutan dalam urusan tender plat ini. Apakah sasaran sebenar pendapatan yang dijangkakan mampu dihasilkan berdasarkan pengeluaran nombor plat seluruh negara? Keduanya, saya ingin mendapatkan kepastian kementerian, bilakah kementerian bercadang untuk memulakan tawaran plat peribadi yang dijangkakan akan mendapat perhatian lebih ramai kerana lebih popular dan dijangka mampu memberikan hasil yang lebih tinggi kepada kementerian? Terima kasih.

Tuan Jelaing anak Mersat: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Pada waktu sekarang saya tidak ada *figure* yang begitu spesifik Tuan Yang di-Pertua. Saya

akan jawab ini secara bertulis dan bagi soalan nombor dua iaitu sama ada kita akan bagi nombor persendirian, *private number* yang popular ini. Buat masa sekarang belum ada cadangan apa-apa, kalau ada pada masa depan, kita akan buat pengumuman. Sekian.

10. Dr. Malasingam a/l Muthukumar minta Perdana Menteri menyatakan mengapa kerajaan masih lagi memberikan biasiswa kepada pelajar yang meneruskan pelajaran ke luar negara yang banyak hingga menyebabkan '*brain drain*' dan terpaksa memberikan insentif kepada pelajar-pelajar ini untuk kembali ke tanah air.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menaja pelajar-pelajar cemerlang ke luar negara untuk melanjutkan pengajian ke universiti-universiti bertaraf *Ivy League* dan setara dalam bidang-bidang kritikal dan strategik serta berdasarkan keperluan semasa negara. Selaras dengan hasrat kerajaan untuk mengekalkan pelajar-pelajar cemerlang dalam negara bagi menyokong usaha menjadikan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan serantau, JPA telah menawarkan penajaan kepada pelajar-pelajar cemerlang lepasan SPM untuk mengikuti pengajian di empat buah universiti penyelidikan ataupun *research university* dengan izin di Malaysia iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Malaysia (US).

Bagi pelajar-pelajar cemerlang yang tidak terpilih di bawah program ijazah luar negara untuk meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kerajaan telah bersetuju untuk menawarkan penajaan bagi mengikuti pengajian di IPT tempatan terdiri daripada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) bagi bidang-bidang kritikal iaitu di Royal College of Medicine Perak, University College Sedaya International, Cyberjaya University College of Medical Sciences dan Alliance College of Medical Science dengan kerjasama Universiti Kebangsaan Malaysia dan kampus cawangan universiti luar negara di Malaysia iaitu University of Nottingham, Munich University, Swinburne University of Technology and Curtin University of Technology termasuklah Asia Institute of Medicines, Science and Technology dalam bidang-bidang yang diiktiraf.

Pada masa ini kerajaan tidak membenarkan pelajar-pelajar tajaan JPA menanggungkan kepulangan selepas tamat pengajian di luar negara bagi memenuhi

keperluan kerajaan di dalam sektor awam untuk memastikan penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat tidak terjejas. Tindakan sewajarnya akan diambil ke atas pelajar-pelajar mengikut prosedur yang ditetapkan termasuklah tindakan undang-undang. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Malasingam a/l Muthukumar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan, setakat ini berapakah jumlah pelajar yang telah kembali ke tanah air sejak 2008 hingga kini? Apakah tindakan kerajaan untuk mengutip balik pinjaman-pinjaman yang telah diberikan jika mereka tidak kembali menabur bakti di tanah air sendiri setelah tamat pelajaran? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dr. Malasingam. Saya tidak ada *figure* yang diminta oleh Yang Berhormat Senator Dr. Iaitu berapa yang kembali pada tahun 2008. Apa yang saya ada pada setakat ini adalah bagi pelajar-pelajar yang tidak kembali ke tanah air daripada tahun 2003 hingga 2007 iaitu sebanyak 236 pelajar yang tidak kembali ke tanah air. Ini mengambil masa kurang lebih empat tahun Tuan Yang di-Pertua untuk kita mengetahui sama ada pelajar kembali ke tanah air ataupun tidak kerana mereka perlu menghabiskan khusus dulu *in the four years time*. Jadi bagi 2008, kita akan ketahui berapa pelajar tidak akan kembali ke tanah air. Mungkin apabila kursus telah pun tamat dalam 2011 ataupun 2012.

Namun, untuk makluman Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, seseorang pelajar akan tidak tahu sama ada akan kembali ke tanah air ini ataupun tidak apabila mereka telah pun menamatkan kursus mereka. Kita tidak akan tahu sama ada mereka tidak akan kembali ke tanah air pada masa mereka menjalankan kursus *because they have to compete the course first*. Selepas itu, kita akan tahu sama ada mereka berhasrat untuk meninggalkan ataupun terus berkhidmat di negara yang mereka *taking the course* kerana pada masa itu sahaja kita akan tahu sama ada mereka ditawarkan untuk *work in that country* ataupun tidak.

■1110

Hanya pada masa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, kita akan tahu sama ada mereka telah pun melanggar perkhidmatan kontrak, *only at that time we know that whether there have been breached of the contract by not coming back*. So, it is quite *difficult* untuk kerajaan mengetahui sama ada pelajar pada masa menjalankan kursus akan kembali ke tanah air ataupun tidak. Sekian, terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanyakan soalan yang berkaitan secara tidak langsung dengan soalan yang dibentangkan di sini. Saya merujuk kepada pelajar-pelajar cemerlang yang banyak tertarik ke negara luar terutama sekali Singapura dengan *scholarship* yang lumayan dan mereka ini biasanya jarang kembali ke negara kita. Jadi kita kehilangan mereka dan ini nampaknya ironis sedikit kerana sekarang ini kita bercakap tentang hendak memberikan PR kepada pelajar-pelajar asing pula di negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan?

Dr. Syed Husin Ali: Soalan tambahannya ialah apakah yang hendak dilakukan oleh pemerintah supaya kita tidak kehilangan pelajar-pelajar cemerlang ke negara jiran tetangga. Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Seperti Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali sedia maklum bahawa sekiranya seseorang pelajar yang cemerlang di tanah air ini ingin berhijrah ke negara-negara lain untuk berkhidmat di situ, itu adalah terpujang kepada pelajar itu sendiri, terpujang kepada individu sama ada dia hendak berkhidmat di negara ini ataupun tidak.

Akan tetapi ini adalah berbeza dengan pelajar yang diberi biasiswa. *So, you have to appreciate that. So,* sekiranya pelajar atau individu ataupun sesiapa sahaja ingin meninggalkan tanah air dan tinggal di mana-mana negara di dunia ini, *it is up to them* tetapi kerajaan sememangnya memberi inisiatif-inisiatif kepada pelajar-pelajar ini untuk kembali ke tanah air ini dan selain daripada itu memberikan banyak inisiatif kepada mereka supaya kita mengadakan satu *brain gain and not brain drain* kepada pelajar yang cemerlang ini.

Jadi saya haraplah pihak-pihak yang berkenaan dapat menggalakkan pelajar-pelajar cemerlang untuk terus berkhidmat untuk bangsa dan negara. Ini amatlah penting. Sekian, terima kasih.

11. Tuan Ahmad bin Hussin minta Menteri Luar Negeri menyatakan mengapakah Malaysia lambat meratifikasikan (*ratification*) 'Rome Statute' iaitu undang-undang yang diguna pakai oleh International Criminal Court (ICC), The Hague, Belanda walaupun kini sebanyak 111 buah negara telah pun meratifikasi dan apakah faedah-faedah yang akan dinikmati oleh Malaysia kelak.

Timbalan Menteri Luar Negeri I [Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Hussin di atas soalan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun sebanyak 111 buah negara telah meratifikasikan Statute Rome, Mahkamah Jenayah Antarabangsa dan Malaysia masih belum menyertai Statute Rome namun dalam mengiktiraf jenayah-jenayah antarabangsa yang disenaraikan di bawah Artikel 5, Statute Rome seperti *genocide*, jenayah terhadap kemanusiaan, jenayah perang dan jenayah pencerobohan. Malaysia sentiasa berpendirian bahawa jenayah-jenayah antarabangsa tersebut adalah jenayah-jenayah terhadap kemanusiaan yang sangat serius dan tidak dapat diterima oleh seluruh masyarakat dunia. Individu-individu yang didakwa melakukan jenayah-jenayah tersebut haruslah dibawa ke muka pengadilan.

Kementerian Luar Negeri berpandangan bahawa sebelum negara menyertai mana-mana *treaty* antarabangsa, penelitian terperinci harus dilakukan untuk memastikan agar kedaulatan dan kepentingan negara sentiasa terpelihara dan dipertahankan. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan yang berkaitan sedang meneliti dengan mendalam dan terperinci implikasi terhadap negara berhubung cadangan penyertaan Malaysia ke atas Statute Rome dan seterusnya penerimaan bidang kuasa Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC) oleh negara.

Penyertaan Malaysia ke atas Statute Rome berdasarkan kelebihan yang akan diperolehi sebagai sebuah negara ahli kepada *statute* tersebut. Antara faedah-faedah praktikal penyertaan Malaysia adalah;

- (i) sebagai negara ahli, Malaysia akan layak mencalonkan rakyatnya sebagai hakim, pendakwa dan pendaftar ICC serta memegang jawatan-jawatan lain di Pejabat Pendakwa dan Pejabat Pendaftar ICC.
- (ii) selain meningkatkan imej Malaysia di mata masyarakat antarabangsa, penyertaan tersebut akan memberikan peluang pendedahan luas kepada rakyat Malaysia yang berminat untuk menimba pengalaman berkhidmat di Mahkamah Antarabangsa.
- (iii) berdasarkan artikel 122, Statute Rome, semasa persidangan tahunan negara-negara ahli, Malaysia sekiranya ingin menjadi negara ahli akan mempunyai suara dalam hal ehwal ICC seperti pengurusan berkaitan pentadbiran ICC, mempertimbangkan dan menentukan perbelanjaan ICC dan memutuskan bilangan hakim ICC.

- (iv) sebagai negara ahli adalah mewakili satu undian; dan
- (v) Malaysia boleh merujuk kepada pendakwa ICC di bawah artikel 13A, Statute Rome mengenai jenayah-jenayah antarabangsa yang dilakukan oleh mana-mana individu umpamanya oleh pihak tentera Israel terhadap rakyat Palestin mengikut artikel 14(1), Statute Rome tersebut, negara ahli boleh merujuk kepada pendakwa suatu situasi di mana satu atau lebih jenayah-jenayah di bawah bidang kuasa ICC telah berlaku dan meminta pendakwa menyasat situasi tersebut bagi tujuan mendakwa individu-individu yang terlibat.

Sesungguhnya penyertaan Malaysia ke atas Statute Rome akan membuktikan kepada masyarakat antarabangsa bahawa Malaysia menerima prinsip kedaulatan undang-undang antarabangsa dan tidak memberi kekebalan terhadap penjenayah-penjenayah yang telah melakukan jenayah-jenayah terhadap kemanusiaan yang serius seperti *genocide*, jenayah terhadap kemanusiaan, jenayah perang, jenayah pencerobohan, dengan izin, *crime of aggression*.

Ini juga melambangkan Malaysia serius dalam usaha menentang sebarang bentuk keganasan terhadap kemanusiaan di peringkat global dan meningkatkan perpaduan serta tekad bersama-sama masyarakat antarabangsa untuk membanteras jenayah antarabangsa. Sekian, terima kasih.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ucap tahniah kepada timbalan menteri yang jawab dengan begitu baik. Saya difahamkan dalam akhbar bahawa Malaysia berhasrat untuk menyaman Israel berikutan kes kapal Freedom Flotilla sebab ada kematian, ada kecederaan, rampas. Ini lanun antarabangsa Tuan Yang di-Pertua. Jadi oleh sebab Malaysia belum lagi tandatangan, agak sukar untuk mendakwa Israel.

Jadi saya hendak tanya, lama mana lagi kita hendak kaji kerana benda ini baik dan 111 negara sudah buat. Lama mana, saya minta bagi konkrit jawapan supaya kita senang sedikit kerana kita hendak dakwa penjahat Israel ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Malaysia sekiranya menjadi ahli kepada Rome Statute ini, namun mengikut perkara 12(2a) di mana Malaysia tidak boleh menghadapkan Israel ke Mahkamah ICC di mana kalau kita lihat di dalam perkara 12(2a) itu jelas sekali menunjukkan apabila orang

itu ataupun *vesse*nya terlibat atau diserang atau diceroboh dan sebagainya, maka barulah negara itu boleh menghadapkan negara yang menyerang itu ke Mahkamah ICC.

■1120

Jadi dalam isu ini, sebenarnya negara Turki yang boleh menghadapkan negara Israel ke ICC. Namun begitu kalau kita lihat - sebenarnya kita perlu lihat beberapa perkara, di mana pihak kerajaan sedang mengambil inisiatif dan telah merujuk perkara ini kepada Jabatan Peguam Negara. Ini di mana kita perlu lihat akan beberapa implikasi dan juga kehendak serta kewajipan yang perlu dilakukan. Kalau kita lihat, kementerian juga telah mengadakan beberapa perbincangan bersama-sama dengan Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Pertahanan, Majlis Keselamatan Negara, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan sebagainya.

Ini di mana kalau kita lihat terdapat perbezaan bagi sesuatu negara, di mana ketua angkatan tentera akan menjadi ketua dalam segala-galanya apabila didakwa di mahkamah dan sebagainya. Akan tetapi di negara kita, kita ada ketua angkatan tentera dan di atasnya ada Yang di-Pertuan Agong. Jadi kita perlu melihat beberapa perkara dengan teliti berdasarkan perundangan kita, sebelum kita mempersetujui Statut Rome dan menjadi ahli kepada Statut Rome itu.

12. Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid minta Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menyatakan bagaimanakah kerajaan bercadang untuk menjayakan inisiatif jalur lebar dari segi pembekalan komputer riba dan kandungan yang menarik. Siapakah penerimanya dan apakah langkah-langkah untuk mempraktikkan kemampuan inisiatif ini.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 24 Mac 2010 yang lalu telah mengumumkan beberapa inisiatif di bawah Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan (NBI). Salah satu daripadanya adalah peruntukan sejumlah RM1.0 bilion dari dana Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP), bagi tujuan pembahagian pakej komputer riba atau *netbook* kepada kumpulan sasaran yang telah dikenal pasti.

Pengagihan *netbook* kepada kumpulan sasaran ini adalah berdasarkan nisbah berikut:

- (i) 65% daripada jumlah *netbook* akan diagihkan kepada golongan pelajar yang kurang mampu. Sasaran yang ditetapkan adalah

pelajar-pelajar dari keluarga yang berpendapatan isi rumah di bawah RM3,000 di luar bandar, dan RM5,000 di bandar. Dengan keutamaan diberi kepada pelajar sekolah menengah kerajaan, atau bantuan kerajaan yang masih tiada pemilikan komputer dan langganan jalur lebar di rumah; dan

- (ii) baki 35% jumlah *netbook* akan diagihkan kepada golongan berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan kurang liputan, serta kawasan yang telah tersedia perkhidmatan dengan pendapatan isi rumah di bawah RM3,000 dan masih tiada pemilikan komputer dan langganan jalur lebar di rumah. Sasaran pengagihan meliputi kampung-kampung tradisi, kampung-kampung baru dan pusat penempatan masyarakat setempat. Had pemberian kedua-dua kumpulan sasar ini adalah satu unit *netbook* bagi satu isi rumah sahaja.

Program pengagihan *netbook* ini akan dilaksanakan secara berfasa bermula dari bulan Julai sehingga akhir tahun 2010. Ia turut melibatkan koordinasi dan kerjasama pelbagai agensi kerajaan, syarikat-syarikat industri kecil dan sederhana (IKS), dan pihak penyedia perkhidmatan.

Bagi mempraktikkan penggunaan *netbook* ini, kementerian mengenal pasti mereka yang layak - yang tinggal berhampiran dengan 246 Pusat Jalur Lebar Komuniti (PJK) di seluruh negara. Selain daripada itu, *netbook* tersebut juga boleh menerima siaran *internet* secara *WiFi* dari pusat-pusat tersebut. Adalah dijangka melalui usaha-usaha ini, sasaran kerajaan bagi meningkat penebusan jalur lebar isi rumah kepada 50% menjelang akhir tahun ini akan lebih mudah dicapai. Terima kasih.

Datuk Haji Rizuan bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Soalan tambahan saya, apakah kejayaan yang dicapai setakat ini dalam menjayakan Inisiatif Jalur Lebar Kebangsaan, dan di manakah kumpulan sasaran yang lain selain daripada yang disebut sebagai penerima tadi? Terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini penebusan jalur lebar di negara kita adalah lebih kurang 38%, dan bakinya 12% mungkin kita akan capai pada penghujung tahun ini.

Selain daripada kumpulan sasaran yang telah saya nyatakan tadi, adalah misalnya ketua-ketua masyarakat, ketua kampung dan semuanya ini dalam kawasan

yang ada liputan jalur lebar. Sekiranya mereka di luar kawasan jalur lebar - maka sekiranya kita mengagihkan *netbook* tersebut, mereka tidak akan dapat menggunakan *netbook* itu.

Oleh yang demikian, kita menggunakan kumpulan sasaran yang besar mengikut nisbah yang telah saya nyatakan - 65% untuk pelajar-pelajar sekolah. Dalam yang 35% itu, Yang Berhormat saya percaya hendak tahu siapakah yang akan kita agihkan iaitu sebagaimana yang saya katakan - ketua-ketua masyarakat, ketua kampung di mana ada liputan dan juga kumpulan-kumpulan misalnya yang kita fikirkan perlu mendapat pertolongan dari segi bantuan kerajaan. Terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ada dua. Pertama, saya hendak mendapat penjelasan oleh kerana saya dengar dalam bahasa Melayu disebut komputer riba, tetapi dalam bahasa Inggeris dipanggil *netbook*. Sama ada itu *laptop* atau *notebook* ataupun *netbook*?

Kedua, bagaimana kita hendak mengenal pasti sama ada penerima ini sudah memiliki komputer ataupun tidak? Kalau tanya saya, saya memang kata saya belum ada. Sekian, terima kasih.

Dato' Joseph Salang anak Gandum: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang. Tuan Yang di-Pertua, komputer riba adalah *netbook*. Berkenaan dengan pertanyaan ada atau tidak seseorang itu memiliki komputer, dan ia mengatakan tidak sekiranya ada pemberian dari kerajaan. Jadi itu mengikut kejujuran seseorang. Diharapkan kita di Malaysia akan sentiasa jujur dan tidak mengaku apa yang tidak betul. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kita pergi kepada satu soalan tambahan lagi. Ya, pertanyaan yang ke-13 - Yang Berhormat Tuan Muhammad Olian bin Abdullah. Silakan - tidak datang? Baiklah masa pun agaknya sudah masuk ke pukul 11.30 pagi. Selesailah sudah soalan-soalan lisan kita pada pagi ini.

[Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

■ 1130

USUL**RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (2011-2015)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

“Bahawa Dewan ini,

menyedari akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dalam menghadapi persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha Kerajaan untuk terus melaksanakan Misi Nasional dengan disokong oleh Model Baru Ekonomi sebagai rangka dasar pembangunan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan dilaksanakan berasaskan hala tuju strategik, program dan peruntukan yang diperlukan untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan membawa negara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020 seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD.3 Tahun 2010;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu dengan semangat “1Malaysia : Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan” dan mempunyai iltizam yang teguh bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk menjayakan pelan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju, berdaya tahan dan berdaya saing, demi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia” **[20 Julai 2010]**

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-Ahli Yang Berhormat saya ada terima berjumlah 12 Ahli-ahli Yang Berhormat yang ingin mengambil bahagian pada hari ini. Buat permulaannya sebagaimana semalam kita Yang Berhormat Doris Sophia ak Brodi sedang masih ada membahaskannya. Saya persilakan Yang Berhormat Doris Sophia ak Brodi untuk menyambung selama 20 minit lagi. Dipersilakan.

11.31 pg.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Saya juga ingin berterima kasih kerana diberi peluang

sekali lagi menyambung ucapan perbahasan saya berkenaan dengan RMKe-10 yang telah dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 10 Jun lepas. Semalam saya telah berucap mengenai dua isu iaitu isu sekolah vokasional dan isu kehidupan di luar bandar. Saya mohon menyambung isu kehidupan luar bandar dan isu-isu seterusnya Tuan Yang di-Pertua.

Isu untuk meningkatkan taraf kehidupan luar bandar. Usaha yang lebih gigih perlu dilakukan untuk menghapus persepsi negatif mengenai keadaan luar bandar yang lazimnya dilabel sebagai mundur, dibelenggu pengangguran dan kemiskinan serta tiada peluang pekerjaan.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Dalam hal ini negara perlu mencontohi bagaimana negara-negara maju yang lain yang telah berjaya mengubah imej kawasan luar bandar mereka. Sebagai contoh di Jepun kawasan luar bandar bukan hanya menjadi destinasi pelancongan malah menjadi pilihan sebagai *residential area* dengan izin oleh golongan elit dan penduduk berpendapatan tinggi. Kawasan luar bandar yang berimej mundur, tidak maju dan tidak mempunyai nilai kekayaan ditukar menjadi tempat membina kehidupan yang lebih baik dan selesa. Disertai dengan peluang dan bidang ekonomi dan industri. Justeru itu kerajaan memikul tanggungjawab besar untuk memastikan masyarakat luar bandar setaraf dengan masyarakat luar bandar di negara maju dari aspek kesihatan, pendidikan, sikap dan cara hidup.

Tuan Yang di-Pertua, matlamat Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) khususnya untuk meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat bumiputera di Sarawak. Bukan sekadar impian semata-mata kerana kisah kejayaan anak muda dari pedalaman yang dicapai menerusi pendidikan sering kali dilaporkan. Sudah terbukti ramai daripada golongan etnik minoriti termasuk ahli perniagaan dan ahli politik yang berasal dari kawasan terpencil di Sarawak berjaya dalam hidup kerana dihantar ke sekolah berasrama. Dengan adanya pendidikan berkualiti dan kemudahan yang lebih baik disediakan di sekolah-sekolah di pedalaman, ibu bapa akhirnya akan memahami kepentingan pendidikan bagi anak mereka sebagai pintu untuk keluar daripada kemiskinan.

Inisiatif untuk mengurangkan kadar kemiskinan bumiputera Sarawak kepada 3% menjelang 2015 boleh dicapai menerusi pelaksanaan yang lebih baik. Menerusi RMKe-10 kerajaan antara lain akan memperluaskan sekolah model khas bagi menangani isu

keciciran yang tinggi khususnya pada kalangan suku Penan. Selain membina jalan raya sepanjang 2,819 kilometer di Sarawak. Di sini saya cadangkan program-program harus diserahkan kepada anak tempatan yang boleh memahami keadaan akar umbi di Sarawak. Saya yakin pembinaan jalan dan prasarana lain di kawasan pedalaman akan membawa faedah kepada masyarakat khususnya penduduk rumah panjang kerana akan membuka peluang untuk tanah hak adat bumiputera NCR dibangunkan. Perhatian khusus yang diberi kepada Sarawak bagi meningkatkan taraf hidup penduduk di negeri ini juga bermakna mereka berupaya berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada bantuan kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, meskipun Sarawak mempunyai 28 suku kaum, kaum minoriti Penan sentiasa mendapat perhatian di dada media, tanah air dan antarabangsa. Baru-baru ini timbul isu rogol. Sekali lagi kaum itu menarik perhatian ramai. Mengapakah selalu timbul isu kaum Penan ini? Adakah jawatankuasa yang ditubuhkan dan program-program Kerajaan Negeri tidak berkesan? Atau kita sebenarnya kurang komited mengenai masalah Penan? Adakah pihak kerajaan melaksanakan dasar dan program tanpa mengikut kehendak kaum Penan? *You know I personally believe that to solve a problem, one must find out the root causes of the problem* dengan izin *to be able to solve it.*

Begitu juga dengan isu Penan. Kita perlu turut mendengar apa dimahukan orang Penan. Kita ambil contoh langkah yang diambil oleh Dato' Sri Shahrizat turun padang untuk melihat dengan sendirinya keadaan kehidupan orang Penan beberapa hari yang lalu di Batu Bungan Ulu Baram. Begitu juga dengan Perdana Menteri saya difahamkan esok dia akan ke Long Banga di Baram. Ini adalah langkah yang paling baik kerana dengan sendirinya dia pergi ke tempat itu, tempat orang-orang Penan dia akan dapat melihat dengan sendirinya kehidupan orang-orang Penan. Ini saya fikir harus dicontohi oleh Menteri-Menteri yang lain agar mereka dapat lebih memahami keadaan kehidupan orang Penan.

Orang-orang Penan mempunyai cara berfikir sendiri. Tidak sama dengan cara kita yang terdedah kepada kemodenan dan pendidikan. Apa yang kita fikirkan baik dan maju tidak semestinya demikian bagi orang-orang Penan. Namun komitmen pihak kerajaan dan kaum Penan yang terpelajar dapat mengubah taraf hidup dan masa depan kaum mereka. Pendidikan lebih bersepadu, serius dan berterusan perlu dilaksanakan untuk memastikan Penan dikeluarkan daripada cengkaman hidup dan masa depan yang tidak menentu. Kegagalan menyelesaikan isu Penan sejak dekad 70-an menyebabkan

isu itu mudah meledak dan dieksploitasikan pelbagai pihak. Termasuk pembangkang dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

Benarkah? Saya tanya benarkah rogol berlaku atau ada masalah lain yang lebih kompleks berkaitan lelaki di kem pembalakan? Mungkinkah wanita Penan dieksploitasikan pekerja kem pembalakan dan sesudah pekerjaan tamat maka wanita Penan yang turut mendapat manfaat dari hubungan itu akhirnya diabaikan. Ini persoalan saya. Kebanyakan Penan di Baram tinggal menetap pada tahun 50-an dan 60-an manakala mereka di Belaga dan Limbang pada akhir 60-an dan awal 70-an. Dianggar sekitar 300 orang Penan masih berpindah randah termasuk di Bak Teping, Bak Barih dan Bak Ubung. Meskipun berpindah randah kumpulan itu juga mempunyai ketua masing-masing. Masalah yang membelenggu kaum Penan sebenarnya jauh lebih serius daripada isu rogol yang diperbesar-besarkan dalam media oleh NGO.

Mereka yang pernah ke Belaga pasti akan tersentuh hati melihat keadaan persekitaran dan keperitan hidup mereka. Penan semakin sukar mendapatkan makanan. Malah tahun lepas berita kemungkinan mereka kebuluran heboh diperkatakan. Hakikatnya Penan berdepan empat masalah utama iaitu tanah, taraf kewarganegaraan, pendidikan dan ekonomi. Tanah adat Penan tidak diiktirafkan kerajaan menyebabkan Penan cukup kecewa. Bagaimana mungkin Penan dapat membuktikan tanah di sesuatu kawasan pernah diduduki dan di tanah mereka sebelum tahun 1958.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon untuk mencelah.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Sebagai penduduk buta huruf, pemalu dan tidak berkeupayaan Penan sentiasa di pihak kalah dari segi tuntutan tanah adat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon laluan.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Ya sila Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih. Terima kasih kepada Yang Berhormat yang membenarkan saya untuk membuat sedikit celahan. Apa yang saya ingin tanyakan di sini saya juga tertarik hati dengan isu Penan ini. Saya hendak tanya berapakah jumlah orang yang berbangsa Penan ini di Sarawak sehingga kita boleh gagal untuk mengatasi masalah. Adakah jumlah mereka sampai beratus-ratus ribu atau berapa orang?

Puan Doris Sophia ak Brodi: Statistik itu saya tidak ada tetapi dia tidaklah sampai beratus-ratus ribu. Ini kerana dia orang diam cuma dekat Ulu Baram, dekat

Belaga dan sedikit dekat Limbang. Saya mungkin boleh bagi Yang Berhormat angka yang betul nanti ya. Tuan Yang di-Pertua, boleh saya sambung lagi?

■1140

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, sila.

Puan Doris Sophia ak Brodi: Bagi Penan, tanah adalah jiwa dan raga mereka kerana di tanah dan hutan rimba itulah mereka mengembara, membesar dan meneruskan kehidupan mereka. Masih ramai Penan turut menghadapi masalah mendapatkan sijil beranak dan kad pengenalan. Tanpa kad pengenalan, kesan dan implikasi dari segi peluang belajar, pekerjaan dan seumpamanya adalah besar. Pihak berkuasa perlu mempertimbangkan kekangan orang Penan dan tidak seharusnya terlalu mengambil kira aspek dokumen dalam meluluskan permohonan mereka.

Kerajaan harus memastikan anak Penan mendapat sijil beranak agar mereka tidak berdepan masalah pada masa depan, termasuk menduduki peperiksaan. Meskipun langkah menggalakkan anak Penan pergi ke sekolah sedikit sebanyak berjaya, masih banyak ruang untuk membaikinya. Ia menyebabkan Penan terpinggir dari segi ekonomi.

Pembalakan dan perladangan memburukkan keadaan hidup orang-orang Penan. Penan berdepan dengan kesukaran mendapatkan makanan, ekoran kegiatan pembalakan dan perladangan menyebabkan hutan bukan sahaja ditebang, tetapi digondol sebotak-botaknya. Sungai mendap dan tercemar dan akhirnya banyak ikan mati.

Hutan bagi Penan umpama pejabat, bank, hospital, taman tema dan pasar raya bagi warga kota. Mereka bekerja di dalam hutan, mendapat hiburan dan mencari makanan daripadanya. Sekarang kaum Penan semakin terpinggir dan binatang yang lebih mudah diperoleh sebelumnya semakin lari jauh ke dalam hutan. Tanpa hutan rimba, Penan akan kebuluran dan mati.

Memajukan Penan di pedalaman bukan mudah. Dengan persekitaran mencabar dan keadaan ekonomi mundur. Dasar lebih imaginatif dan realistik, dengan mengambil kira sudut pandangan Penan khasnya berkaitan dengan tanah perlu digubal.

Kunjungan pertama Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ke kawasan Penan, saya percaya bakal memberi sinar baru kepada kaum Penan. Dengan itu, Penan tidak akan lagi menjadi masyarakat di pinggiran. Isu Penan tidak harus dieksploitasi untuk kepentingan politik. Komitmen jitu perlu diambil untuk meningkatkan taraf hidup kaum Penan. Kunjungan Perdana Menteri yang merealisasikan Gagasan 1Malaysia,

jelas memperlihatkan kaum minoriti di pedalaman pun tidak terlepas daripada perhatiannya. Biarlah Penan diintegrasikan ke dalam masyarakat yang lain dan akhirnya dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan kaum lain di Malaysia menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh isu-isu berkenaan dengan kaum wanita. Hari ini, golongan wanita di Malaysia sememangnya memainkan peranan yang penting dalam membentuk pembentukan bangsa dan pembangunan negara atau dengan izin, *nation building and national development*. Peranan ini telah sedikit sebanyak dapat melengkapi atau *compliment* dengan izin, usaha kerajaan dalam menangani isu-isu wanita, di samping memastikan agar isu-isu wanita akan sentiasa berada dalam perhatian kerajaan.

Pertubuhan-pertubuhan wanita dan NGO di Malaysia adalah amat lantang dalam membangkitkan pelbagai isu wanita seperti krisis keluarga dan keganasan terhadap wanita. Mereka juga dikatakan telah bertanggungjawab ke atas penggubalan Akta Keganasan Rumah Tangga, yang mana merupakan salah satu akta yang penting dalam menangani krisis keluarga.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, pertubuhan-pertubuhan wanita di Malaysia adalah amat aktif dalam membangunkan kemahiran wanita dalam bidang keusahawanan, kewangan dan teknologi bagi membantu golongan wanita meningkatkan tahap kehidupan ekonomi mereka. Wanita dan ibu tunggal sama ada di bandar mahupun di luar bandar telah disediakan dengan kemudahan pinjaman mikro bagi membantu mereka memulakan perniagaan secara kecil-kecilan.

Ingin saya menyentuh akan peranan golongan wanita di negeri Sarawak, yang juga tidak ketinggalan dengan peranan aktif oleh pertubuhan-pertubuhan wanitanya. Semangat berpersatuan ini telah bermula sejak tahun 1962 lagi dengan wujudnya Pertubuhan Persekutuan Perkumpulan Wanita Sarawak atau PPWS dan lebih dikenali sebagai Sarawak Federation of Women Institute atau WI.

Peranan PPWS ini dikatakan amat menyerlah dalam memperjuangkan isu-isu wanita di Sarawak. PPWS kerajaan negeri telah bersetuju dengan penubuhan Biro Wanita pada tahun 1985 dan seterusnya penubuhan Majlis Wanita Sarawak pada tahun 1989. Badan ini bukan sahaja bertanggungjawab menyelaras, merancang, serta melaksanakan program-program bagi memajukan wanita, tetapi juga bertindak sebagai badan penasihat kepada Kerajaan Sarawak mengenai hal ehwal wanita.

Selain daripada PPWS, terdapat juga pertubuhan-pertubuhan lain seperti Sarawak Women for Women Society yang ditubuhkan sejak tahun 1985 dan telah banyak menyumbang bakti dalam pelbagai bidang sosial, kebajikan dan perundangan. Untuk makluman Dewan, terdapat 91 pertubuhan wanita di Sarawak yang memperjuangkan isu-isu seperti politik, keagamaan, etnik tempatan dan sosial. Izinkan saya menyarankan agar pertubuhan-pertubuhan wanita di Sarawak dapat memantapkan dan mempertingkatkan lagi peranan mereka sebagai *evocative* dengan izin, dalam sesuatu isu berkaitan wanita.

Dalam konteks ini, pertubuhan-pertubuhan wanita perlulah bersatu padu dan bergabung usaha dalam menyuarakan pendapat mereka agar suara mereka kedengaran dengan lantang. Memandangkan sekarang ini, kalau kita lihat, 62% daripada pelajar-pelajar di kolej ataupun di universiti, terdiri daripada orang-orang perempuan. Mengikut statistik, hampir 51% daripada semua pengundi-pengundi ataupun orang-orang yang layak mengundi di negara kita ini adalah kaum wanita.

Sebanyak 45.9% daripada tenaga kerja di Malaysia ataupun *workforce* adalah terdiri daripada kaum wanita. Akan tetapi, apa yang anehnya Tuan Yang di-Pertua, hanya 7.5% sahaja kaum wanita yang menjadi ahli lembaga pengarah ataupun *director*. Hanya segenggam sahaja daripada kaum wanita yang menjawat kedudukan di peringkat membuat keputusan, termasuk sebagai Menteri dan sebagainya. Aneh bukan jumlah itu?

Jadi, kalau kita lihat di Dewan yang mulia ini, adakah jumlah wanita yang menjadi Ahli Dewan Negara ini setanding dengan jumlah ataupun peratusan yang telah saya katakan tadi? Jadi, kalau tidak, apakah sebabnya, di mana kesalahannya, dan apakah kelemahannya.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, banyak lagi usaha-usaha perlu dibuat untuk mendapatkan penyertaan kaum wanita terutama sekali wanita muda sebagai pelapis yang bakal membentuk barisan kepimpinan masa mendatang dan meneruskan kelangsungan perjuangan kaum wanita. Perkara ini harus diterima dengan terbukanya oleh kaum lelaki, sebab inilah hakikatnya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan itu saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor.

11.48 pg.

Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim.* Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih di atas ruang yang diberikan kepada saya. Saya juga ingin menyatakan rasa syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan rahmatnya, memberikan saya ruang dalam membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh di Dewan Negara yang mulia pada pagi ini.

Pelbagai inisiatif dilakukan kerajaan selama ini termasuk Program Transformasi Kerajaan (GTP). Dilihat mula membuah hasil, hingga Malaysia kini tergolong dalam 10 negara paling berdaya saing di dunia dengan menduduki tempat ke sembilan tahun ini berbanding tempat ke-18 tahun lalu. Mengikut laporan *World Competitiveness Yearbook* 2010 dengan izin, yang diterbitkan *Institute for Management Development* baru-baru ini. Malaysia mencapai nilai indeks 87.22 tahun ini, meningkat daripada 77.162 tahun lalu.

Ia meletakkan Malaysia sebaris dengan Singapura, Hong Kong, Amerika Syarikat, Switzerland, Australia, Sweden, Kanada, Taiwan dan Norway sebagai negara paling berdaya saing dunia. Bagi faktor kecekapan kerajaan dan kecekapan perniagaan, prestasi Malaysia mengatasi negara maju yang lain seperti *Luxembourg*, Switzerland, Kanada, Denmark, dan Sweden.

■ 1150

Kita percaya masih ada bidang di mana lebih banyak usaha perlu dilakukan. Saya melihat kerajaan harus terus memperbaiki Sistem Penyampaian Perkhidmatan, meningkatkan pelaburan berkualiti tinggi, membantu perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dalam menghadapi cabaran persaingan global serta paling penting menjadikan negara ini meletakkan matlamat utama dan berterusan ke arah melahirkan negara sifar rasuah.

Pencapaian sepuluh terbaik dunia adalah hasil pelaksanaan beberapa inisiatif yang inovatif dan berani oleh kerajaan sejak beberapa tahun kebelakangan ini terutamanya pada tempoh lebih setahun ini di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak bagi memacu pembangunan dan pertumbuhan ekonomi negara. Inisiatif itu turut merangkumi pembangunan sektor swasta yang berdaya tahan meskipun berdepan persekitaran ekonomi global yang lembap. Ia juga hasil pelaksanaan beberapa inisiatif seperti mewujudkan pasukan petugas khas untuk memudahkan perniagaan - PEMUDAH dan langkah liberalisasi. Ini

juga jelas menunjukkan kerjasama awam dan swasta berupaya dijadikan asas bagi pertumbuhan yang kukuh, stabil dan menyeluruh pada masa depan.

Tidak dinafikan hasil pelaksanaan GTP memberikan impak kerana pelancarannya tahun lalu memberi fokus kepada usaha memperkukuh persekitaran perniagaan, membanteras rasuah, memperbaiki infrastruktur, mempermudah prosedur kerajaan dan mengukuhkan sistem pendidikan. Bagaimana pun kita tidak seharusnya berpuas hati dengan pencapaian sebagai antara sepuluh negara paling berdaya saing di dunia. Sebaliknya mesti berusaha untuk menambah baik pencapaian itu. Sekali pun pencapaian itu jauh lebih baik berbanding sesetengah negara maju lain, usaha untuk maju adalah tugas yang tidak berakhir kerana tanpa usaha berterusan kedudukan itu boleh menjunam pada masa yang akan datang. Dalam konteks ini semua segmen masyarakat harus bekerjasama termasuk penambahbaikan sistem penyampaian sektor awam dan swasta serta masyarakat amnya. Saya yakin sasaran untuk mencapai tahap daya saing yang lebih baik berbanding kedudukan kesepuluh sekarang akan tercapai jika keberkesanan sektor perniagaan dan pentadbiran negara ditingkatkan secara berterusan untuk tempoh sepanjang RMKe-10 ini.

Kita perlu mengelak daripada sikap berpuas hati terhadap sesuatu kejayaan dan semua pihak perlu bergerak sehaluan untuk terus menjadikan negara kita maju setanding negara maju lain. Saya percaya RMKe-10 dari 2010 hingga 2015 adalah langkah selanjutnya yang perlu didaki dan ditempuhi sebelum kita memenuhi hasrat menjadi negara maju menjelang 2020. Ianya juga adalah tempoh perjalanan negara yang paling kritikal untuk menjamin kejayaan masa depan negara dan generasi mendatang. Seajar inilah Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat dan menegaskan bahawa agenda menghapuskan sebarang bentuk rasuah dan membangunkan integriti harus dijadikan prasyarat utama bagi memastikan lokomotif negara yang berjaya hari ini terus berjalan lancar dan tidak tergelincir dan terjerumus ke jurang kemusnahan akibat budaya rasuah dan penyelewengan yang berleluasa. Apabila kita menumpukan dua elemen yang saya sebutkan tadi, sasaran kerajaan dalam RMKe-10 akan mampu membangunkan sumber manusia yang cekap dan berkesan sekali gus berintegriti dan berwibawa untuk bersaing di persada dunia.

Justeru kesungguhan kerajaan dalam memberikan keutamaan tinggi kepada usaha membanteras rasuah harus menjadi aspek utama dalam RMKe-10. Dari sudut keutamaan kerajaan hari ini telah meletakkan keutamaan yang betul apabila meletakkan matlamat memerangi rasuah sebagai satu daripada enam bidang keberhasilan utama

(NKRA). Rasuah sendiri dipandang benci oleh agama Islam dan agama-agama lain. Sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh at-Tarmizi yang bermaksud, "*Penerima dan pemberi rasuah akan ditempatkan di dalam api neraka*". Allah juga telah berfirman dalam Al-Quran, Surah al-Baqarah ayat 188 yang maksudnya, "*Dan janganlah sebahagian kamu memakan harta sebahagian yang lain di antara kamu dengan jalan yang batil dan jangan kamu bawa kepada hakim supaya dapat kamu memakan sebahagian harta orang yang berdosa sedang kamu mengetahuinya*". Namun meletakkan keutamaannya pada tempatnya yang betul tidak akan bermakna tanpa pelaksanaan yang berkesan dan mantap.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memiliki undang-undang dan peraturan yang mencukupi untuk menangani isu penipuan dan rasuah dalam sektor awam. Namun penguatkuasaan perlu ditingkatkan segera bagi memastikan masalah itu dapat dibanteras. Kata-kata ini saya petik daripada Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang dalam kertas kerjanya bertajuk "Berurusan dengan Penipuan Sektor Awam, Meningkatkan Integriti dan Ketelusan Pengurusan Kewangan Kerajaan" pada Persidangan Jenayah Ekonomi anjuran sebuah IPTS baru-baru ini. Katanya lagi, tanggungjawab itu perlu dipikul pelbagai pihak termasuk pegawai, ketua setiausaha dan ketua jabatan untuk memastikan pengurusan kewangan dan pelaksanaan program agensi projek dan aktiviti dikendalikan dengan berkesan. Ini satu cabaran besar kerana lazimnya mereka ini mengawal banyak cabang tanggungjawab dan kos. Justeru kepentingan ketekunan wajar dan kecekapan kakitangan mengendalikan dana awam tidak boleh diperkecilkan.

Jikalau kita lihat dalam pengurusan kewangan itu sendiri ia merangkumi tanggungjawab yang luas dari segi kawalan pengurusan hinggalah pada kawalan perbelanjaan, bajet, pengurusan akaun amanah, pengurusan aset dan inventori dan pengurusan pelaburan. Bagaimanapun ada daripada bidang berkenaan mendorong kepada penipuan dan silap pengurusan jika kawalan dalaman tidak cekap. Jadi selaras dengan kehendak kerajaan dalam RMKe-10 yang mahu sektor awam perlu ditransformasikan bagi bertindak balas secara berkesan yang mana integriti adalah salah satu daripada empat prinsip utama sebagai asas kepada transformasi itu. Maka saya melihat setiap kementerian serta agensi-agensi kerajaan memerlukan satu pematuhan yang efektif kepada peraturan kewangan sedia ada dalam sistem kewangan berkenaan.

Sebagai contohnya dalam program berkaitan pengurusan projek atau pemerolehan kerja kemungkinan berlaku pembaziran atau perbelanjaan bagi projek gajah putih. Dalam hal ini pegawai yang mengawal wajar menjalankan tanggungjawabnya dengan membuat pertimbangan serius atas prinsip memastikan perbelanjaan awam benar-benar bermanfaat. Saya juga mengalu-alukan peranan Audit Negara yang serius bagi mengetengahkan penipuan dan rasuah yang berlaku. Apatah lagi setiap laporan auditnya setiap tahun berjaya mengetengahkan beberapa perkara yang berlaku di luar aturan sekali gus mencetus kepada penyiasatan mengenai penipuan dan rasuah. Namun apakah hukuman yang wajar telah dikenakan terhadap setiap mereka yang menyeleweng itu? Berapa ramai yang telah dikenakan tindakan? Siapa mereka? Dari peringkat mana pentadbiran kerajaan? Apakah ia membabitkan kakitangan awam ataupun juga pemimpin-pemimpin politik yang bersekongkol dengan mereka? Kesemuanya saya kira wajar dilaporkan secara terperinci di dalam Dewan yang mulia ini.

Justeru dicadangkan agar sebuah laporan susulan terhadap laporan Ketua Audit Negara harus dipertanggungjawabkan kepada sebuah badan bebas yang akan melaporkan terus kepada Dewan ini. Kita juga tidak mahu kerenah jijik beberapa kerat pegawai dan pemimpin politik ini merosakkan integriti dan wibawa seluruh anggota pentadbiran kerajaan dan politik lain yang bekerja penuh dedikasi selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Jabatan Perdana Menteri semasa mengusulkan RMKe-10 di Dewan yang mulia ini semalam. Beliau menyebut tentang kejayaan Andalusia. Bagaimana kehebatan Kerajaan Empayar Andalusia yang memungkinkan terbentuk tamadun yang hebat pada masa lampau. Cuma izinkan saya juga memperingatkan tentang kejayaan tamadun dan juga kegagalan Tamadun Andalusia. Dalam kita mengimbau kejayaan tamadun kita juga harus mengutip pengalaman dan pengajaran daripada kejatuhan tamadun tersebut. Jikalau kita melihat daripada Ibnu Khaldun dan buku Mukadimahnyanya menyebut, "*Masalah runtuhnya tamadun itu bermula daripada pemimpin-pemimpin dan juga mereka yang berkuasa yang berkejar-kejar dengan kemewahan dan kerana itu mereka melakukan rasuah*".

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan laporan tahunan 2009 SPRM Sebanyak 5,936 maklumat-maklumat diterima yang mempunyai unsur rasuah bagi tahun 2009 sehingga membolehkan 939 kertas siasatan dibuka yang mana 397 kertas siasatan atau 42% adalah kesalahan menerima rasuah, memberi rasuah 110 kertas siasatan atau

12%, tuntutan palsu 267 kertas siasatan atau 28%, salah guna kuasa 92 kertas siasatan atau 10% dan kesalahan-kesalahan lain 73 kertas siasatan atau 8%.

■1200

Bagi tangkapan pula, seramai 500 orang individu telah ditangkap oleh SPRM yang mana seramai 190 orang (38%) adalah penjawat awam, 180 orang (36%) adalah sektor awam, 107 orang (21.4%) daripada kalangan orang awam dan 23 orang (4.6%) adalah daripada kalangan ahli-ahli parti politik.

Saya mengalu-alukan langkah SPRM bagi ketegasan tersebut. Dalam laporan media massa pada 9 Julai 2010 yang lalu, ada menyiarkan bahawa SPRM akan melatih dan menyediakan pegawai berintegriti bertauliah (CIO) di semua entiti milik kerajaan dan swasta untuk mengurus isu integriti, membendung rasuah, salah laku dan salah guna kuasa di tempat kerja secara cekap dan berhemah. Jadi saya hendak tahu, setakat mana pelaksanaan perkara itu? Berapa ramai kah pegawai sektor awam GLC dan swasta telah mengikuti program perintis CIO tersebut? Ini kerana saya percaya menerusi langkah proaktif sebegini, ia akan dapat menepati keperluan negara dalam memerangi rasuah sehingga ke peringkat akar umbi secara holistik.

SPRM juga harus terus diberikan kuasa seluas-luasnya untuk melaksanakan tanggungjawab berat memerangi rasuah. Justeru, saya menyokong cadangan yang dibuat di dalam laporan yang disediakan oleh Jawatankuasa Parlimen Mengenai Rasuah agar kuasa pendakwaan dalam kes-kes rasuah diberikan terus kepada SPRM.

Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, semenjak BPR ditubuhkan – dahulunya dikenali sebagai BPR pada tahun 1967, kuasa mendakwa ini sememangnya telah diberikan kepada BPR. Sehingga pada awal tahun 80-an, perubahan perlembagaan undang-undang dibuat dan kuasa ini ditarik balik. Daripada situ kita lihat bagaimana taring BPR itu sendiri semakin tumpul. Saya rasa kita perlu serius dan tegas dalam melakukan perubahan dari sudut undang-undang ke arah memberikan kuasa pendakwaan kepada SPRM pada hari ini kerana dari sudut sejarahnya ini, BPR sememangnya telah diberikan kuasa. Kalau ada masalah dari sudut penyalahgunaan kuasa, saya rasa ia tidak berbangkit kerana ada lima panel yang akan mengawasi SPRM.

Kita juga harus merujuk kepada Al-Quran dalam prinsip keadilan sosial [*Membaca petikan ayat Al-Quran*] Ini ayat dari surah *Al-Haj* yang menyebut tentang persoalan pengagihan kuasa. Jadi ada ironi dalam suasana pada tahun 60-an atau 70-an kita masih belum mempunyai banyak harta untuk diagih-agihkan, Petronas masih

belum ada, hasil minyak masih belum ada di negara kita, kita berikan kuasa penuh kepada SPRM untuk membuat pendakwaan. Akan tetapi setelah kita makmur, harta semakin banyak, Petronas sudah wujud, berbilion-bilion ringgit kita dapat, pengagihan menjadi semakin kompleks, pada saat ini, kuasa pendakwaan itu ditarik daripada SPRM.

Justeru, saya mencadangkan – sekali lagi saya menegaskan, saya mencadangkan dan menyokong cadangan yang dibuat dalam laporan yang disediakan oleh Jawatankuasa Parlimen Mengenai Rasuah dan kuasa pendakwaan dalam kes-kes rasuah diberikan terus kepada SPRM.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan RMKe-10, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) diberikan tumpuan serius sebagai satu agenda penting atau boleh dikatakan GLC bergerak sebagai satu *economic powerhouse* dengan izin, untuk menjana ekonomi dalam semua bidang. Malahan saya melihat hasrat kerajaan terhadap peranan GLC dalam RMKe-10, hendaklah di rasionalisasi untuk memberikan tumpuan pada bidang yang membantu merancakkan sektor swasta. Kita mengalu-alukan langkah sebegitu.

Kehadiran GLC ada sebabnya. Maka itu ketika tumbuhnya GLC-GLC ini seiring dengan Dasar Ekonomi Baru dan diperkasakan bermula awal tahun 1980-an terutama di bawah era Tun Dr. Mahathir, kehadiran GLC itu telah membuka ruang dan peluang khususnya kepada orang Melayu, bumiputera dan kerajaan sendiri bagi persaingan yang seimbang. Kita juga tidak harus melihat kehadiran GLC sebagai suatu yang mutlak negatifnya. Cuma kerana terdapat insiden dalam sejarah awal GLC, menyebabkan berlakunya kepincangan dan kelembapan prestasi dalam kalangan GLC negara. Apa yang lebih penting untuk diperhatikan ialah hakikat GLC Malaysia sebenarnya adalah institusi amanah yang sangat kritikal peranannya dalam melindungi kepentingan golongan warganegara yang lemah dan perlu dibela serta yang tidak terlibat dalam sektor *business* secara besar-besaran.

Misalnya, GLC Malaysia kini memiliki lebih 30% kepentingan nilai pasaran saham syarikat tersenarai di Bursa Malaysia. Ini bermakna, peratusan besar ini memperlihatkan sistem pasaran yang diterajui pasaran swasta di negara kita berjaya diimbangi dengan kehadiran kepentingan milik GLC di pasaran.

Tegasnya, tanpa GLC, pasaran akan dimonopoli golongan berada dan kaya sahaja dalam masyarakat. Tanpa kehadiran GLC mengimbangi sistem di bawah sistem kapitalis, adalah lebih mudah yang kaya menjadi bertambah kaya dan yang miskin akan

langsung tercicir, malah langsung diketepikan dalam sistem pasaran terbuka yang sememangnya sukar mempertahankan prinsip keadilan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang penting sebenarnya wajib diberikan lebih tumpuan dalam RMKe-10 adalah menerusi Model Ekonomi Baru, yakni bagaimana peranan GLC dalam sistem ekonomi negara boleh dipertingkatkan dan diperluaskan, di samping kita menggalakkan perkembangan swasta untuk bersama-sama menambah nilai dan menyumbang kepada pertumbuhan pesat ekonomi. Jelas sekali keutamaan MEB diberikan kepada anjuran supaya kerajaan mengkaji semula peranan GLC dalam konteks strategi persaingan negara. Demikian juga perhatian harus diberi kepada memperbaiki hubungan antara pihak pengawal kerajaan terhadap GLC bagi menjadikan GLC *market driven* dengan izin, sepenuhnya dan menjadikannya *entrepreneur force* dengan izin, dalam pasaran. Maksudnya, GLC perlu diwajibkan menambah nilai, berdikari dan berautonomi.

Ini telah berjaya dilakukan kerajaan dalam konteks beberapa GLC utama seperti Khazanah Nasional, PNB, FELDA, Tabung Haji dan seumpamanya, serta GLC negeri seperti Johor Corporations. Semua GLC yang disebutkan kini tidak membebankan kerajaan dan masyarakat dan sewajarnya mereka tidak diswastakan, malah diberikan status autonomi dengan kebebasan bertindak mengikut kaedah pasaran. Malahan, beberapa GLC utama mempunyai kedudukan yang sangat strategik dalam sistem ekonomi negara dan telah membuktikan keupayaan hebat di pasaran.

Petronas misalnya, adalah GLC Malaysia yang bertaraf *Fortune 500*, dengan izin. Semua syarikat GLC yang tersenarai menjadi komponen peting apabila mereka mewakili lebih 30% nilai pasaran, *market capatilization* di Bursa Malaysia seperti yang disebutkan saya sebentar tadi. Sebahagian besar mereka berniaga dengan mengamalkan sepenuhnya prinsip persaingan dan sangat tinggi prestasi di pasaran.

Kalau kita lihat bagaimana GLC Singapura dan China mempunyai peranan strategik dan dalam percaturan persaingan negara itu dalam ekonomi serantau dan global – di Singapura, Temasik Holdings yang dikuasai sepenuhnya oleh Kerajaan Singapura menerusi kementerian kewangannya mempunyai kedudukan *business* yang cukup kukuh. Organisasi yang ditubuhkan pada tahun 1975 itu terus kekal sebagai pegangan strategik pelaburan Kerajaan Singapura. Jumlah asetnya pada tahun 2008 bernilai lebih SGD185 bilion, jualan melebihi SGD83 bilion dan pendapatan bersih melebihi SGD22 bilion. Kehebatannya juga dapat dilihat apabila ia mampu mengambil

alih beberapa buah syarikat dari negara serantau dan menerajui beberapa sektor *business* utama di luar Singapura.

Justeru, pandangan supaya MEB mengetepikan peranan kerajaan dan GLC, wajib ditolak kerana ia tidak berasas dan tidak menepati realiti amalan antarabangsa pada hari ini. Sebaliknya, GLC wajar menjadi teras utama strategi tindakan *affirmative* MEB dalam struktur ekonomi baru Malaysia, apatah lagi dalam RMKe-10 ini.

Berdasarkan penelitian yang saya peroleh, negara kita mempunyai kira-kira 300 GLC sejak kewujudan awalnya. Menyedari hakikat itu, kerajaan sendiri telah melancarkan budaya berprestasi tinggi atau *culture of high performances* dengan izin, untuk GLC dengan tujuan untuk memupuk budaya berprestasi tinggi di kalangan GLC melalui pembentukan warga kerja yang lebih *accountable* dengan izin, dan pemberian ganjaran yang setimpal dengan prestasi syarikat.

Kumpulan G-20 antara contohnya – MAS, Golden Hope Plantations, MRCB, Pos Malaysia, Proton, Sime Darby, TM, TNB, Tabung Haji, UM World, UMW, Maybank telah dibentuk dengan lapan atau sembilan daripadanya adalah di bawah Khazanah Nasional Berhad selaku syarikat pegangan pelaburan milik kerajaan berdasarkan beberapa sebab.

■1210

Antaranya, menyusun semula struktur GLC akibat krisis kewangan dan mengurus tadbir terhadap syarikat GLC yang dilihat *under performing* dengan izin. Ini kerana syarikat-syarikat GLC bukan sekadar syarikat besar tetapi ia merupakan syarikat yang mempunyai kepentingan awam dan banyak memberi kesan kepada masyarakat dan negara, kerana itu perlunya ada satu ketelusan di situ. Kalau kita lihat dalam laporan media bertarikh 7 Mei 2010, pendapatan agregat G20 diunjurkan meningkat 52% atau RM6 bilion kepada RM17.7 bilion dalam tahun kewangan 2010. Ini berbanding tahun 2009 yang lalu, berdasarkan fakta daripada Pejabat Pengurusan Transformasi TMO, GLC dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan GLIC adalah berdaya tahan sepanjang krisis sub prima dan dijangka mencatat pertumbuhan tahun ini. Ini dibuktikan jumlah pulangan pemegang saham yang menjana pulangan terkumpul untuk tempoh enam tahun sebanyak 14.7% sehingga 3 Mei 2010. Kalau kita lihat modal pasaran G20 pula adalah RM301 bilion sehingga 3 Mei 2010 mengatasi nilainya semasa kemuncak krisis iaitu RM293 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, GLC-GLC ini mempunyai pengaruh yang amat besar terhadap ekonomi negara, G20 contohnya mempunyai jumlah pekerja seramai 360,000

orang dan daripada jumlah itu 75,000 adalah tenaga profesional, daripada jumlah yang sama juga 240,000 pekerja adalah bumiputera. Angka-angka ini jelas menunjukkan betapa fungsi dan peranan GLC harus dipelihara bagi menjayakan RMKe-10 adalah sememangnya penting.

Di China dan Singapura GLC mereka turut digunakan sebagai strategi negara dan memainkan peranan utama dalam beberapa bisnes dan industri strategiknya, mereka tidak pernah tidak menerima pakai sistem ekonomi pacuan swasta atau *private sector driven* secara mutlak. Justeru saya berpendapat ia harus diterjemahkan oleh MEB menjadi realiti di Malaysia.

Cuma persoalannya sekarang ialah kewibawaan-kewibawaan, keupayaan GLC-GLC ini beroperasi seperti mana yang saya sebutkan pada awal perbahasan, bahawa ia melibatkan kepentingan awam dan negara. Sebagai contohnya saya boleh membuat andaian sekarang ekonomi Malaysia sudah tentu dilihat dikawal oleh GLC-GLC ini, dan berasa kebimbangan bahawa negara kita terlalu banyak bergantung kepada keupayaan pengurusan GLC ini untuk menjana pertumbuhan ekonomi. Kita boleh lihat apa yang terjadi kepada kerugian membabitkan beratus juta dan berbilion Ringgit Malaysia oleh Sime Darby, Pos Malaysia, Prasarana. Ini memberikan kesan yang besar kepada kestabilan ekonomi, pasaran saham, integriti, ketelusan dan akauntabiliti kepada masyarakat dan negara, malah boleh menjejaskan kestabilan politik dan keselamatan, dan isu sensasi sekarang ini adalah melibatkan aktiviti melombong pasir secara besar-besaran di Selangor pada ketika ini, bukan setakat menjadi isu panas malah turut mencetuskan kebimbangan orang ramai terutama kesan kepada alam sekitar serta perubahan landskap kawasan terbabit. Dalam hal ini kita boleh melihat apakah puncanya rasuah, penyelewengan kuasa atau hanya kerana satu syarikat yang bersifat GLC negeri, Kumpulan Semester Sdn. Bhd., (KSSB) dilantik menguruskan pasir sekali gus menjadikannya tidak kompetitif, tidak bertanggungjawab dan tidak telus.

Hari ini, apabila KSSB bersendirian berkuasa dan bermaharajalela mengorek pasir di Selangor tanpa had batasan waktu dan kawalan, percayalah malapetaka dan bencana alam yang akan terjadi. Justeru aktiviti haram mencuri pasir di tanah milik kerajaan membabitkan kawasan seluas 400 hektar di kawasan Bukit Changgang berhampiran Taman Paya Indah Wetland Dengkil memerlukan perhatian serius pihak berkuasa terutamanya SPRM. Pencerobohan mengorek pasir yang kini sudah berkeluasan 120 hektar, dikorek sedalam 30 meter itu jika terus dibiarkan boleh mengakibatkan kemusnahan teruk dan mengancam keindahan tasik dan seluruh habitat

haiwan di taman yang diwartakan sebagai rizab tanah lembap negara dan difahamkan sehingga kini 10 juta tan pasir bernilai RM222 juta sudah dirompak.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi contoh isu yang seharusnya menarik perhatian serius kita ialah pembelian saham KL Infrastructure Group Berhad (KLIG) oleh Syarikat Prasarana Negara Berhad (SPNB) yang dilihat sebagai satu pelaburan yang merugikan, ia dilaporkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Negara PAC yang menyebut syarikat itu seharusnya terlebih dahulu menjalankan kajian dengan memberi keutamaan dari segi penilaian pelaburan dan juga pulangan. SPNB pada 21 Februari 2002, membeli saham KLIG Berhad sebanyak 52 juta unit saham bernilai RM26.52 juta dan jumlah itu bersamaan dengan 10% ekuiti syarikat.

PAC dalam laporannya menjelaskan kedudukan kewangan KLIG berhad adalah kurang memuaskan dan antara projek yang membawa kepada masalah kewangannya adalah kegagalan melaksanakan projek pembinaan monorel. Kesan daripada itu, saham yang dibeli SPNB pada harga RM26.52 juta itu menurun kepada hanya RM6.76 juta pada tahun 2007. Jadi saya hendak tahu setakat mana tindakan telah dilakukan kerana PAC ada mengesyorkan Kementerian Kewangan dan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia mengambil tindakan bagi menyasat perkara berkenaan dengan lebih teliti bagi menentukan sama ada berlaku penyelewengan kuasa.

Tuan Yang di-Pertua, timbul persoalan setakat mana pemilihan barisan pengurusan GLC ataupun yang melibatkan GLC negeri ataupun anak syarikat milik kerajaan. Apakah mereka ini dipilih berdasarkan kepakaran mereka, rekod mereka ataupun ada kriteria lain. Saya membangkitkan persoalan ini kerana sudah pun terjadi ada CEO atau pengarah yang punya rekod buruk termasuklah menyebabkan kerugian sebuah syarikat dilantik menerajui GLC yang lebih besar dan berkepentingan, ini akan membawa kepada masalah yang lebih besar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian saya mencadangkan agar kerajaan mempunyai mekanisme yang telus dan bebas dalam memilih CEO-CEO dan Pengerusi GLC pada masa sekarang dan pada masa akan datang, kita tidak mahu CEO GLC yang memikul tanggungjawab membina amanah bangsa ini akhirnya menjadi punca ranapnya pembinaan negara bangsa atas sikap angkuh, rakus dan rasuah. Kita berdoa kepada Allah SWT semoga apa yang telah dinukilkan oleh Ibnu Khaldun dalam *Mukadimah* nya, kita tidak termasuk dalam kelompok itu dan tidak dalam sistem proses itu sehingga akhirnya meruntuhkan tamadun kita pada ketika ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, silakan Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin.

12.17 tgh.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, kerana memberikan izin kepada saya untuk sama membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Saya bermula dengan tajuk kontrak sosial, kerana ini adalah perkara pokok kepada pembangunan negara. Kerana perkara ini telah pun dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu sama ada kontrak sosial ini ada atau tiada, kalau ada apa dia, kalau tiada kenapa? Tuan-tuan *lawyer* kita Tuan Yang di-Pertua, dia sebut *quid pro quo*, ini *lawyer*, *politician* dia sebut kontrak sosial, samalah. Sebenarnya apabila kita bersetuju satu juta kerakyatan telah diberi, hak istimewa disetujui bukan telah diperoleh, kita kena faham. Sebab itulah kerakyatan yang dinikmati turun temurun, hak istimewa belum tercapai selepas 53 tahun merdeka. Ini pokok kepada persoalan, kita hanya ada 18% *target* kita 30%. Jadi saya berharap kesemua pihak tidak kira bangsa apa, harus sujud kepada kontrak sosial yang terdapat dalam Perkara 153 yang dipegang sekukuh-kukuhnya, yang dipertanggungjawabkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Jika perkara ini dipersoalkan, maka sudah pasti ia boleh dibawa atau didakwa di bawah Akta Hasutan.

■1220

Kita mesti jelas, kita mesti berani. Kerajaan tidak boleh lagi berdolak-dalik, kalau tidak kerapuhan perpaduan akan berlaku, akhirnya kehancuran akan berlaku jika sekiranya penguatkuasaan kita terlalu tidak praktikal. Ini harapan saya dan apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri “kalau kita gunakan akal fikiran yang rasional berdasarkan fakta sejarah dan bukti yang nyata memanglah kita sebenarnya juara rakyat selama ini dan selama-lamanya”. Ini kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato’ Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. Oleh itu, kita harus mempertahankan dasar Barisan Nasional memperjuangkan kesaksamaan bukan kesamarataan.

Ketiga, nilai integriti dan modal insan unggul bertaraf dunia. Bagaimana untuk kita memperkasakan perkhidmatan awam dengan izin *how to improve civil service*. Ini pokok inilah manusia insan yang akan bekerja yang akan bertungkus-lumus siang dan malam untuk menentukan bahawa segala perancangan Rancangan Malaysia Kesepuluh itu sampai kepada matlamatnya.

Ia terpulang kepada insan, ia bukan terpulang kepada kertas dan hujah-hujah di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh itu. Akan tetapi, manusia? Siapa manusia itu? Manusianya ialah contohnya PTD *officer* (Pegawai Tadbir dan Diplomatik), pengarah-pengarah jabatan, KSU, KSN, semua bosnya KSNlah. Akan tetapi, saya ada minta sudah untuk timbang jangan sambung banyak kali, orang marah. Ini pegawai lain hendak naik tidak boleh. KPPA kena berhenti dua tiga orang sudah. Ini tidak betul.

Saya cadangkan di sini pada hari yang mulia ini di Dewan yang mulia ini, saya hendak cadangkan sudah tiba masanya kita menubuhkan satu suruhanjaya untuk mengkaji kelemahan pentadbiran awam seperti kita menubuhkan Suruhanjaya Polis. Kita jangan takut. Peruntukan tidak perlu besar tetapi kejayaan amat besar. Pertama, bekas-bekas tokoh-tokoh perkhidmatan awam ramai bekas KSN, KPPA, pengarah-pengarah yang berjasa yang betul-betul tulus ikhlas dan ada kredibiliti, ada akauntabiliti, ada kualiti dan integriti. Semua cukup.

Tokoh akademik, tokoh korporat boleh menganggotainya kerana yang pokok pada persoalan rakyat di luar bandar ialah *delivery system*. Sistem penyampaian kita hendakkan jangan dilewat-lewatkan, jangan dimain-mainkan, jangan pukul sepuluh sudah keluar, pukul tiga sudah keluar dan sebagainya. Ini perlu jaga, sistem ini kita perbetulkan.

Yang seterusnya, kita lihat bahawa di dalam CUEPACS ada sebut tentang korupsi, kepimpinan kurang akhlak. Kita hendak tengok apabila suruhanjaya ini membuat kajian dengan pembentangannya, kita hendak lihat apa yang kedapatan di dalam perkhidmatan awam. Sekarang kita cuma menunjuk-nunjuk jari itu ini dan sebagainya tuduh menuduh yang ini kita tidak suka. Kita mahu *practicality* nya dengan izin.

Kemudian, kita hendak buat apa sebuah institut perkhidmatan awam bertaraf dunia akan diwujudkan untuk tingkat kompetensi mereka. Cuma saya hendak tanya, INTAN jadi apa sekarang? Institut Tadbiran Awam Negara jadi apa? Tidak pernah pemimpin sebut, tidak pernah menteri sebut tetapi tempat itu yang mengeluarkan produk-produk manusia yang akan berkhidmat kepada rakyat dan seluruh bandar dan luar bandar.

Kita naikkan sahaja buat apa kita hendak buang duit. Ini masa kita simpan duit belanja untuk lain buat infrastruktur luar bandar orang Penan tadi, Orang Asli tadi. Bagi dan bagi subsidi kepada mereka guna duit ini, tidak payah buat bangunan, saya ini produk INTAN. Akan tetapi, INTAN mana? INTAN Jalan Ilmu, dekat Universiti Malaya.

INTAN yang kecil itu boleh keluarkan PTD *officer*. Sama-sama dengan saya KSU, TKSU dan jadi Duta dan sebagainya tempatnya kecil tetapi orangnya besar-besar.

Hari ini kita boleh buktikan ini ada produk INTAN, INTAN yang kecil tambah INTAN di satu tempat lagi di Bukit Kiara. Cukup! Saya rasa kerajaan fikir balik duit ini *upgradekan* sahaja.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Yang Berhormat, boleh saya mencelah. Dengan cadangan yang disebut oleh Yang Berhormat tadi untuk mendirikan sebuah institusi perkhidmatan awam bertaraf dunia, adakah ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak berpuas hati dengan pelaksanaan dan *efficiency* yang telah ditunjukkan oleh INTAN selama ini? Kalau tidak seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bahawa INTAN tidak perlu cuma ditambah baik sahaja. Kita tidak memerlukan buang duit untuk menubuhkan satu lagi institusi bertaraf dunia. Apa pandangan Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya yakin, saya amat percaya bahawa INTAN dahulu kini selama-lamanya INTAN itulah dan ramai daripada yang tidak ada *first degree* sudah ada *Master's* dan sudah ada ramai Ph.D. Zaman saya dahulu yang tidak ada Ph.D baru *first degree* dan *Master's* baru tengah hendak buat tahun 1981. Sekarang semua sudah elok dan saya yakin kita tidak payah buat, kita tidak perlu buat, kita guna wang tadi untuk membantu masyarakat luar bandar.

Saya yakin INTAN tetap Institut Tadbiran Awam Negara memang telah mencapai tahap dunia. Jelas, cuma saya hendak satu sahaja minta perkasakan Institusi Pejabat Daerah. Inilah tempat yang sebenarnya duit yang kita hendak buat bangunan tadi, kita lengkapkan seluruh pejabat-pejabat daerah di seluruh dan negara. Kita naikkan dan *upgrade* semua DO-DO kerana di sinilah pembangunan masyarakat luar bandar sebenarnya.

Hilang pegawai daerah, hilang pembangunan luar bandar. Jadi kita kena bagi *special attention* dengan izin kepada pegawai-pegawai daerah, ketua-ketua pentadbir di peringkat daerah. Ini yang sebenarnya. Kita jangan lari daripada konsep untuk merakyatkan masyarakat luar bandar. Kalau kita hendak dahulukan rakyat kita kena jangan buat bangunan ini, duit ini ambil kita bangunkan daerah supaya semua pegawai daerah, semua tok-tok penghulu, semua ketua-ketua kawasan, semua pengerusi JKKK merasa bangga ada tempat.

Ini ada negeri-negeri yang langsung tiada rumah penghulu dan saya minta pegawai-pegawai tadbir dan diplomatik apa yang saya hendak minta. Pegawai-pegawai PTD perlu mempunyai pegangan hidup yang unggul, yakin dan berani membuat

keputusan, itu sahaja. Itu perkara yang sebenar pokok kepada persoalan. Saya ambil contoh bekas mantan Ketua Polis Negara. Bila hendak buat operasi lalang, bila berjumpa dengan Perdana Menteri, mantan yang sekarang ini Perdana Menteri masa itu kata jangan tangkap 104 orang.

Akan tetapi, sebagai seorang pegawai awam yang bertanggungjawab yang lebih tahu daripada Perdana Menteri maka mantan Tun Hanif membuat tangkapan 104 orang walaupun mantan Perdana Menteri tidak bersetuju. Saya yakin keputusannya tepat sekali. Inilah sebenarnya *separation of powers* (pengasingan kuasa) antara kuasa-kuasa perundangan, kuasa-kuasa eksekutif, kuasa-kuasa *judiciary* kita pertahankan baru kita maju. Kalau kita longgar, kalau kita langgar melanggar tidak guna kita buat pelan apa pun kita tidak sampai ke mana pun *insya-Allah*.

Pelajaran, dari segi pelajaran saya ingin - Bahasa Melayu Lingua Franca di Nusantara bukan Bahasa Kebangsaan atau Bahasa Malaysia. Perkara 152, tiga istilah bahasa, bahasa Melayu, bahasa lain, bahasa kaum lain. Yang ketiga, tiga istilah perbuatan. Pertama *use, teach, and learn* di para (a) dengan izin.

■1230

Kedua, *use and study* di para (b). Sekolah Cina dan India, ini saya baca daripada sejarah. Ini bukan hendak *provoke*. Sekolah Cina dan India tidak wajar dibantu wang kerajaan. Mengajar Matematik, *History*, Geografi dalam bahasa Cina dan India. Diskriminasi terhadap kaum lain terutama bahasa anak negeri Sabah dan Sarawak dan kaum minoriti di Semenanjung Tanah Melayu, perkara 12.

Mempersoal perkara 152 adalah kesalahan menghasut. Tiada sekolah berbilang bahasa. Satu sekolah untuk semua, kalau sujud kepada Perlembagaan Persekutuan. Ini saya bincang dari segi Perlembagaan. Saya bukan bincang luar daripada Perlembagaan Persekutuan. Bahasa Melayu, tulisan rumi dibenarkan guna tulisan jawi. Penggunaan bahasa kaum lain boleh dipelihara, boleh dipelihara. Sebab itu saya minta bila hendak buat tuntutan mesti berhati-hati, mesti *conscious*, mesti fikir sehabis-habis baik. Hendak tambah yang bukan yang terdapat dalam Perlembagaan [*Sambil mengangkat buku Perlembagaan Persekutuan*].

Hanya Dasar Kebangsaan sahaja. Oleh kerana kita hendak pelihara generasi yang akan datang. Sebab itu Tan Sri Prof Emeritus Dr. Khoo Kay Kim mengatakan "*terlampau tumpu pada Sains dan Matematik dan pendidikan kita tersilap*". Ini bukan saya kata. Ini Khoo Kay Kim mengatakan. Apa yang dikatakan "*anak-anak kita seolah-*

olah hanya dididik mengenai kepentingan mencari wang, pada waktu yang sama kita menyebut tentang Rukun Negara, tentang Perlembagaan dan perundangan negara”.

Kita tidak ajar. Kita suruh cari duit sebanyak-banyak ‘A’. 9A *plus-plus* dapat biasiswa *Federal*. Apa sudah jadi? Jadi kata Khoo Kay Kim, “*orang Malaysia mesti disedarkan bahawa kita tidak boleh duduk seperti sekarang. Masing-masing ada sekolah aliran sendiri*”. Tidak boleh. Apa makna? Bermakna Tan Sri Prof Emeritus Dr. Khoo Kay Kim bersetuju untuk diadakan hanya satu aliran. Semua pelajar belajar di satu bumbung seperti juga Philipines, seperti juga Singapura, seperti juga Thailand.

Kita yang banyak sangat. Tukar tidak berhenti. Dasar. Okey, untuk kebaikan Tuan Yang di-Pertua, jika – ini saya hendak bentang di sini kerana kalau saya tidak bentang saya rasa saya bersalah. Jika kita ingin menjadi rakyat Malaysia yang setia dan selanjutnya ingin membina satu bangsa Malaysia, jika kita harus rela dipupuk oleh sistem pendidikan yang sama. Kelainan sistem pendidikan yang diterima akan melahirkan suku dan puak yang berlainan, nilai dan aspirasi. Nilai dan aspirasi yang mencapah atau *divergent*, hanya akan merencatkan daya dan membantutkan usaha pembinaan bangsa Malaysia yang telah pun kita mulakan.

Oleh sebab itu sesiapa yang rela menjadi Malaysia, wajiblah rela dan mesti menerima sistem pendidikan yang sama. Ini Dasar Pendidikan Kebangsaan. Ucapan Yang Berhormat Dato’ Sri Najib Tun Abdul Razak, Menteri Pendidikan. Rang undang-undang Pendidikan 1995 yang dibacanya di Dewan Rakyat pada 18 Disember 1995.

Katanya lagi, “*Ranjau perbezaan dan duri kelainan antara kita usah dipertajamkan. Ini kerana usaha itu dapat menimbulkan suasana yang amat menggerunkan. Silap-silap tajam, ranjau dan duri itulah yang akan menikam kita kembali. Tentu tidak ada orang Malaysia, rakyat Malaysia dan bangsa Malaysia yang berjiwa besar dan sanggup melihat negaranya hancur dan bangsanya lebur semata-mata kerana kepentingan fahaman politik sempit. Dan kerana kefahaman perkauman cetek dan tidak bertunjang di bumi Malaysia yang tercinta ini*”.

Oleh itu, saya berharap Rancangan Malaysia Kesepuluh ini jangan tinggal Dasar Ekonomi Baru. Menyusun semula masyarakat, membasmi kemiskinan. Ini senjata tajam yang ada pada kita yang kita ingin tumpulkan kerana kita mahu orang tertentu sahaja jadi kaya. Masyarakat luar tidak jadi kaya. Kita mahu kek yang besar dimakan oleh ramai manusia. Kita mahu kek yang kecil dimakan oleh sebahagian kecil manusia.

Akan tetapi kita tidak mahu dan minta kerajaan jangan memikirkan kek yang besar tadi dimakan oleh sebahagian kecil manusia. Ini yang kita tidak mahu. Kita tidak

mahu juga kek yang kecil tadi ramai orang yang hendak makan. Ini bermakna kita akan terus miskin, daif, papa kedana sampai kiamat.

Oleh itu, iktibar tragedi Cherokee apabila Amerika Syarikat merampas tanah orang-orang Red Indian. Dengan akta undang-undang betul, akan tetapi *morally wrong*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Akan tetapi bangsa Amerika Syarikat itulah yang ada sekarang iaitu penyamun besar! Yang ada ini perampas besar. Mereka mengkhianati akan tetapi mereka inilah yang melaung-laungkan hak asasi manusia, *Geneva Convention*.

Saya sedih dan kita jangan terpukau dengan kata-kata manis negara-negara besar. Kita akui, saya akui sendiri Dasar Ekonomi Baru banyak kelemahan. Malangnya kita seperti mengalah setelah berlaku kesilapan dan penyelewengan, matlamat dasar perjuangan keadilan ekonomi bagaikan diketepikan.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: *[Bangun]*

Tuan Ahmad bin Hussin: Lebih bahaya...

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua boleh saya tanya? Kelemahan apa DEB yang lama. Sila jelaskan.

Tuan Ahmad bin Hussin: Terima kasih. Saya habiskan *statement* ini. Tuan Yang di-Pertua, lebih bahaya kerana terlalu apologetik, kita ingin mereka yang menentang membakar kelambu kita dengan mengetepikan teras perjuangan bangsa. Itu sahaja. Bukan banyak, sedikit sahaja kesalahan. Akan tetapi dibesar-besarkan. Akhirnya, apa hendak buat? Hendak bagi bangsa Melayu khususnya, rosak.

Saya katakan demikian kerana *statement* daripada ‘*Jangan Cari Salah Sesiapa*’, Emeritus Institut Chartered Misurent iaitu Tan Sri Dr. Jass Fallen, tahun 1982 yang bertanggungjawab terlibat merangka semasa pentadbiran, merangka Dasar Ekonomi Baru semasa pentadbiran Tun Abdul Razak. Ini kata orang – ini bukan orang Melayu. Orang yang ikhlas, orang yang bersih jiwa, otak pun bersih, hati pun baik.

Apa dia kata. “*Memang ada banyak masalah dalam pelaksanaannya. Kerana tidak ada perhatian yang cukup diberikan kepada pemantauannya*”. Itu kata beliau. Pemantauan, tidak ada kajian semula untuk melihat keberkesanan sesuatu program itu. Ini bukan satu kesilapan. Bukan. Akan tetapi kita mengatakan kesilapan. Akan tetapi pengkaji kata bukan kesilapan. Cuma tidak ada pemantauan, tidak ada pembetulan.

Harus melihat apa – akan tetapi bukan satu kelemahan. Harus melihat apa yang dilakukan dan memikirkan hala tuju yang baru. Patut Dasar Ekonomi Baru seperti yang dikatakan oleh Timbalan Perdana Menteri semangat DEB tetap diperjuangkan. TPM beri

jaminan kepentingan Melayu dibela. Ini baru sahaja dua tiga hari lepas. Sepatutnya Dasar Ekonomi Baru masih kekal, hanya hala tuju baru untuk masa depan, kita buat sedikit pembaikan.

Ada kesediaan pihak kerajaan dan ada jentera untuk membuat susulan. Yakni siapa? Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan atau *Implementation Coordination Unit* dengan izin, Jabatan Perdana Menteri dan Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri. Harus kita pantau Unit Perancang Ekonomi ini dengan lebih berkesan, itu sahaja.

■1240

Ini kita ubah dasar - berapa banyak kita habis? Bahkan benda ini cukup baik – terbaik, dan ini diakui oleh *Royal Professor* Ungku Abdul Aziz. Ini adalah satu program yang terbaik. Sebab apa? Sebab ada yang menentang. Mereka yang menentang ialah DAP. Tentang DAP menentang hak orang Melayu, tentang DAP dan sabotaj terhadap ekonomi bumiputera, dan rentang ‘Dasar Cincang’ DAP - itu sahaja. DAP yang buat kacau. Kita ikut - pembangkang ada seorang atau dua, kita ikut, walhal kita tidak sepatutnya ikut. Siapa kata?

Sekarang saya minta DAP dengar saya hendak cakap. DAP - bukan saya cakap, tetapi bagi pihak saudara Anwar Ibrahim. Mana kawan Anwar - keluar sudah. Apa Anwar kata... [Disampuk] Ini Ezam - kawan ia dahulu. Mengenai DAP menentang hak orang Melayu, apa ia kata? Anwar kata, “*Saya hairan bagaimana masih ada orang Melayu yang sanggup bekerja dengan DAP, sedangkan Encik Lee Lam Thye yang telah lama berada dalam DAP tidak boleh bekerjasama dengan Setiausaha Agung DAP, Encik Lim Kit Siang.*”

Dahulu ada *four stooges*, sekarang ini tinggal *three stooges* - Dr. Tan Seng Giaw, Tuan Karpal Sing dan Tuan Lim Kit Siang. Dahulu empat *stooges* - Lee Lam Thye. Lee Lam Thye ini cerdik, ia nampak sudah - jahat ketiga-tiga orang ini. Ia keluar dan menjadi aktivis masyarakat, dan mendapat Tan Sri dan sebagainya - bekerja siang dan malam saya tengok.

Dahulunya Lee Lam Thye diperkuda oleh ketiga-tiga orang ini, semua Lee Lam Thye kena buat. Mereka ini naik kereta - **RJ 120**, *parking* di situ tahun 1982 atau tahun 1983. Saya Setiausaha Sulit Kanan Timbalan Menteri. Saya nampak yang kerja matian Lee Lam Thye, yang menjadi lembu Lee Lam Thye - semua mereka suruh Lee Lam Thye buat. Mereka duduk *relax* sahaja - maki orang, maki orang, maki orang. *Last*

sekali baru Lee Lam Thye teringat, Tuan Yang di-Pertua. Ia kata, *“Bukan sudah, puak-puak ini bukan sudah. Mereka perlembukan aku.”* Sebab itu ia keluar.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Saya pohon...

Tuan Ahmad bin Hussin: Bagi saya hendak terus sedikit lagi. Habis ini tanyalah soalan apa-apa pun. Anwar kata tadi di mana? Anwar Ibrahim berkata semasa memberi ceramah di Kubang Menderong, Kepala Batas pada 15 Oktober 1990. Anwar kata jangan percaya DAP - mengarut sahaja. Ini Lee Lam Thye cukup jahat, siapa kata?

Okey, apa Anwar kata lagi? Ia kata, *“DAP sebagai pelampau dan tidak pernah langsung memikirkan pembangunan dan kebajikan orang-orang Melayu.”* Anwar kata juga, bukan saya kata. Di mana? Anwar Ibrahim berkata semasa berucap di majlis Pemimpin Bersama Rakyat Parlimen Batu di Bandar Baru Sentul, Kuala Lumpur pada 18 April 1995.

Anwar kata, *“Soal-soal dasar yang diputuskan sejak merdeka yang telah diterima umum dibangkitkan semula oleh kelompok pelampau Cina, dan sikap mereka yang begitu lantang ini kerana ada orang Melayu sendiri di belakang mereka.”* Ada orang Melayu! Bila pula ada? Bila ada? Pening kita.

Anwar kata lagi, *“Mereka (DAP) menuntut tiga perkara iaitu; jangan menerima kepastian bahawa bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar wajib bagi pendidikan kita, juga menolak Islam sebagai teras sistem pendidikan, dan jangan mewajibkan penggunaan bahasa Melayu dalam mesyuarat majlis perundangan atau pendidikan. Kita ingin mengetahui kenapa PAS bersetuju di sebalik penghinaan terhadap maruah bangsa ini?”* Anwar kata di mana? Anwar Ibrahim berkata ketika berucap di majlis Penyampaian Cek Bantuan Sekolah Agama Rakyat di KUSZA, Kuala Terengganu pada 28 Ogos 1990. Bukan saya kata.

Kemudian tentang DAP dan sabotaj terhadap ekonomi bumiputera. Apa Anwar kata? Ia kata, *“Rakyat perlu mengetepikan pengkhianat pembangunan di kalangan orang Melayu sendiri yang sebenarnya didalangi oleh DAP. Agenda DAP untuk memastikan kaum bumiputera terus kekal miskin dan hidup dalam keadaan daif.”* Percubaan untuk mensabotaj setiap projek yang dibuat oleh kerajaan untuk orang Melayu dan kaum bumiputera jelas wujud sejak kebelakangan ini. Usaha itu bertujuan untuk mensabotaj ekonomi, selain menimbulkan suasana perpecahan sesama rakyat. Ini kerja mereka, Anwar sudah tahu.

Kemudian rentang ‘Dasar Cincang’ DAP. Anwar kata, *“DAP akan mengamalkan ‘Dasar Cincang’ jika diberikan peluang memerintah negeri ini. DAP juga mengamalkan*

nepotisme. Rakyat perlu menolak cita-cita DAP untuk menguasai kerajaan negeri ini bagi memastikan dasar pembangunan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional (BN) berterusan." Ia kata di mana? Anwar Ibrahim berkata demikian ketika berucap pada majlis Pemimpin Bersama Rakyat di Sekolah Menengah Hamid Khan di Pulau Pinang pada 23 April 1995. Silakan Yang Berhormat.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Saya hendak tanya, jadi kenapa Anwar Ibrahim berbaik semula dengan DAP? Kenapa? Jawablah.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusoff: [Bangun]

Tuan Ahmad bin Hussin: Boleh.

Datuk Abdul Rahman bin Bakar: Jawab saya dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang mana satu Yang Berhormat? Hendak jawab atau bagi peluang dengan...

Tuan Ahmad bin Hussin: Cakap dahululah.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, silakan Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusoff: Okey. Terima kasih kepada Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi pertama saya ucapkan terima kasih, kerana Yang Berhormat ini nampaknya rupanya dalam senyap-senyap ada berminat dengan Dato' Seri Anwar Ibrahim. Banyak kali ia simpan ucapan-ucapan koleksi yang cukup bernas.

Jadi yang saya hendak tanya penjelasan ialah, satu - mungkin Yang Berhormat boleh tolong perelaskan tugas Ahli Parlimen ini, adakah betul-betul turun jadi macam lembu atau membuat dasar yang disebut-sebut tadi? Kedua, saya hendak tanya juga mungkin adakah perubahan dalam implementasi oleh dasar kerajaan pada ketika ini? Walaupun dengan teguran pihak yang tidak ramai - beberapa pihak adalah kerana memang kerajaan sekarang telah pun mula sedar dan insaf, bahawa telah tamat era kerajaan tahu semua perkara. Jadi saya minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawawi: Okey. Saya cuma tiga perkara saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hussin.

Pertama, tadi disebutkan tentang kek besar. Saya hendak tanya dalam negara kita ini, betul atau tidak kita ada kek besar? Kalau kek besar itu ada, di mana?

Kedua, disebut tentang DAP dan MCA. Dari segi jumlah bilangan - berapa ramai DAP dan berapa ramai MCA dari segi keahlian? Itu pertama. Kedua, DAP berada di luar kerajaan dan MCA berada di dalam kerajaan. Kenapa - khususnya kita nampak

kerajaan tidak menggunakan kecerdikan yang ada dalam MCA untuk membantu semua orang Melayu untuk jadi lebih maju, dan kenapa pula mengambil pakai pendapatan DAP yang berada di luar kerajaan? Itu yang kedua.

Ketiga, saya juga bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Ir. Haji Zamri. Bahawa saya pun dalam ucapan, saya jarang merujuk Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai satu contoh yang saya ingat ucapannya. Akan tetapi saya ingat Yang Berhormat ini lebih banyak. Jadi kalau Dato' Seri Anwar Ibrahim dirujuk, nampak ia ada satu kesan dari segi ikon. Jadi kalau kita berdasarkan kepada sirah Islam ini, pendapat Imam Syafie di Basrah lain dengan pendapat ia - mungkin di Mesir. Keadaan ini berubah, pendekatan ini berubah.

Dahulu Dato' Seri Anwar Ibrahim berada di dalam kerajaan, sekarang di luar kerajaan. Adakah ini menunjukkan bahawa apabila berlaku keadaan yang luar biasa, bilamana hujah perlu dijawab dengan hujah dalam perkara ini. Kalau tadi Lee Lam Thye daripada tidak sedar jadi sedar, sekarang Dato' Seri Anwar Ibrahim pun daripada tidak sedar jadi sedar. Apa pandangan Yang Berhormat?

Tuan Ahmad bin Hussin: Saya hendak kena jawab.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Ahmad bin Hussin: Satu sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua: Sebelum itu saya ingin maklumkan. Masa Yang Berhormat berjalan 30 minit sudah. Jadi kalau ikut, 30 minit seorang...

Tuan Ahmad bin Hussin: 15 minit.

Timbalan Yang di-Pertua: ...Akan tetapi tidak mengapa, saya bagi 10 minit. Kalau boleh selesaikan tepat jam 1.00 petang.

Tuan Ahmad bin Hussin: *Insya-Allah*. Saya jawab daripada bawah dahulu, Tuan Yang di-Pertua. Orang Islam ini apabila ia bercakap, apabila ia sebut, apabila ia kata, ia kena bertanggungjawab dunia akhirat. A. Rahman Khatibin sudah tulis. Pita itu tidak boleh dibuang, jadi kena minta di sana, jangan minta di sini.

Kedua, Anwar ini telah berjanji dengan kita - ia hendak jaga pertanian ini untuk menjadi pertanian komersial luar bandar dan sebagainya pada tahun 1985. Akan tetapi, apa benda pun ia tidak buat. Mungkin ia keluar. Sebab itulah ia keluar, ia tidak boleh buat. Ya, itu jawapannya. Yang jadi lembu ini - kita jangan jadi lembu lagi sudah. Ubah dasar ini. Apabila ubah dasar ini saya ingat, sudah eloklah Barisan Nasional - saya ingat semua masuklah. Yang duduk sebelah sini masuk.

[Ketawa]

Okey, jawapan. Saya hendak cakap tentang - sebab Senator FELDA ini tidak ada, jadi saya hendak bercakap mengenai isu-isu semasa mengenai FELDA. Kita menyokong langkah kerajaan - sebab ia hendak saman *Suara Keadilan* ini, yang dengan semberono memfitnah FELDA telah bankrap. Kurang sedikit ada, tetapi kata bankrap - sebab atas perkataan bankrap sahaja.

■ 1250

Jadi, oleh sebab itu kita juga mengalu-alukan NGO seperti gabungan Wawasan *General* FELDA yang mengambil langkah-langkah susulan turun ke rancangan FELDA untuk menjelaskan mengenai tohmahan yang sengaja dilemparkan oleh pihak tertentu dan mungkin apabila *create havoc* dalam FELDA ini, jadi orang boleh masuklah. *It is normal game, divide and rule*. Saya pun faham sudah cara-cara sahabat-sahabat saya buat ini, sudah elok.

Cuma kita jangan latah, Barisan Nasional jangan latah dalam FELDA. Kita mempertingkatkan lagi beri perkhidmatan yang paling baik, tertinggi dan yang paling canggih kepada bela orang FELDA.

Cadangan untuk menubuhkan Koperasi Anak FELDA. Ini, peneroka FELDA sebagai satu wajah penting untuk menjana pelaburan jangka panjang dan generasi kedua, ketiga dan seterusnya sebagai khazanah warisan generasi FELDA adalah tepat pada masanya. Dengan jumlah generasi muda FELDA yang tidak lama lagi akan menjangkau lebih satu juta orang tidak syak lagi koperasi ini dapat berperanan sebagai penyelamat kepada masa depan mereka. Dalam dunia yang kian hari kian tidak menentu, koperasi ini dapat membantu menjana keuntungan dalam bentuk dividen dan pulangan yang boleh dinikmati oleh para ahlinya setiap tahun dan terus menyokong perjuangan Barisan Nasional, kerajaan sekaranglah.

Saya minta satu lagi, FELDA tolong buat satu *blue print* dan tulis surat kepada Kerajaan Negeri Perlis untuk - yang janji kata mahu buat pekan itu sebab kita ada beri 1000 ekar. Saya harap pihak FELDA dengan apa yang saya mahu cakap.

Seterusnya ialah laporan tanaman padi yang menghadapi masalah musim satu, dua, sepuluh bekalan kerana kemarau sebanyak 8,554.91 hektar melibatkan RM18,127,854.29 untuk kita dapat dan harap Yang Berhormat Perdana Menteri melihat perkara ini secara serius kerana Empangan Timah Tasoh yang ketinggian 29 meter telah jadi 27 meter tidak dapat memberi air kepada pertanian hanya untuk minuman. Oleh sebab itulah, kemarau berlaku dan akhirnya kerugian berlaku. Ini untuk mahu jaga kerajaanlah dekat dengan pilihan raya.

Kita juga mahukan satu penubuhan Wilayah Pembangun Utara Perlis iaitu IADA diadakan. Saya lihat di dalam RMKe-10 tidak ada koperasi. Saya mahu beritahu kerajaan, mungkin kerajaan ini tidak berapa sensitif. Pada tahun 2008, ada 6,084 koperasi, tahun 2007 ada 5,170 koperasi. Saya tidak tahu 2010.

Kita jangan lupa dalam jumlah anggota koperasi ialah sebanyak 6.51 juta. Ini banyak dan jumlah sahamnya RM8.42 bilion. Asal aset tahun 2008 ialah RM5.73 bilion. Koperasi mencatatkan peningkatan perolehan sebanyak RM7.75 bilion pada tahun 2008. Saya minta resolusi yang dihantar oleh ANGKASA diberi perhatian serius, ANGKASA terus mengutip wang untuk BPA - potongan awam. Kerajaan beri perhatian serius kepada koperasi dan jangan ingat perkataan koperasi ini nampak seperti orang luar bandar. Akan tetapi mereka ini ramai, 6.51 juta orang kalau kita jaga mereka maka negeri dan negara akan stabil.

Dari segi rasuah, saya mintalah supaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia perlu berani dan jangan penakut. Kalau sudah betul ada bukti sah baik ikan besar, ikan kecil, lembu atau kerbau kita tidak peduli. Ambil dan bawa ke muka pengadilan. Biar hakim tentukan. Saya bersetuju supaya kuasa SPRM, balik kepada SPRM. Kuasa mendakwa jangan beri AG. Apa yang AG tahu? [*Tepuk*] Lihat sokong, betullah itu.

Kita juga mintalah Kementerian Kesihatan, tidak ada, ya untuk kerja kuat lagi supaya sekarang ini saya lihat di Malaysia jangka hayat penduduk Malaysia telah pun meningkat dari 55 tahun ke 58, perempuan. Manakala 57 ke 71.9 lelaki kepada 76.4 tahun. Ini lelaki 71.9, perempuan 76. Jadi umur orang perempuan ini panjang. Mungkin dia *relax* sedikitlah duduk di rumah, dia tolong jadi suri rumah. Yang ada kerja, kerja tetapi banyak di universiti itu okeylah. Akan tetapi apabila kementerian ini dia akan jadi sampai 80 ke 90. Karpal Singh pun sudah kata, letih sampai 80 ke 90 waktu *birthday party*nya itu. Jadi, saya minta kerja kuat lagilah kementerian untuk cari jalan atau kaedah apa herba yang baik untuk tambah lagi semangat. Hah! supaya jangan berlaku penceraian. Saya dengar ada penceraian ini ada "masalah" Hah! Satu...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lima minit lagi Yang Berhormat. [*Ketawa*]

Tuan Ahmad bin Hussin: Ada sedikit. Pukul 1 petang saya habis, boleh, ya?

Timbalan Yang di-Pertua: Selesaikan hingga jam 1 petang.

Tuan Ahmad bin Hussin: Jam 1 petang? Cantik...

Timbalan Yang di-Pertua: Tepat jam 1 petang, ya.

Tuan Ahmad bin Hussin: RMK-10 diharap beri penekanan kepada masalah sosial. Usaha tingkat akhlak dan moral rakyat penting untuk mencapai Wawasan 2020. Kita tidak mahu maju sahaja. Akan tetapi akhlak kita akhlak yang buruk. Apabila akhlak buruk, kita buat kerja yang buruk. Apabila kita buat kerja yang buruk Allah SWT tidak redha.

Allah SWT menganugerahkan nikmat kepada satu kaum seperti, apa? Apa Allah SWT beri? Satu kemakmuran, kedua keamanan, ketiga kesenangan dan kebahagiaan, keempat kekuatan, dan kelima kekayaan. Akan tetapi kalau kaum itu berakhlak mulia dan sifat dengan sifat utama seperti apa? Mesti ada benda-benda yang Allah SWT mahu beri ini mesti kuat bersatuan. Mesti benar perkataannya, jujur dan amanah perbuatannya, adil tindak tanduknya, dan rajin berusaha dan beramal baru dapat. Kemudian, selama kaum itu berakhlak mulia dan bersifat dengan sifat utama, Allah SWT akan terus menganugerahkan nikmat kepada mereka sampai bila-bila hingga kiamat Allah SWT akan beri.

Akan tetapi kalau kaum itu satu, dia menyeleweng, pembohongan yang banyak, cakap bohong, korupsi banyak orang besar atau kecil, kezaliman bermaharajalela, perpecahan antara golongan-golongan yang telah menjadi-jadi. Maka, apa berlaku? Nikmat itu akan lenyap dan hilang. Allah SWT akan tarik daripada kaum tersebut dan jangan jadi di Malaysia. Akhlak dan moral mesti tinggi dan perangai mesti bagus baru mertua sayang yang telah kahwinlah. Kemakmuran berganti dengan ini kalau kita silap. Kalau kita moral teruk, janji pun tidak tepati, cakap-cakap bohong, beri amanah dia khianat amanah, apa akan berlaku? Satu, penderitaan. Sudah pasti penderitaan. Keamanan akan bertukar dengan kekacauan. Kekayaan berganti dengan kemiskinan. Kekuatan bertukar dengan kelemahan. Ini sudah pasti. Begitulah sunnatullah, ini janji Allah SWT. Tidak dapat kita lawan dengan apa yang telah dijanjikan oleh Allah SWT.

Kita jangan lupa di dalam Surah al-Baqarah, ayat 2 bermaksud:

“Kitab Al-Quran itu, tidak disangsikan lagi kebenarannya menjadi petunjuk bagi orang-orang yang bertakwa”.

Segala kerajaan di langit dan di bumi ini adalah hak mutlak Allah SWT yang tidak dapat dipertikaikan lagi. Hak milik manusia hanyalah berdasarkan kepada konsep kesementaraan sahaja kita ini. Mana ada Yang Berhormat Perdana Menteri yang lepas-lepas tidak ada. Ada seorang sahaja mantan sebagai melaksanakan amanah yang telah dikurniakan Allah SWT dan janganlah kamu memakan harta di antara kamu di jalan

yang curang. Jangan kaya tetapi makan hak orang, duit GLC makan habis yang mana bos-bos yang hisap corot di hotel tolong buang corot-corot tadi. Mereka ada tempat corot.

Surah Al-Imran ayat 185,

“Setiap diri yang berjiwa mesti merasai mati. Sesungguhnya akan disempurnakan pahala kamu pada hari kiamat. Barang siapa yang terjauh dari api neraka dan di masuk dalam syurga”.

Saya akhiri dengan satu pantun.

Dari masyarakat kita datang;

Kepada masyarakat kita berbakti;

Ke pangkuan masyarakat kita pulang;

Ke pangkuan Ilahi kita bersemadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Rasanya semua dalam Dewan ini termasuk saya sendiri seronok sangat mendengar ucapan yang begitu bersemangat sekali. Akan tetapi apa boleh buat, masa sangat cemburu kepada kita. Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat, masa cukup, mesyuarat Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti. Terima kasih.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

2.30 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ucapkan terima kasih oleh sebab hadir. Kita sambung semula perbahasan kita. Apa yang telah saya lihat di sini, kita ada lebih kurang 13 orang yang telah meminta untuk melibatkan diri dalam perbahasan ini dan seramai tiga orang baru sahaja habis. Ada lebih kurang lagi 10 orang. Oleh demikian, kita akan cuba apa kan – selepas itu siapa yang tidak sempat masa, kita bawa esok. Prioritinya kita akan beri kepada ini. Kita hendak cuba sebaik mungkin dan sama-sama beri kerjasama, *insya-Allah*.

Sekarang ini dipersilakan kepada Yang Berhormat Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir - tidak ada lagi. Dipersilakan Yang Berhormat Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin.

Kita beri 30 minit ya, Yang Berhormat dan juga kepada sesiapa yang belum dan berhasrat hendak berucap, terlibat dalam perbahasan, tolong beri nama kepada saya. Kalau hendak esok ataupun lusa dan sebagainya supaya senang kita hendak aturkan.

2.34 ptg.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: *Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, yang telah memberikan saya peluang untuk membahaskan RMKe-10 pada tengah hari ini.

Sepertimana yang kita semua sedia maklum, RMKe-10 sebenarnya telah melaksanakan Gagasan 1Malaysia. Dengan adanya perkara-perkara yang telah dibincangkan dan perkara-perkara yang telah pun disampaikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi menentukan bahawa kita akan sampai kepada satu hasrat untuk memajukan negara kita khususnya pada tahun 2020. Kita akan menjadi Wawasan 2020, yang akan terus membela nasib bangsa dan negara yang mempunyai kejayaan.

Jadi, untuk itu kita harus melihat bahawa Gagasan 1Malaysia ini hanya dapat kita laksanakan, kemajuan negara kita ini dengan Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan. Ini bermaksud sudah tentu rakyat ialah rakyat negara ini. Sepertimana yang kita tahu hari ini banyak terdapat berbagai-bagai cara dan hari ini kalau kita dapat membaca akhbar, pagi ini mengatakan pemandu teksi di Lembah Klang dikuasai oleh warganegara asing kira-kira – pagi ini ada.

Jadi, kalau itu kita harus melihat bahawa tentunyalah kita meminta kerajaan mengkaji semula setiap pemandu teksi hendaklah diberi peluang kepada rakyat tempatan. Dengan itu, barulah kita dapat memberikan kemajuan dan mempertingkatkan pendapatan rakyat kita, supaya dengan pendapatan yang meningkatkan pendapatan ini bahawa sudah tentu kita akan memberikan mereka tempat yang sesuai untuk menjadi rakyat Malaysia yang cukup membela nasib bangsa dan juga membela negara. Ya! Kita semua sudah tentu dapat melihat apa yang terdapat di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, yang telah pun disampaikan oleh pertamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Dewan Rakyat. Baru semalam yang disampaikan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, di Dewan Negara pada 20 hari bulan.

Salah satu daripada perkara yang hendak saya sampaikan ialah untuk membangunkan modal insan. Sudah tentu untuk membangunkan modal insan, meningkatkan pendapatan rakyat ke tahap yang lebih tinggi. Gagasan 2020 memajukan negara kita pada ketika itu menjadi negara Malaysia yang maju.

Jadi, sudah tentu kalau negara kita, kita memperjuangkan supaya ia menjadi negara yang maju, yang pentingnya ialah rakyatnya juga mestilah maju. Kalau negara maju rakyatnya terpinggir, sudah tentu seperti mana yang saya sebutkan tadi, kalau diambil kerja-kerja tempatan ini, dikuasai oleh bukan rakyat tempatan, jadi sudah tentu ini akan membawa kita kepada keruntuhan pembinaan rakyat jelata kita.

Jadi, ini hendaklah diberikan perhatian. Jadi, seperti mana yang juga terdapat di dalam laporan ini, ialah terdapat juga perkongsian awam dengan swasta. Ini amat penting. Kita lihat kita kerajaan dan pihak swasta berkongsi untuk membangunkan negara ini, berkongsi. Jadi ada beberapa syarikat yang hari ini pun kita tahu GLC, ada di antaranya yang pernah dicadangkan supaya ada di antaranya diswastakan. Kerjasama itu amat penting bagi kita menumpukan masa depan kita untuk menjadikan ia sebagai satu usaha yang boleh...

Jadi, saya kembali kepada perkara perpaduan kerana perpaduan itu amat penting. Tanpa perpaduan kaum yang ada di negara ini, tidak mungkin kita boleh memajukan negara ini kerana pertelingkahan itu akan membawa kepada perpecahan. Jadi kerana itulah kita melihat perpaduan ini bermula daripada sejarah kita, seperti mana Yang Berhormat tadi ada sebut, soal perpaduan ini bermula daripada awal lagi. Bererti semasa kita memperjuangkan kemerdekaan, kita mempunyai enam Perdana Menteri memperjuangkan kemerdekaan kita bermula daripada Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang telah pun memperjuangkan kemerdekaan itu dan menyatukan, menerima juga daripada parti MCA, MIC dan pemimpinnya untuk sama-sama memperjuangkan kemerdekaan. Di situlah bermulanya perpaduan. Jadi dari situ kita melihat setelah itu maka itu kita berikan Tunku Abdul Rahman kita gelar Bapa Kemerdekaan.

▪ **1440**

Kedua ialah Tun Abdul Razak yang juga Perdana Menteri kita yang kedua. Tun Abdul Razak, kita telah memberikan beliau gelaran Bapa Pembangunan. Dengan adanya Tun Abdul Razak pada ketika itu yang menjadi Perdana Menteri kita yang kedua telah membangunkan negara kita ini khususnya membina skim FELDA. Itu adalah idea daripada Tun Abdul Razak.

Dengan itu kita dapat membangunkan pembangunan tanah di seluruh itu, kalau dulu kita lihat seluruh negara kita ini mempunyai hutan rimba yang begitu banyak. Namun apabila Tun Abdul Razak membuka rancangan FELDA, kebanyakan hutan rimba ini telah pun dijadikan – memajukan negara kita dengan mengadakan beberapa estet dengan izin. Selain itu, mulanya dengan penerbitan getah dan selepas itu ditukar kepada pembangunan-pembangunan yang lain. Hari ini kita melihat bahawa FELDA adalah salah satu daripada rancangan kita yang begitu maju dan hari ini yang terkaya jika dilihat. Rancangan yang terkaya ialah FELDA.

Ketiga, kita mempunyai Perdana Menteri kita yang ketiga iaitu Tun Hussein Onn. Bapa Pembangunan ialah Perdana Menteri yang kedua. Tun Hussein Onn, Perdana Menteri yang ketiga ialah Bapa Perpaduan. Kita lihat kerana Tun Hussein Onn pada ketika itu ialah seorang tentera. Beliau adalah tentera. Jadi maka itu beliau telah menyatupadukan kaum pada ketika itu - Bapa Pembangunan.

Keempat, kita tahu setelah Tun Abdul Razak meninggal dunia, maka Tun Hussein Onn telah melantik timbalannya iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Akhirnya, Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri kita yang keempat. Tun Dr. Mahathir juga diberikan semangat seorang memajukan negara, memajukan negara kita yang moden. Kalau kita lihat, Tun Dr. Mahathirlah yang telah mengadakan pembangunan Putrajaya. Jadi Putrajaya itu adalah usaha yang diberikan oleh Tun Dr. Mahathir, Perdana Menteri kita yang keempat selaku Bapa Pembangunan Moden.

Jadi Putrajaya bermaksud putera yang berjaya iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj. Maka nama Putrajaya itu adalah berpandukan kepada pembangunan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj yang telah memajukan negara ini, maka itu Putrajaya. Jadi Tun Dr. Mahathir, Perdana Menteri kita yang keempat.

Perdana Menteri kita yang kelima ialah Tun Abdullah Ahmad Badawi. Tun Abdullah Ahmad Badawi namanya dan kita tahu. Sekali lagi saya ulangi sedikit, Tun Dr. Mahathir ialah pembawa Wawasan 2020. Jadi yang kita perjuangkan sekarang, yang terdapat di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, terdapat Wawasan 2020 adalah usaha dan idea yang dibawa oleh Tun Dr. Mahathir.

Selepas itu kita mempunyai Perdana Menteri kita yang kelima iaitu Tun Abdullah Ahmad Badawi. Tun Abdullah Ahmad Badawi juga yang telah mencadangkan iaitu membawa prinsip Islam Hadhari. Jadi Islam Hadhari bukan hanya untuk orang Islam sahaja. Islam Hadhari adalah untuk rakyat keseluruhannya tidak kira bangsa, agama

dan keturunan. Jadi kalau kita lihat dalam prinsip Islam Hadhari ini juga, kita dapat melihat semula apa yang berlaku di dalamnya.

Pertama ialah keimanan dan ketakwaan kepada Allah.

Kedua, kerajaan yang adil dan beramanah. Jadi bererti kita membina kerajaan yang adil kepada seluruh rakyat yang ada dan amanah.

Ketiga, rakyat berjiwa merdeka yang bermaksud rakyat hendaklah bebas daripada dipengaruhi oleh mana-mana pihak. Jadi kita haruslah merdeka. Pemikiran kita hendaklah merdeka, bebas daripada dipengaruhi oleh mana-mana orang yang boleh mempengaruhi kita. Jadi kita jangan mendengar daripada mana-mana pihak yang boleh membawa kepada perpecahan kaum. Negara kita akan menjadi rosak. Jadi kerana itu kita hendaklah berjiwa merdeka.

Keempat penguasaan ilmu pengetahuan. Sepertimana yang saya sebutkan tadi, penguasaan ilmu pengetahuan ini amat penting kepada kita dan kita membangunkan modal insan. Ini juga kita lihat ada di dalam wawasan ini. Prinsip Islam Hadhari membangunkan modal insan.

Kelima, pembangunan ekonomi seimbang dan komprehensif. Jadi membangunkan ekonomi yang seimbang kepada seluruh negara, seluruh negeri termasuk Sabah dan Sarawak, bandar dan juga desa dan di kampung-kampung mestilah seimbang. Jadi ini juga terdapat di dalam Islam Hadhari.

Keenam kehidupan berkualiti. Jadi kita membangunkan kehidupan yang mempunyai kualiti hidup. Itu amat penting bagi kita memajukan negara. Rakyat kita mesti berkualiti, hidup kita mestilah berkualiti.

Ketujuh pembelaan hak kumpulan minoriti dan wanita. Jadi dalam Islam Hadhari juga ialah membela kaum minoriti seperti Orang Asli, orang di pedalaman di Sabah, di Sarawak dan di seluruh negara kita ini. Minoriti Orang-Orang Asli semua hendaklah kita beri juga mereka kesempatan untuk sama kepada semua yang ada dan juga kepada kaum wanita. Sepertimana yang kita semua sedia maklum, kaum wanita diberikan tempat yang cukup tinggi hari ini iaitu 30% dan kita lihat banyak di antara wanita-wanita yang telah diberikan tempat. Sepertimana yang kita semua maklum, Gabenor Bank Negara pun wanita. Ini semua...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, boleh saya buat pengumuman sebentar? Saya hendak mengumumkan dalam Dewan kita sekarang ini delegasi daripada *National Council of Bhutan* seramai tujuh orang diketuai oleh Hon. Dr. Jagar Dorji... [Tepuk] Terima kasih. Semoga kehadiran delegasi ini dapat mengeratkan lagi

persahabatan baik antara Parlimen Malaysia dan Bhutan serta hubungan baik dua hala antara kedua-dua negara. Terima kasih.

Teruskan semula, Ahli Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seterusnya ialah keutuhan budaya dan moral. Jadi kita mestilah menjaga kebudayaan kita supaya jangan kita dipengaruhi oleh budaya-budaya asing yang boleh merosakkan anak-anak muda kita. Maka itu saya merasakan bahawa ini juga adalah usaha kita bagi tujuan supaya jangan ada tayangan-tayangan filem atau drama atau apa sahaja yang ditayangkan yang boleh merosakkan anak-anak muda kita. Jadi kita mestilah kalau pun kita import filem dari luar, budaya-budaya yang ada dalam drama-drama yang ditayangkan di peti-peti televisyen hendaklah kita buat kajian supaya jangan ada di antaranya boleh merosakkan budaya dan moral anak-anak muda kita.

Dahulunya kita mempunyai satu jawatankuasa khusus untuk mengkaji program-program yang ada dan ditayangkan di seluruh televisyen sama ada di televisyen kerajaan ataupun di stesen televisyen swasta, hendaklah jawatankuasa ini mengkaji program-program itu supaya jangan ada di antaranya yang boleh merosakkan budaya dan moral anak-anak kita kerana mereka ini akan menjadi pemimpin masa depan. Kalau kita tidak membangunkan mereka hari ini, mungkin akan rosaklah penghidupan mereka di masa hadapan.

■1450

Kita juga mempunyai Kementerian Dalam Negeri yang mengawal tentang filem-filem yang dimasukkan dari luar negara ini, hendaklah kita juga ada *sensor board*, dengan izin. Jadi *sensor board* ini hendaklah sentiasa mengkaji filem-filem yang sesuai untuk ditayangkan di negara ini dan apa yang berlaku, kita harus menjadikannya sebagai satu usaha di dalam kita memajukan negara kita dan membanyakkan – saya ingin menyarankan supaya membanyakkan penerbitan filem-filem tempatan.

Hari ini kita hanya ada 10% sahaja filem yang ditayangkan yang dibuat dalam negara tetapi kebanyakannya filem kita import dari luar negara. Jadi kalau boleh, kita adakan satu peraturan. Mesti sekurang-kurangnya kita mesti ada 60% filem-filem tempatan hendaklah ditayangkan di dalam negara ini. Jadi kerana itu, hendaklah kita adakah satu jawatankuasa untuk mengkaji semula pengimportan filem-filem dari luar yang boleh merosakkan.

Jadi dengan adanya kita membanyakkan filem yang dibuat dalam negara ini, tentunya kita dapat memberikan peluang kepada mereka – pelakon filem, penyanyi,

pengarah, penulis skrip, dan penerbit-penerbit tempatan – dapatlah mereka ini dapat menghasilkan, mempertingkatkan hasil dan juga menjadikan pelakon-pelakon, pengarah-pengarah, penyanyi dan semua lainnya juga dapat *income* yang lebih banyak, dengan izin. Kerana itu kita lihat hari ini ada di antara para artis, karyawan-karyawan seni amat sukar – terpaksa diberi sumbangan oleh kementerian kerana tidak ada apa-apa. Jadi kerana itu juga filem-filem lama yang masih ditayangkan tetapi tidak dibayar apa-apa royalti pun kepada mereka.

Seterusnya ialah pemeliharaan alam semula jadi. Kita mesti peliharalah alam semula jadi. Jangan kita merosakkan apa yang ada di negara kita ini. Kalau kita lihat alam semula jadi ini iaitu yang dianugerahkan oleh Allah SWT, maka kita hendaklah mengawalinya dan menjaganya. Alam semula jadi ini amat penting kepada kita. Jadi kerana itu, kita hendaklah menjadikan ianya sebagai satu usaha kita untuk mempertingkatkan lagi sebab baru-baru ini – saya ingin menyentuh sedikit.

Baru-baru ini kita ada beberapa kawasan yang hendak dibangunkan tetapi dilarang oleh kerajaan negeri. Tidak boleh dibangunkan kerana kawasan itu mereka kawal. Jadi kerana itu juga kita merasakan kita hendaklah menjadikannya sebagai satu usaha bagi kita memajukan negara ini. Jadi mereka ada satu kawasan yang agak bergaung di Jalan MMR II Batu 7 1/2. Jalan itu agak bergaung dan ada sedikit bukit. Ada lebih kurang 400 lot tanah di situ dan kawasan itu adalah kawasan *Malay reservation*, dengan izin – hak orang Melayu. Jadi mereka telah berusaha meminta kepada kerajaan negeri untuk menutup tanah itu tetapi tidak dibenarkan. Jadi inilah yang menjadi masalah kita. Jadi itu perkara yang saya hendak sebut di sini.

Juga, berkenaan kekuatan pertahanan, kita mestilah kuat – pertahanan negara kita ini mempertahankan negara daripada dijajah ataupun daripada dipecahbelahkan penduduk-penduduk yang ada dan itu adalah di antara perkara yang terdapat di dalam Islam Hadhari.

Seterusnya, kita mempunyai Perdana Menteri kita yang keenam iaitu anak kepada Perdana Menteri kita yang kedua dan telah membawa satu prinsip iaitu 1Malaysia. Jadi 1Malaysia, rakyat didahulukan – sepertimana yang saya sebutkan tadi, dan pencapaian diutamakan.

Untuk mengutamakan pencapaian dalam hal kita – Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, pencapaian hendaklah diutamakan. Untuk mengutamakan pencapaian, mestilah mereka yang diberi tugas, mereka yang dilantik, mereka yang diberi tanggungjawab hendaklah mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang-bidang yang

mereka ini pakar kerana kalau tidak, kita akan kecewalah, tidak mungkin kita boleh mengutamakan pencapaian. Macam mana kita nak utamakan pencapaian kalau mereka yang dilantik, mereka yang diberi tanggungjawab itu tidak mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidangnya?

Daripada sudut agama Islam, Rasulullah SAW pernah bersabda yang bermaksud, jika kita menyerahkan tugas kepada mereka yang bukan ahlinya, maka tunggulah kehancurannya. Itu sabda Rasulullah. Jadi bererti, kita hendaklah menyerahkan tugas kepada orang yang berpengetahuan dan berilmu. Kalau tidak, tidak mungkin dapat memajukan.

Ada beberapa kejadian yang berlaku. Jadi kerana itu saya telah baru-baru ini telah diundang oleh sebuah persatuan yang amat penting pada saya. Persatuan ini diberi nama GAFIM. Ia telah membawa satu usul di dalam ini. GAFIM ialah sebuah persatuan dan mempunyai 11 persatuan di bawahnya dan mengandungi lebih daripada 2,500 ahli. Persatuan ini telah membuka satu pertemuan untuk memberikan gambaran kepada saya untuk dibawa ke Dewan Negara bagi tujuan untuk kita memajukan industri ini khususnya industri perfileman...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada dua minit lagi Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Berapa?

Tuan Yang di-Pertua: Tiga minit lagi.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Saya ingin juga menyarankan dari segi hubungan kita dengan orang luar – sudah tentu. Sekarang kita ada tetamu dari Bhutan. Saya juga mengesyorkan supaya kita mempunyai hubungan dan meningkatkan kerjasama kita dengan Kerajaan Bhutan supaya kita dapat – daripada bidang saya ialah untuk menghasilkan filem bersama dengan Kerajaan Bhutan, mereka juga ada filem bersama... [*Tepuk*] Mungkin kita boleh buat *joint venture* dengan Kerajaan Bhutan supaya kita dapat menerbitkan filem bersama. Jadi itu juga amat penting.

Kita ada lagi sedikit dan ini perkara-perkara yang amat penting saya kerjakan dan juga ada perkara-perkara lain yang juga saya nak sebutkan tadi ialah kita hendaklah melihat bahawa untuk memajukan – ada satu minit sahaja lagi. Untuk memajukan ini, ada satu lagi perkara yang telah dikemukakan juga ialah – tentunya tak sempat. Saya sebenarnya ada banyak lagi perkara yang hendak dikemukakan. Kerana masa tidak dapat mengizinkan, kerana panjang lagi Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya cadang Yang Berhormat, kalau boleh hari ini hantar notis bagi ucapan penangguhan minggu depan, gunakan peluang itu. Sekarang ini masa

kita sudah hadkan, ramai nak bercakap lagi. Yang Berhormat cuba habiskan itu sebelum sampai pukul tiga.

Tan Sri Datuk (Dr.) Jins Shamsudin: Boleh teruskan?

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan sampai pukul tiga, ada satu minit lagi. Kalau nak ada panjang lagi, saya cadangkan Yang Berhormat buat notis dan masa ada tujuh hari, bukan? Minggu depan kita ada ucapan penangguhan. Ataupun semasa menjawab nanti, kalau hendak menjelaskan, Yang Berhormat boleh gunakanlah.

■1500

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Jadi sekarang terpaksa ditangguhkanlah Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apalah.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Satu minit sahaja lagi. Sudah habis dah...
[Memandang ke arah jam dinding] [Ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Sudah tentu saya mempunyai banyak lagi perkara yang hendak saya kemukakan. Mungkin akan diusahakan...

Tuan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat? Nanti Yang Berhormat majukan atau kita akan cuba. Selepas ini Yang Berhormat datang berjumpa saya, kita boleh berbincang bagaimana cara Yang Berhormat boleh kemukakan di dalam Dewan ini, semasa sesi ini tetapi, tidak sesi inilah. Sesi perbahasan ini, kita ada 30 orang lagi.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Oh, ramai lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Untuk memberi peluang kepada yang lain-lain, jadi saya terpaksa berhenti di sini walaupun ada banyak lagi perkara yang saya hendak kemukakan. Saya perlu sebenarnya satu jam setengah kalau hendak semua ini.

Tuan Yang di-Pertua: Semua macam itu Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Akan tetapi selalu tidak dapat.

Tuan Yang di-Pertua: Semua macam itu... *[Ketawa]* Tidak mengapalah Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Dr. Jins Shamsudin: Satu perkara, akhir sekali saya hendak bercakap. Yang akhir sekali ialah berhubung dengan kita memberikan peluang kepada anak-anak muda untuk belajar dalam bidang seni ini. Saya pernah mencadangkan pengajian filem di universiti, ada dikeluarkan di surat khabar ini. Jadi supaya semua

anak ini dapat belajar filem di universiti-universiti tempatan yang mana ada pengajian perfileman di sana. Saya berharap perkara ini, kerajaan akan dapat meneruskan. Juga saya pernah mencadangkan dan Universiti Utara Malaysia telah meminta supaya saya mengemukakan agar dapat menjadikan pengajian perfileman itu. Untuk itu, saya dengan ini mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Dato' Musa.

3.02 ptg.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Usul Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dibentangkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Tuan Yang di-Pertua, kita lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh banyak menekankan iaitu tentang "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Pada hari ini, kita lihat banyak perkara yang berlaku di dalam negara kita ini tidak pun diambil kira apa yang telah diamanatkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengambil kira teguran Tuan Yang di-Pertua semalam tentang kehadiran menteri, timbalan menteri dan juga pegawai-pegawai kerajaan. Bagi kita, kita tidak boleh salahkan pegawai-pegawai kerajaan. Kami ucapkan terima kasih kepada pegawai-pegawai kerajaan kerana tahu pegawai kerajaan bekerja bertungkus-lumus. Akan tetapi, yang mendukacitakan kita, inilah "Kepimpinan Melalui Teladan". Kalau menteri, timbalan menteri tidak hadir, bagaimana pegawai-pegawai kerajaan hendak menghormati? Jadi kita berharaplah, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini ada di dalam Dewan ini. Saya tengok pada pagi tadi, seorang pun tidak ada. Selepas itu ada balik, Tuan Yang di-Pertua. Dewan ini kena hormat. Yang sedihnya, ada Senator-senator yang dilantik sebagai menteri, timbalan menteri melalui Senator. Kalau tidak ada Senator, mereka pun tidak menjadi menteri, timbalan menteri... [*Tepuk*] Jadi orang ini pun tidak tahu hendak berbudi, tidak tahu berterima kasih kepada Dewan Negara. Inilah orang yang orang kata, tidak reti bersyukur Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya berharaplah, tadi saya kasihankan sahabat saya duduk bercakap dekat sejam tadi. Seorang timbalan menteri pun tidak ada di hadapan ini, selain

daripada menteri. Jadi hormatlah Dewan Negara. Janganlah kata kami di Dewan Negara ini tidak dipilih oleh rakyat, tetapi kami juga bertanggungjawab kepada rakyat. Suara kami adalah suara rakyat. Kami pemimpin daripada rakyat. Oleh sebab itu kami berada di sini. Jadi saya berharaplah supaya perkara ini tidak lagi berlaku Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tarik perhatian tentang syarikat-syarikat GLC ini. Kita bukan cemburu ataupun kita bukanlah rasa hendak mengaibkan sesiapa. Akan tetapi syarikat GLC ini seperti sahabat saya yang bercakap iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Mohamad Ezam, ditubuhkan untuk membangunkan negara. Ditubuhkan untuk membantu rakyat. Kita lihat hari ini, dalam syarikat-syarikat GLC, apa yang berlaku? Mendukacitakan kita. Apa yang kita hendak ialah kita tidak mahu ada 'tikus-tikus gemuk' dalam syarikat GLC ini. Mereka ini hanya hendak menggemukkan diri mereka. Bagaimana mereka hendak menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka kalau seorang duduk sebagai CEO, dia pengerusi, dia lembaga pengarah. Seorang ada empat, lima jawatan. Seolah-olah macam tidak ada rakyat Malaysia yang boleh memegang jawatan ini. Ada sesetengah itu sampai sudah berkurun. Daripada pegawai tinggi kerajaan, sudah berkhidmat sampai umur 55 tahun, 56 tahun. Duduk di dalam sampai sepuluh tahun. Bolehkah dia berkhidmat Tuan Yang di-Pertua?

Saya sudah umur 60 tahun di Dewan Negara pun sudah tak larat. Akan tetapi ini sampai sepuluh tahun duduk dalam syarikat GLC dan hangatkan kerusi hendak dapat ganjaran. Itu sahaja. Oleh sebab itu syarikat GLC hari ini rugi. Rugi berbilion-bilion ringgit. Pos Malaysia rugi RM500 juta, RM600 juta. Itu duit siapa? Duit rakyat. Akan tetapi kalau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata, "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan". Apa yang mereka capai ini, syarikat GLC? Seolah-olah macam tidak ada orang lagi dalam syarikat GLC ini. Ada CEO yang merugikan syarikat, letak lagi dalam syarikat besar, dalam GLC. Kenapa? Saya bersetuju macam sahabat saya bercakap tadi iaitu Yang Berhormat Senator Mohamad Ezam iaitu, bagaimana dasar pemilihan mereka ini, adakah kerana kawan, adakah kerana sahabat, adakah kerana kroni dan adakah kerana mereka ini kaki bodek? Kita lihat syarikat GLC hari ini, kalau ada pemimpin besar di kawasan itu, macam-macam aktiviti dia buat. Saya di Pulau Pinang ini Tuan Yang di-Pertua, di Kepala Batas dahulu semasa Dato' Seri Abdullah jadi ini, semua GLC Kepala Batas sahaja.

Kawasan sahabat saya Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Saripah Aminah tidak ada apalah di Jelutong itu... *[Ketawa]* Habuk pun tak pi, nyamuk pun tak ada di

situ. Kalau korban di Hari Raya Haji Tuan Yang di-Pertua, berlari-lori mereka hantar lembu untuk korban. Orang Kepala Batas boleh makan sampai setahun daging itu. Kalau korban hari raya ini, Hari Raya Haji tahun hadapan boleh makan lagi. Akan tetapi hari ini kita lihat, Pak Lah kelam-kabut hendak cari. Ini nak mai korban, nak cari lembu di mana, kerbau di mana hendak korban, sebab sudah tidak ada orang hendak bagi untuk dikorbankan.

Jadi inilah masalah syarikat GLC yang ada hari ini. Apa yang dia tahu, jaga pemimpin, bodek pemimpin. Syarikat GLC hendak rugi, lingkup biar pi. Hendak jaga jawatan dia sahaja. Hendak jadi pengerusi, dia sebagai pengerusi, lembaga pengarah dialah lembaga pengarah. Inilah yang jadi pada hari ini. Di mana ada pemimpin besar pilihan raya Bukit Mertajam ini Tuan Yang di-Pertua, lalat pun tak mailah sebab bercakap banyak. Syarikat tengok saya pun tak mahu tetapi tidak mengapa. Ini saya bercakap adalah ikhlas daripada saya, daripada rakyat sendiri apa yang berlaku di dalam syarikat GLC. Jadi saya mintalah supaya syarikat-syarikat GLC ini kalau sudah lembaga pengarah sendiri tidak boleh buat kerja, berhenti sahajalah. Bagi peluang kepada orang lain. Kami Ahli Dewan Negara pun tidak minta bagi kepada kami. Ramai lagi rakyat di Malaysia di luar orang-orang muda. Ini pegawai-pegawai kerajaan muda-muda ini layak duduk. Bagi dekat mereka ini. Ini sudah pencen, duduk lagi sepuluh tahun.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Dato' Musa, minta laluan.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ya, sila.

Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad: Saya hendak tanya, siapakah dia yang dimaksudkan itu? Cuba sebut nama Dato'... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Saya minta kalau boleh, tak usah sebut namalah... *[Ketawa]* Tidak payahlah, cukup.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya Yang Berhormat, bukan tak berani hendak sebut tetapi, saya akur dengan arahan Tuan Yang di-Pertua... *[Ketawa]* Saya menghormati Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ng Fook Heng: *[Bangun]*

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya menghormati Tuan Yang di-Pertua. Ya, sila.

Tuan Ng Fook Heng: Sebut nama GLC itu.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Saya ingat kita tengoklah Pos Malaysia, Sime Darby, banyak lagi. UEM ini pun. UEM dapat projek dalam Malaysia ini berjuta,

berbilion ringgit. Akan tetapi projek di luar negara rugi. Kita tahu, kita tengok dalam penyatannya, dia tak tunjuk pun sebab dia dapat untung daripada kerajaan, daripada Malaysia tetapi, di luar negara dia rugi berbilion-bilion ringgit. Siapa yang tahu? Semua bubuh di bawah karpet, tidak cerita pun. Akan tetapi bila ada ini, baru kita hendak inikan. Jadi, kita berharaplah syarikat-syarikat GLC khasnya Kementerian Kewangan, tolong, tolong tengoklah GLC-GLC ini. Syarikat-syarikat GLC ini sebab ini duit kita. Berbilion ringgit kita sudah rugi. Kita bercakap soal subsidi. Hendak subsidi kepada orang miskin tidak boleh. Oh, negara akan bankrap.

Ini adalah satu penghinaan kepada orang miskin di Malaysia ini, tetapi GLC boleh rugi berbilion-bilion ringgit, itu boleh pula. Subsidi ini, kita tengok banyak mana kita berikan kepada makanan? Kepada orang-orang miskin, kepada rakyat miskin? Akan tetapi kalau kepada IPP (*Independent Power Plant*). Ini satu lagi *day light robbery*, dengan izin. Penyangak kayu api Malaysia Tuan Yang di-Pertua, berbilion-bilion ringgit dia untung. Selepas itu, subsidi gas dapat lagi. Maknanya dua kali keuntungan dia dapat. Inilah sepatutnya kerajaan lihat. Bukannya subsidi yang kecil-kecil. Yang bagi makan kepada orang kampung, yang bagi biasiswa, yang bagi sekolah. Ini bukanlah subsidi yang bagi ini untuk rakyat, tetapi subsidi ini yang menguntungkan orang kaya ini.

■1510

Ini yang kita hendak supaya disiasat serta dikaji semula. IPP ini sudah saya ingat ini tahun yang terakhir saya berada di sinilah. Daripada tahun pertama saya masuk saya cakap pasal IPP, enam tahun sampai sekarang menteri jawab, akan dikaji, sedang dikaji. Itulah jawapan. Sudah enam tahun. *Last-last* bergajilah... [*Ketawa*] Inilah yang ada hari ini, akan dikaji sedang siasat, perjanjian tidak boleh ubah. Yang tidak boleh ubah ini daripada al-Quran sahaja. Perjanjian ini boleh diubah yang dibuat oleh manusia. Tidakkan kalau kerajaan boleh buat yang lain, tidakkan dengan swasta ini dia tidak boleh tegas. Tidak boleh kata 'you sudah buat duit, kurangkan keuntungan you'. Tidak bolehkah, untung sedikit tidak bolehkah? Kalau sudah tahu negara susah, tidakkan orang-orang ini semua tidak boleh tolong rakyat Malaysia, syarikat yang mendapat keuntungan ini.

Kita lihat satu lagi dalam surat khabar hari ini Tuan Yang di-Pertua dalam *Utusan Malaysia*, "*Siapa biaya Malaysian Insider?*" Ini satu lagi pengkhianat kepada negara kita Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat ini, dapat projek beratus juta ringgit, tetapi siapa yang dia sokong? Siapa mereka ini Tuan Yang di-Pertua? Kita nampak ini, kita nampak tetapi tidakkan Kementerian Dalam Negeri kalau Azwanddin Hamzah yang buat kenyataan ini

boleh tahu, tidakkanlah Kementerian Dalam Negeri tidak tahu? Kalau ada orang macam ini dalam negara kita, kalau penjenayah lain kita boleh bekukan harta-harta mereka yang mendapat kemewahan dari negara kita - pengkhianat-pengkhianat negara ini patut dibekukan semua harta mereka supaya mereka insaf apa yang berlaku pada orang lain.

Mereka patut insaf. Ini kekayaan dapat. Lepas itu hendak hancurkan negara dengan kekayaan yang mereka dapat dari negara mereka sendiri. Kalau dapat dari luar negara, dia mai, bawa ke Malaysia dia hendak cakap soal dua negara tidak apa. Ini cakap ini, siapa mereka ini Tuan Yang di-Pertua? Inilah orang-orang yang dekat dengan pemimpin, cium tangan pemimpin, tunggu pemimpin di *airport*. Bukan macam kita tidak sempat hendak pergi pun... [Ketawa] Sebab kita ini orang kerja di bawah. Inilah orang yang akan dapat tetapi, tidak langsung menghargai, bersyukur apa yang berlaku dalam negara dia sendiri Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah kita terima orang macam ini Tuan Yang di-Pertua? Satu lagi Tuan Yang di-Pertua tentang....

Tuan Haji Roslan bin Awang Chik: Minta laluan.

Datuk Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Jiran, kena beri peluang.

Tuan Haji Roslan bin Awang Chik: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pun tertanya-tanya daripada ucapan yang begitu lantanglah kata orang. Datuk Musa, sebenarnya di mana silapnya, pemimpinkah, pemilihankah, ataupun adakah negara kita sekarang ini dilanda dengan krisis apa yang salah pilihkah atau apa? Saya rasa dari merdeka sehingga sekarang kita alhamdulillah tetapi, hanya sedikit-sedikit yang silap itu diungkitkan, di manakah betul-betul silapnya? Kalau mereka dikatakan mengampu, mengampu kepada siapa? Mestilah kepada orang yang memberi. Jadi nombor dua, mereka yang dikatakan kroni, kroninya kepada siapa? Penentunya orang yang membuat penentuan itu adalah pemimpin-pemimpin asal. Jadi, dari segi ucapan tadi, di manakah sebenarnya silapnya? Pandangan Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan ini, soalan bagi hangatkan lagi ini. Silap siapa? Silap orang yang mendengar. Siapa yang buat keputusan, siapa yang ada kuasa? Sepatutnya dia tidak boleh mendengar penasihat-penasihat satu atau dua orang. Dia perlu ambil daripada penasihat dan pandangan daripada orang-orang lain juga. Kalau kita duduk dengar satu dua orang penasihat kita, orang selalu berdamping kita, mesti orang ini baik-baik belaka. Kalau kita rasa, itulah sebabnya orang-orang inilah yang kadang-kadang yang akan menghancurkan kita.

Sebab itu bagi saya Tuan Yang di-Pertua, saya berharaplah supaya projek-projek kerajaan yang besar-besar ini - saya hendak pergi ke topik lain. Macam di Pulau Pinang ada GAMUDA. GAMUDA ini berbilion ringgit dia dapat. Masa dia hendak buat keputusan untuk mengambil tanah di kampung ini, dia panggil orang politik. Kita pun panggil berdialog dengan mereka semua. Kenapa? Hendak minta kerjasama hendak usirkan orang kampung ini supaya pindah sebelah situ. Beri pampasan, beri semua, itulah kerja kita. Akan tetapi selepas itu, dapat projek ini satu sen pun tidak dapat orang tempatan dari segi projek hendak kata kontraktor kelas 'A' kah kelas 'F' kah, apa kelas pun tidak langsung dapat. Saya setuju macam sahabat tadi iaitu Yang Berhormat Senator Datuk Akbar yang bercakap semalam iaitu yang atas itu makan daging, selepas itu makan tulang, yang bawah itu kuah saya hendak kata bawah sekali itu hendak jilat kuah pun tidak boleh sudah... *[Ketawa]* Hendak jilat kuah pun tidak boleh yang bawah itu. Inilah yang berlaku dalam kontrak-kontrak kita tadi.

Kita dengar Menteri Kerja Raya, Menteri kata apa, 30% akan diberikan kepada kontraktor kelas 'F' kalau ada projek-projek. Cakap sahaja. Bawa saya pergi buktikan di Bukit Mertajam ini, satu sen pun orang Bukit Mertajam tidak dapat. Itu Menteri cakap, dengarlah jawapan dia ini, esok lusa atau minggu hadapan. Itulah jawapan dia, oh 30% kita beri kata Menteri Kerja Raya termasuklah Menteri Kewangan sekali. Menteri Kewangan tidak ada yang pertama, yang kedua tidak pernah hadir pun dalam Dewan, sibuk yang kedua itu. Yang datang saya kesian, Timbalan Menteri ada juga. Akan tetapi inilah masalah dia Tuan Yang di-Pertua. Saya beritahu, kontrak ini janji - okey kalau dapat yang bilion ringgit apa salahnya kontraktor kelas 'F' ini kerajaan beri, dia bantu kerajaan. Mana yang dapat banyak itu, beri kepada orang bawah ini, maknanya semua orang boleh rasa. Ini baru kata saksama. Semua pakat rasa seorang sikit. Ini kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua macam saya cakap tadilah Yang Berhormat bawah itu kuah pun tidak dapat, hendak jilat kuah pun sudah tidak boleh. Itulah masalah dia hari ini.

Selepas itu yang dapat ini tidak reti bersyukur. Rakyat akan marah kepada kerajaan. Perdana Menteri akan kata 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan', pencapaian di utama apa, apa yang utama? Pencapaian apa yang kita dapat pada hari ini. Rakyat didahulukan. Betullah, tidakkanlah rakyat yang empat lima orang ini didahulukan. Rakyat yang lain bagaimana?

Oleh sebab itu kita perlu lihat Tuan Yang di-Pertua dalam Dewan ini. Menteri dan timbalan menteri perlu tengok. Apabila kita bercakap dalam Dewan ini kita bercakap

daripada hati serta daripada suara rakyat. Kita duduk sini dua tiga minggu. Tinggal isteri kadang-kadang pegang-pegang bantal rasa macam tangan isteri... *[Ketawa]* Akan tetapi kita kenapa tetapi, duduk di kampung kita buat kerja siang malam orang datang jumpa kita. Inilah suara rakyat yang kita buat. Dengarlah, tolonglah ambil tindakan. Kalau tidak boleh buat kerja sangat, jumpa Perdana Menteri macam kita juga berhentilah bagi orang lain pula, sudah tidak larat hendak buat kerja. Jadi saya percaya Tuan Yang di-Pertua inilah perkara-perkara yang patut diambil tindakan.

Satu lagi tentang belia. Kita tahu peranan belia ini begitu penting sekali. Saya dengar tadi ucapan jawapan daripada Timbalan Menteri Belia dan Sukan tadi iaitu RM10 juta yang diagihkan kepada persatuan-persatuan belia. Saya bukan hendak cakap soal agihan banyak mana. Ada sedikit, bagilah sedikit. Namun, yang masalah hari ini ada RM10 juta hendak buat aktiviti, kata hendak buat futsal serta buat sukan perlu pakai konsultan. Ambil konsultan dari Kuala Lumpur pergi ke kampung di Bukit Mertajam itu, apa konsultan itu tahu pasal Bukit Mertajam? Apa dia tahu? Kenapa wang itu tidak disalurkan terus kepada persatuan-persatuan belia.

Beri terus kepada persatuan belia, persatuan itu buatlah aktiviti di kampung itu. Lepas itu, orang ini kita marah kata gejala sosial berlaku, dadah berlaku. Budak-budak kampung, belia-belia kampung hendak buat kerja apa. Naik motor, bapa kerja menoreh getah dapat RM3 atau RM4 pergi duduk kedai mamak nasi kandar makan dekat situ lah duduk bawah pokok, kena teh tarik. Lain benar dari orang-orang kaya. Ada anak orang kaya, ada anak. Jadi saya berharaplah supaya Menteri Belia dan Sukan, Timbalan Menteri turun bawah lihat apa yang berlaku.

Persatuan-persatuan belia perlukan bantuan, persatuan belia perlukan aktiviti. Kita kata hendak buat aktiviti, tidak ada duit hendak buat macam mana? Yang sakit kepala ini pemimpin di kawasan itu. Belia dia perlu jaga, parti politik dia perlu jaga, NGO dia perlu jaga. Elaun tidak berupa duit pun, selepas itu elaun Dewan Negara kena naik Tuan Yang di-Pertua... *[Tepuk]* Tidak cukup, ini zaman bila punya elaun ini... *[Ketawa]* Kenaikan perlu ada, tidak boleh sudah. Kerja bertambah, dengar Ahli Dewan Negara Yang Berhormat, ahli Parlimen dapat RM500,000-RM1 juta, berjuta dapat. Dia anggap kita ahli Dewan Negara dapat duit banyak itukah. Dia tidak tahu kita tiga tahun tidak sampai RM200 ribu pun. Kadang-kadang setahun sudah habis Tuan Yang di-Pertua. Sekolah panggil, NGO panggil. Yang sekolah pun Kementerian Pelajaran ini duit mana... Oh ada, sila.

■1520

Tuan Ng Fook Heng: Minta laluan. Saya setuju dengan apa yang Yang Berhormat cerita tadi berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Memang ia buat program di kampung, ia bawa konsultan dari Kuala Lumpur. Ini pengalaman saya sendirilah. Saya masuk juga dalam mesyuarat, Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, minta penjelasan.

Tuan Ng Fook Heng: Jadi, saya hendak tanya ialah kenapa ini boleh terjadi? Terima kasih.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Tidak apa tetapi saya hendak jadi menteri pun sudah tidak boleh sebab saya sudah dua penggal. Kalau saya jadi menteri, saya jawab soalan ini. *[Ketawa]* Saya minta menteri atau timbalan menteri jawablah. Terima kasih Yang Berhormat.

Jadi inilah yang saya berharap, apa sahaja luahan atau suara daripada Ahli-ahli Dewan Negara ini, kami ikhlas bercakap dalam Dewan ini, ambillah tindakan. Bukan kita datang ini hendak berlawak jenaka. Kadang-kadang sakit hati, Tuan Yang di-Pertua, ada orang kata kepada kawan sayalah, dia kata, "Alah, Ahli Dewan Negara itu macam anjing menyalak bukit, bukit tidak runtuh, anjing itu mati." *[Ketawa]* Adakah dia kata macam itu, Tuan Yang di-Pertua. Bermakna Ahli Dewan Negara, selepas 6 tahun habis senyap, matilah.

Jadi, inilah yang bercakap ini, syarikat-syarikat GLC yang tidak puas hati dengan apa teguran yang kita buat. Kita tegur cara ikhlas, Tuan Yang di-Pertua. Kita bukan hendak jawatan itu. Berilah kepada sesiapa sahaja pun dan kita lihat pada hari ini kalau ada macam ini, Tuan Yang di-Pertua, projek diberi beratus juta ringgit tetapi tidak tahu menghormati negara sendiri, apakah jenis rakyat ini, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana beri peluang kepada saya dan inilah mungkin ucapan saya yang terakhir dan saya sudah tidak mahu cakap, sudah cukup ucapan-ucapan saya yang terakhir dan saya minta supaya apa-apa perkara, walau apa sahaja kita lakukan di Dewan Negara kita ini, kita sebagai satu keluarga. Saya ucap terima kasih kepada rakan-rakan kita, walaupun mereka di sebelah sana tetapi kita tidak ada masalah dengan mereka. Kita boleh bekerjasama dengan mereka.

Tuan Ng Fook Heng: Yang Berhormat, apa yang terakhir itu? Boleh tolong jelaskan "yang terakhir" itu apa?

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Ini ucapan saya yang terakhir. Penggal yang bulan 12 ini saya tidak sempat hendak datang. Bermakna inilah ucapan saya yang terakhir.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa Ahli-ahli Yang Berhormat semua faham apa yang dia maksudkan itu kerana kita punya *term* itu ada tempoh-tempohnya. Walau bagaimanapun, saya hendak respons kepada pandangan Yang Berhormat dari awal tadi, menyebut berkenaan apa yang berlaku semalam. Sebenarnya kita tidak mempunyai tujuan kepada siapa-siapa, tetapi kita hendakkan Dewan yang mulia ini diberi satu *recognition* atau satu fahaman yang serius dan supaya semua pihak kerana kita ada dua Dewan, Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Dewan kita sama sahaja pentingnya sebagaimana Dewan Rakyat.

Oleh yang demikian, teguran itu bukan kepada mana-mana kementerian spesifik, hanya umum kerana semalam kalau Ahli-ahli Yang Berhormat lihat dan sedia maklum, blok sebelah sana itu kosong semuanya, seorang pun tidak ada. Apabila saya tanya wakil kementerian di mana, bila saya kata boleh bangun, seorang pun tidak bangun. Saya tahu sekarang ini kedudukan pegawai-pegawai, kita ada *modern technology* hari ini, mereka duduk di pejabat masing-masing, dia mendengar. Dia mengikuti perkembangan apa yang berlaku di Dewan ini, tetapi sebaik-baiknya kalau boleh hadirilah setidak-tidaknya seorang dan juga wakil-wakil kementerian itu duduk di sini kerana setidak-tidaknya tidak lenganglah Dewan ini. Itu maksud kita.

Kita bukan bertujuan kepada sesiapa. Kita sedia maklum jentera kerajaan, faham dan kita hormati. Teguran itu teguran umum untuk sama-sama kita hendak memperkasakan Dewan yang mulia ini, *insya-Allah*. Terima kasih Yang Berhormat. Saya mengambil kesempatan ini juga kepada Yang Berhormat kerana kawan lama saya. Soalnya hari ini, sampai masanya kita berkhidmat, kita akan terus berjuang juga dalam konteks berlainan. Segala penghormatan dan perkhidmatan Yang Berhormat dalam Dewan ini sangat-sangat kita hargai dan akan menjadi rakaman kepada Yang Berhormat Dato' Musa dan kita sedia maklum, *insya-Allah*, sebagai Tuan Yang di-Pertua, saya akan cuba membuat sesuatu kerana saya dapati Dewan yang mulia ini bila seorang bersara, wajar agaknya kita beri penghormatan kepada mereka juga, *insya-Allah*.

Seterusnya kerana masa tidak sampai 30 minit, dapatlah saya bercakap sedikit untuk kebaikan kita bersama. Seterusnya kerana masa mencemburui kita, kita teruskan perbahasan kita hari ini dan saya mempersilakan Yang Berhormat Haji Zamri bin Yusuf kerana saya terpaksa *balance*. Saya harap Yang Berhormat semua faham dan kita di Dewan yang mulia ini tidak ada beza, semuanya sama sahaja kedudukannya dan saya harapkan kita sama-sama bertanggungjawab, *insya-Allah*. Silakan.

3.25 ptg.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: *Bismillahir rahmaanir raahim*. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan juga kepada saya untuk sama-sama pada kali ini turut terlibat membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan membawa negara kita, Malaysia, dari tahun 2011 sehinggalah ke 2015. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, dalam kita melihat kepada perancangan yang disediakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, kita melihat usaha murni untuk memacu Malaysia menjadi sebuah negara maju menjelang 2020 dengan ciri utama sebagai negara berpendapatan tinggi.

Dengan itu kita melihat, kita berganjak daripada apa yang telah ada iaitu dengan pendapatan per kapita 2005 pada RM19,079, kemudian kita berada pada hari ini tahun 2010 dengan pendapatan per kapita RM26,420 dengan jangkaan di akhir Rancangan Malaysia Kesepuluh, harapan ialah untuk mencapai RM38,845 dengan kadar pengangguran hanyalah 3.1% pada 2015. Jadi, daripada ungkapan yang ini, saya melihat persediaan kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh meletakkan asas di mana kadar kemiskinan kita pada 33.8% pada 2009 dan diharapkan menjelang 2015, ianya sangatlah minimum.

Saya meletakkan asas ini juga kerana ianya juga meletakkan sasaran iaitu pada menjelang tahun 2015 juga, di akhir Rancangan Malaysia Kesepuluh, pendapatan kelompok 40 terendah diharapkan mencapai tidak kurang RM2,300 pendapatan purata isi rumah. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, melihat kepada perkara ini, saya ingin mengambil bahagian dalam beberapa aspek yang tidak banyak disentuh oleh kawan-kawan yang lain, khususnya. Saya sudah buang yang mana yang bertindih itu.

Jadi saya ingin mengingatkan apabila kita merancang untuk ke hadapan, kita melihat apa yang telah berlaku sebelum ini. Jadi antara yang paling awal ingin saya buat teguran ialah peringatan tentang pencegahan dan pembasmian rasuah di Malaysia ini kerana kita hendak harapkan supaya setiap sen yang ditulis, bukan sahaja buku yang

nipis ini, tetapi buku yang lebih tebal ini, kita harapkan setiap sen yang dibelanjakan dalam RMKe-10 ini adalah satu usaha keras yang harus diberi tumpuan untuk memastikan kadar rasuah yang berlaku sebelum ini dihapuskan sehingga sifar dan kita harap kehilangan yang berlaku tahun-tahun sebelum ini yang banyak anggaran diberikan oleh pelbagai pihak, yang paling rendah memberikan penilaian adalah kehilangan sekitar RM10 bilion setahun dan yang besar yang dianggarkan sehingga RM28 bilion setahun.

Jadi kita harapkan melalui RMKe-10, lima tahun ini, walaupun mengambil anggaran yang paling rendah, RM10 bilion, ianya adalah RM50 bilion, kita tidak mahu ianya berlaku lagi pada kali ini. Sebab itulah kita harapkan pada pendekatan kali ini, dengan kita memperkasakan juga MACC, kita mampu menghalang ketirisan yang cukup besar pada kali ini.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita harapkan juga kerana dalam satu, dua hari terakhir ini, bila berlaku kenaikan harga barang dan sebagainya, ramai yang mula merungut kerana bukan sahaja yang naik itu diesel atau petrol 5 sen, gula 25 sen tetapi yang akan turut naik adalah beberapa barangan yang lain. Jelas melalui kajian oleh Kementerian PDNKK ini menunjukkan memang kenaikan harga 100 barang pilihan dalam bulan 1 hingga bulan 5 tahun ini, memang telah pun naik sehingga yang tertingginya 10% kenaikan. Itu sebelum kenaikan harga minyak dan gula. Jadi mungkin ada kesan tambahan, kita akan lihat.

Akan tetapi jumlah yang kita jimatkan daripada aspek rasuah adalah jauh lebih besar daripada jumlah yang kita boleh berjimat dengan kos penjimatan melalui subsidi ini. Bererti kita hendak ingatkan supaya kali ini betul-betul kita berhati-hati dan dalam persiapan kita hendak ke RMKe-10 ini, kita telah ditunjukkan bagaimana pihak kerajaan telah pun merangka satu projek mega yang cukup besar melibatkan sistem pengangkutan iaitu MRT di Lembah Klang ini yang dianggarkan berbelanja sehingga RM43 bilion. Besar, Tuan Yang di-Pertua, berbanding dengan peruntukan RMKe-10 ini yang bernilai hanya sekitar RM230 bilion untuk peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan.

■1530

Jadi kita cuma hendak tanya pihak Jabatan Perdana Menteri, dalam perancangan MRT yang melibatkan RM43 bilion ini. Kenapa perancangan dan juga perencanaan kajian dibuat oleh syarikat yang kita tahu, syarikat ini adalah syarikat yang cukup berminat untuk melaksanakan projek ini? Jadi kalau dilaksanakan kajian biasanya

dibuat oleh pihak kerajaan, pihak EPU ataupun pihak konsultan yang lain. Akan tetapi dalam kes yang ini, kajian dilakukan oleh pihak yang kita yakin cukup berminat untuk melakukan projek MRT, yang bernilai hampir RM43 bilion pada peringkat awal dan mungkin boleh mencecah lebih tinggi.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam kita cuba membanteras rasuah sehingga ke sifar, saya ingin merujuk juga kepada laporan MACC tahun 2009 yang dibentangkan di Dewan Negara pada kali ini. Kita dapat lihat bagaimana MACC bergerak bagi tahun 2009 dalam keadaan yang boleh dikategorikan sebagai *handicap*, dengan izin. Ini kerana ada beberapa perkara dalam perancangan yang sepatutnya bergerak lebih lancar tetapi agak tergendala. Khususnya kerana bajet yang mereka minta, bajet yang perlu disediakan, bajet yang kita ambil pengajaran daripada apa yang ada di ICAC di Hong Kong itu tidak diluluskan sepenuhnya ataupun sebaiknya.

Saya tidak mengharapkan keseluruhan bajet itu diluluskan, tetapi yang kita lihat perkara-perkara asas untuk kepentingan dan *efficiency* penyelidikan ataupun siasatan. Di antaranya Tuan Yang di-Pertua - saya ingin merujuk kepada bagaimana apabila bajet ini dipotong, kursus asas kepada seorang ahli pegawai baru MACC telah dipendekkan daripada tiga bulan kepada satu bulan. Kita harapkan orang yang berkursus dengan satu bulan ini boleh menjalankan tugas dengan baik.

Di samping kursus satu bulan, pengambilan kakitangan yang dijadualkan sepatutnya semasa pelancaran itu dengan jumlah 1,000 orang kakitangan setahun. Akan tetapi akhirnya, laporan yang dikeluarkan untuk 2009 ini menunjukkan bagaimana pada tahun 2009 hanya pertambahan kakitangan sebanyak 33 orang. Berapa *percent* itu? Kita kira sendirilah daripada 1,000 orang.

Kemudian perkara-perkara yang asas dalam kajian zaman kini - zaman elektronik yang canggih ini seperti asas komputer riba, GPS dan sebagainya sebagai aset teknikal juga tidak disediakan secukupnya untuk membekalkan kemudahan bagi tujuan siasatan yang cukup canggih zaman ini. Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, urusan siasatan kepada kes-kes berkenaan dengan rasuah ini begitu *delicate* dan *complicated* dengan izin. Ia melibatkan di antara dua pihak yang saling kenal-mengenali, yang kita tahu di belakangnya ada perjanjian sulit. Akan tetapi jika tanpa latihan yang lengkap, tanpa alat-alat yang sesuai, bermakna mereka akan bergerak dengan - yang saya namakan sebagai *handicap* itu tadi, dengan izin.

Saya ingin merujuk sekali lagi kepada statistik yang dibentangkan, bagaimana tahun 2009 ada 12,307 aduan yang diberikan ataupun diterima oleh pihak MACC, yang

mana 5,936 aduan mempunyai asas rasuah berdasarkan bidang kuasa MACC. Daripada jumlah tersebut, kita dapati ada 939 aduan menepati kriteria untuk diteruskan dengan kertas siasatan. 939 kertas siasatan - tetapi saya ingin maklumkan hasil kita melihat kepada laporan ini, yang sampai ke mahkamah, yang disebut oleh Yang Berhormat kita tadi - jerung, ikan besar, ikan kecil itu. 939 kertas siasatan selesai dibuka dengan baik, yang sampai ke mahkamah 174 kes sahaja.

Itu yang saya katakan kalau kita hendak menangani rasuah, kita kena menangani betul-betul - berikan sepenuh dukungan, sokongan. Kita mesti berikan *effort* dari atas ke bawah - bermula daripada Perdana Menteri, Menteri, Timbalan Menteri dan sepenuhnya harus memberikan kerjasama untuk kita sama-sama, kerana kita sayang. Kalau RMK-9 telah pun berlaku - telah pun hilang sebahagian wang yang patutnya ada depan mata kita, RMKe-10 dalam kandungan kita lagi. Kita 'dok' kendong duit yang ada ini. Tidak mungkin kita hendak biarkan RM50 bilion bocor sekali lagi dalam masa lima tahun akan datang ini?

Saya ingat kita akan dengar pandangan beberapa Yang Berhormat yang lain. Apakah kita boleh bersetuju untuk kita bawa, supaya kali ini kita minta pihak MACC lebih bertegas dalam tindakan? Tidak mengira yang besar, yang kecil, yang tua, yang muda, yang tinggi, yang rendah, asalkan ia ada kes fakta yang jelas seperti 939 kertas siasatan tadi. Bawa ke muka pengadilan untuk kita lihat. Walaupun kita tahu dalam kes ini mereka terpaksa akur, kerana setiap kes mestilah dengan keizinan Peguam Negara baru boleh sampai ke meja mahkamah. Sebab itu dalam cadangan ini diharapkan supaya MACC diberikan kuasa pendakwaan pada kali ini, di bawah pengawasan lima buah jawatankuasa yang ditubuhkan sempena dengan MACC sebelum ini.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Minta laluan Yang Berhormat.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Silakan.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed: Kalau tidak salah saya, Yang Berhormat adalah seorang daripada Ahli Lembaga MACC. Mengapakah perkara ini tidak dibangkitkan dalam Lembaga MACC itu supaya interaksi itu lebih dekat dengan keseluruhan Ahli Lembaga MACC? Terima kasih.

Ir. Haji Zamri bin Haji Yusuf: Okey, terima kasih dengan pertanyaan tadi. Mengenai itu, antara kekeliruan yang berlaku bukan di sini - di seluruh Malaysia. Apabila tengok nama, ada gambar saya di situ ramai kata, adakah Yang Berhormat duduk dalam SPRM? Saya bukan di kalangan Ahli Lembaga MACC dan sebagainya.

Kita adalah jawatankuasa khas mengenai rasuah di peringkat Parlimen. MACC adalah salah satu daripada agensi yang kita awasi untuk pastikan rasuah itu kita boleh hapuskan. Jadi tugas utama, nombor satu ialah menasihati Perdana Menteri. Sebab itu jawatankuasanya telah bertemu Perdana Menteri, kita sampaikan perkara yang berlaku - mesej kita. Kita nampak komitmen beliau untuk ke hadapan. Kita nampak komitmen untuk meneruskan RMKe-10. Pada saya, saya nampak ada kesungguhan. Cuma kita akan tengok, apabila *start* RMKe-10 ini benar-benar berlaku atau tidak. Kita harapkan Yang Berhormat Timbalan Menteri mestilah menyokong dengan kuat usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tinggalkan isu rasuah itu. Kita bergerak kepada satu lagi kementerian - Kementerian Pelancongan dalam RMKe-10 juga penting dalam kita menggalakkan industri pelancongan negara. Yang mana sasarannya ialah untuk kita menarik pelancong lebih ramai datang ke Malaysia, tinggal lebih lama di Malaysia dan berbelanja lebih besar di Malaysia. Kita nampak dalam aspek ini, sekiranya pihak Kementerian Pelancongan ingin meningkatkan usaha ini, promosi mestilah dilakukan dengan baik dan berkesan dan kena dengan tempat dan masanya.

Saya menegur perkara ini kerana ini merupakan aspek yang penting dan menjana pendapatan kepada negara. Sangat tersentuh kepada saya ialah apabila pada akhir bulan Jun baru-baru ini, saya berkesempatan untuk melawat *Shanghai World Expo 2010* - yang Malaysia berbelanja begitu besar untuk terlibat dalam *Shanghai World Expo 2010*. Akan tetapi kita lihat tidak diambil peluang, kesempatan sepenuhnya untuk menarik pelancong dari China untuk datang ke Malaysia. Kunjungan ke *Shanghai World Expo 2010* itu satu hari, penduduk tempatan sahaja lebih daripada setengah juta orang - ditambah lagi dengan pengunjung luar negara.

Akan tetapi apabila kita melihat kepada *Pavilion* Malaysia yang berkonsepkan Minangkabau itu - di luarnya cantik, canggih tetapi di dalamnya kita rasa sayang dengan perbelanjaan yang kita berikan. Kita tidak menumpukan perhatian untuk menarik pelancong ke Malaysia. Jadi dalam isu ini saya ingin tanya kepada pihak Kementerian Pelancongan, berapakah belanja yang telah digunakan oleh delegasi Malaysia ke *Shanghai World Expo 2010* ini? Serta ia melibatkan berapa ramai pegawai dan petugas?

Kalau boleh diperjelaskan apa yang dipamerkan, kerana yang saya lihat pameran tidak menarik untuk orang datang ke Malaysia. Bangunannya besar, canggih, menarik tetapi di dalamnya sangat sedih berbanding dengan *pavilion* negara-negara lain, yang mengambil kesempatan sepenuhnya. Kalau kita pergi ke *Pavilion* Iran, kita harus beratur hampir satu jam sebelum boleh masuk. Kita pergi ke *Pavilion* Arab Saudi, lebih daripada tiga jam sebelum kita boleh masuk ke dalam *pavilion*. Kalau kita pergi ke *Pavilion* Brunei, memang sekitar setengah jam begitu.

Akan tetapi ke *Pavilion* Malaysia kita boleh berjalan terus dan masuk, kerana ramai yang datang cuma cop pasport dan keluar. Mereka tidak melihat apa yang ada kerana tidak menarik, dan tidak ada pegawai yang memberikan contoh cop kain dan sebagainya di dalam itu. Walaupun ada pameran tentang kain batik, tidak ada yang melukis. Berbanding dengan negara-negara lain, ada yang melukis dan menjual di situ, membuat duit beribu-ribu ringgit melalui hasil jualan dalam kawasan *pavilion* itu.

■ 1540

Juga kita hendak tanya kepada pihak Kementerian Pelancongan juga tentang siapa sebenarnya ataupun bagaimana urusan yang kita berikan kepada pengendali kafe Malaysia di ekspo itu kerana kami difahamkan apabila kita semak, setelah kita berjalan empat hingga lima jam dalam kawasan itu, kita ingin rasa makanan Malaysia yang menghidangkan Papa Nasi Lemak, *Curry Laksa Noodle*, *Chicken Bak Kut*, rupanya dikhabarkan bahawa makanan itu non halal, makanan yang disediakan di kawasan itu. Jadi kita minta penjelasan daripada pihak Kementerian Pelancongan kerana ini merupakan satu kehilangan yang besar kerana kita gagal untuk mengambil kesempatan daripada *world expo* yang begitu besar yang berlaku di Shanghai ini.

Jadi saya ingin teruskan Tuan Yang di-Pertua kepada tentang melibatkan sistem pengangkutan dan juga jalan raya di Malaysia ini. Tadi saya sudah sentuh tentang MRT ini, saya harap Jabatan Perdana Menteri boleh menjawab. Seterusnya ialah tentang keselamatan di Lebuhraya Utara – Selatan ini dan kita dapat lihat bagaimana pihak berkuasa telah pun mula mengambil tindakan, teguran kita sebelum ini yang melibatkan kenderaan pelancong luar yang lebih laju daripada kenderaan tempatan.

Cuma kita hendak tanya sedikit tentang daripada Kementerian Pengangkutan ataupun Kementerian Kerja Raya tentang bagaimana bila kita sudah buat satu *design* yang cukup cantik, pembinaan yang mengambil masa cukup panjang di Lebuhraya Utara – Selatan daripada Jelapang ke Simpang Pulai itu. Setelah siap, setelah merana hampir empat ke lima tahun pengguna-pengguna di situ, akhirnya bila dibuka lebuhraya

itu, diletakkan had lajunya 90 kilometer sejam, Lebuhraya Utara – Selatan di kawasan *free way*, kawasan yang lorongnya besar tetapi had lajunya 90 kilometer sejam.

Apakah dari aspek keselamatan, aspek *design* dan sebagainya yang menyebabkan pihak kementerian meletakkan had tanda 90 kilometer sejam kalau bukan kerana untuk hendak saman kenderaan yang lalu di sana. Kita juga harapkan di bawah RMKe-10 ini juga saya melihat ada diperuntukkan di sana akan dibina jalan raya sekitar 6,300 kilometer bagi seluruh Semenanjung dan 5,300 kilometer bagi Sabah dan Sarawak. Sekali lagi kita hendak ingatkan, perbelanjaan projek-projek ini tidaklah menelan belanja yang begitu besar sekiranya dilaksanakan dengan baik, dilaksanakan dengan cara yang telus, *transparent* dan sebaiknya biarlah dalam keadaan secara tender terbuka oleh pihak kementerian.

Satu lagi aspek Tuan Yang di-Pertua yang ingin saya sentuh dalam RMKe-10 ini ialah tentang pembangunan belia yang bakal menjadi harapan masa depan negara. Saya melihat daripada statistik yang ditunjukkan dalam RMKe-10 ini, menunjukkan bagaimana generasi belia ini adalah generasi yang berumur 15 hingga 35 tahun, sekarang ini berjumlah sekitar 10 juta pada tahun 2010 ini dan akan menjadi pada akhir 2015 sekitar 11 juta daripada keseluruhan penduduk 29.8 juta.

Jadi kita ingin tanya kepada pihak kerajaan, bila kita lihat gejala sosial yang menjadi masalah pada akhir-akhir ini. Kita lihat ramai orang bincang tentang masalah gejala sosial remaja, kita lihat bagaimana ramai ingin beri pandangan tentang aspek keburukan remaja itu tetapi tidak ramai yang membantu memberikan pandangan bagaimana cara penyelesaian daripada akar umbinya. Jadi bila saya tanya, saya cuba dapatkan pandangan daripada beberapa pihak melihatkan pengamatan mereka daripada pihak yang lebih lama melihat perkembangan remaja di Malaysia ini.

Ramai yang menyebut, yang ingin kita berikan pandangan di sini ialah mereka menyatakan gejala ini berlaku apabila remaja-remaja ini keluar sekolah menengah pada usia 17 tahun ini atau 18 tahun dalam keadaan tidak ada pekerjaan untuk mereka lagi pada saat ini. Mereka keluar pada umur 17 atau 18 tahun tidak ada peluang pekerjaan dan bagi mereka yang tidak cemerlang ini tidak juga ada peluang yang lain untuk mereka meneruskan pengajian mereka. Jadi sebab itu kita melihat pengalaman sistem pendidikan sebelum ini yang kita buat tapisan ketika LCE kalau zaman Tan Sri Jins Shamsudin dulu. Kemudian kepada zaman SRP pada zaman saya, kemudian sekarang zaman PMR. Kita lihat kita tidak tapis lagi generasi ini.

Kalau kita tapis dengan baik, kita lihat zaman dahulu, zaman satu ketika dahulu. Ketika umur 15, kita kenal pasti penjurusan yang boleh kita bawa remaja ini. Maka kita boleh beri peluang bagi yang cemerlang dari segi akademik tiga jurusan. Mereka boleh kita juruskan kepada bidang sains sepenuhnya, kita boleh juruskan mereka kepada bidang kesusasteraan sepenuhnya dan juga kita boleh juruskan mereka kepada bidang teknikal sepenuhnya melalui sekolah menengah teknik dan sebagainya. Bagi yang kurang cemerlang dalam sistem pendidikan ini, kita boleh juruskan mereka kepada sistem kemahiran, kesenian tangan dan juga kemahiran pertukangan yang ada satu ketika dulu di sekolah vokasional dan sebagainya.

Pada usia 15 dan 16 ini, mereka tidak banyak pilihan, mereka akan lebih setia dengan penjurusan yang diberikan oleh pihak yang lebih senior dan *insya-Allah* mereka akan tersedia ketika usia 17 dengan sedikit kemahiran yang membolehkan mereka bekerja. Jadi saya mengharapkan pihak Kementerian Pendidikan boleh mengambil langkah *back to the future* dengan izin iaitu kita kembali kepada satu ketika yang lebih baik. Apatah lagi ketika kita sedang membincangkan tentang sama ada kita hendak kekalkan ataupun tidak sistem peperiksaan UPSR dan PMR ini.

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada pembangunan luar bandar, satu lagi aspek yang dekat di hati kerana memang inilah aspek yang terlibat secara langsung bagi saya yang datang daripada pihak luar bandar ini kerana di sinilah yang penting untuk kita bangunkan semula peruntukan yang diberikan. Kementerian ini juga telah menjangkau usia lima dekad untuk kita bangunkan dengan beberapa sasaran khusus untuk pembasmian kemiskinan, meningkatkan kualiti dan asas pendidikan, penjagaan kesihatan, bekalan elektrik dan air serta kemudahan asas kehidupan yang lain.

Saya sebut semua ini kerana melihat kepada lima dekad perjalanan Kementerian Luar Bandar dan situasi yang ada pada hari ini, kita rasa kita kena ada sedikit rombakan, melakukan sedikit kesungguhan, komitmen yang lebih kuat untuk kita bangunkan kawasan luar bandar ini. Peruntukan tidak besar secara umumnya tetapi jika sampai dengan tepat kepada sasaran, ia tidaklah tersasar kepada pihak yang lain. Saya sebutkan ini kerana yang merisaukan kita adalah sistem penyampaian yang dilakukan melalui agensi-agensi wilayah yang terlibat di bawah Kementerian Luar

Bandar. Khususnya kami di utara dengan KEDA, MADA, KESEDAR, KETENGAH dan lain-lain.

Sebagai contohnya saya sebutkan di sini ialah bila berlaku perubahan pengerusi KEDA pada awal tahun 2010 ini. Maka beliau menyiasat balik keadaan yang berlaku. Dengan terang-terangan beliau menyebut sebelum ini banyak berlaku penyelewengan dalam pembahagian rumah iaitu dalam Projek PBR - Projek Bantuan Rumah ini, sebahagiannya telah diberikan kepada mereka yang berkemampuan dan menerima rumah ini. Jadi kali ini kita harapkan pihak Kementerian Luar Bandar ini lebih sensitif dan peka melihat keadaan ini dan meninjau dengan keadaan yang lebih baik. Apa sebenarnya yang berlaku dan apakah benar-benar sampai peruntukan yang kita keluarkan ini untuk sampai kepada pihak yang sepatutnya menerima?

Saya juga boleh menyebut di sini apabila ada kesempatan pergi ke Sibul pada awal tahun lepas, pada pilihan raya kecil Sibul Tuan Yang di-Pertua. Beliau berkesempatan melawat salah satu daripada rumah panjang yang ada di Rumah Panjang Tuai Rumah Nari anak Lubang iaitu Jalan Oya, Sibul. Saya melihat rumah panjang hanya ada 32 pintu dan hanya sekitarnya 1.5 kilometer daripada jalan besar. Saya melihat apabila saya berbincang dengan tuai rumah ataupun ketua rumah panjanglah. Saya melihat permohonan yang telah mereka buat pada tahun 28 Februari 2005 untuk minta jalan untuk diperbaiki dan sebaiknya diturap juga tidak dilakukan, itu tahun 2005.

Selain itu, yang menyedihkan ialah bagaimana pada 13 Mei 2005, mereka telah keluarkan surat untuk minta 32 tangki najis untuk mereka sediakan sistem tandas yang lebih baik untuk kesihatan juga tidak diberi sampai ketika yang kita melawat pada tahun 2010. Jadi ini sebagai salah satu contoh yang ingin saya sebut. Saya ada beberapa perkara lagi yang kita dapat contoh secara jelas. Contohnya mereka minta supaya disediakan, dipindahkan meter air daripada tepi jalan kepada rumah, pada tahun sebelum itu juga tidak disediakan dan diberikan perhatian.

■1550

Mungkin kita minta pada kali ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah membuat satu siasatan yang lebih baik supaya perkara-perkara ini tidak berulang bukan sahaja di Sibul, Sarawak tetapi juga di tempat-tempat lain kerana ianya adalah satu sistem penyampaian yang benar-benar untuk memberikan kemudahan kepada rakyat jelata, rakyat yang lebih ramai. Bukan di kalangan 40% terendah tetapi

mungkin kumpulan ini, kalau kita pecahkan 40%, mungkin di kalangan 10% yang paling rendah Tuan Yang di-Pertua.

Sebagai rumusannya, saya melihat setelah berbincang dan setelah hampir di hujung penggal pertama ini, hampir tiga tahun dan melihat pengalaman rakan-rakan Ahli Dewan Negara yang sudah hampir enam tahun macam Dato' Musa itu. Saya ingin mencadangkan kepada Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan supaya apa yang kita sebutkan itu semak balik, lihat balik supaya Ahli Dewan Negara ini boleh bertindak dengan lebih berkesan di seluruh Malaysia.

Kalau hendak panggil 1Malaysia pun 1Malaysia lah bertindak. Dato' Musa bukan hanya bertindak di Bukit Mertajam tetapi dia juga boleh pergi ke semua tempat yang lain. Begitu juga kita akan cuba bantu kerajaan menjayakan Rancangan Malaysia Kesepuluh di seluruh Malaysia.

Jadi antaranya ialah kita perlu menyediakan pegawai penyelidik yang kali ini dibayar oleh pihak kerajaan. Kita keluarkan duit poket kita, kita perlukan pihak kerajaan melihat dan meluluskan balik peruntukan yang pernah dikaji sebelum ini. Kita tidak mahu lagi jawapan 'sekiranya', 'namun', 'akan', itu tidak payahlah. Kali ini luluskan peruntukan pegawai penyelidik sekitar RM2000 yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri yang menjaga Parlimen sebelum ini. Begitu juga telah dibahaskan panjang oleh kawan-kawan kita tentang bagaimana peruntukan elaun RM750 untuk perjalanan dalam kawasan kita. Kita menghadiri lebih daripada 20 program komuniti dalam ruang lingkup di bawah 32 kilometer itu tetapi dalam tanpa kita perlu buat tuntutan kerana tidak dibenarkan.

Akan tetapi akhirnya tuntutan perjalanan yang jauh itu ditolak RM750. Saya rasa Ahli Dewan Negara boleh setujukah? Senyap macam tidak bersetuju sahaja. *[Ketawa]* Kalau tidak setuju jangan bagilah Menteri. Kalau mereka setuju baru bagi, jangan saya seorang.

Jadi saya rasa itu sahajalah sebagai ingatan kita. Saya akhiri dengan peringatan bahawa...

*Perancangan RMK-10 telah disusun rapi
Memacu negara kepada berpendapatan tinggi
Segala apa yang telah berlaku tidak ambil iktibar lagi
Sampai masanya harap untung dapat rugi.*

*Ahli Dewan Negara pulun berbahas macam berdebat
Menegur sistem penyampaian harap diperbaiki
Menteri, timbalan pegawai harap mencatat
Agar ke hadapan nanti tiada ketirisan lagi.*

Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang.

3.53 ptg.

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana izinkan saya turut terlibat di dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memulakan perbahasan saya dengan petikan daripada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa beliau membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh di Dewan Rakyat. Beliau kata kita kini perlu beralih kepada pertumbuhan berasaskan produktiviti yang dipacu inovasi.

Tuan Yang di-Pertua, daya kreativiti dan inovasi bukanlah sesuatu yang dilahirkan secara semula jadi pada setiap individu. Walaupun mungkin terdapat segelintir yang ada bakat dan kita memang perlu bangunkan generasi muda yang kreatif dan inovatif melalui sistem pendidikan yang berkesan. Cara kita melaksanakan sistem pendidikan negara kita kini, pada pandangan saya sudah gagal untuk melahirkan generasi muda yang boleh berfikir secara kritis dan kreatif.

Ini adalah kerana pada saya sistem pendidikan yang sedia ada sekarang tersangat *rigid*, yang tersangat pentingkan peperiksaan dan prestasi akademik. Walaupun kita sebut-sebut pendidikan holistik tetapi biasanya apabila selepas peperiksaan kita hanya tengok peperiksaan sahaja, kita cuma tengok akademik sahaja. Sistem itu pada saya tidak akan menyemai dan mencungkil daya kreativiti dan inovasi pada pelajar-pelajar kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya berikan contoh misalannya, Kementerian Pelajaran sudah melancarkan Program Sistem Berprestasi Tinggi. Ini pun apabila kita sebut berprestasi tinggi, prestasi itu semata-mata akademik. Bidang-bidang yang lain tidak diambil kira. Jadi kita tahu sekolah ada macam-macam, ada sekolah yang mungkin di bandar, di mana kalau murid itu datang daripada keluarga yang lebih berada sedikit mungkin latar belakangnya lebih baik dan dia boleh dapat tuisyen dan sebagainya. Mungkin dari segi akademik senang sedikit tetapi sekolah tertentu mungkin akademiknya sederhana sahaja tetapi sekiranya ia cemerlang dari segi lain, sukan, kebudayaan atau sebagainya, kenapa kita langsung tidak nampak? Adakah ini bukan sebahagian daripada pendidikan?

Juga sistem pemberian insentif kepada guru-guru besar dan pengetua pun berasaskan semata-mata kepada prestasi akademik sahaja. Kalau sekolah itu sekiranya prestasi peperiksaannya tinggi, guru besar dan pengetua akan dapat imbuhan, akan dapat rangsangan tetapi jangan lupa bahawa sistem sekolah berprestasi tinggi kalau sekolah A, ia adalah sekolah biasa. Murid yang cemerlang daripada sekolah A akan dipindahkan ke sekolah B yang merupakan sekolah berprestasi tinggi.

Apabila saya pergi ke sekolah khususnya semasa Mesyuarat Agung PIBG, ramai guru besar dan pengetua, cikgu yang mengadu kita kerja keras tetapi budak yang baik dari sekolah kami dipindahkan ke sekolah lain dan kita akhirnya tidak dapat apa. Jadi, saya merayu kepada Kementerian Pelajaran memanglah kita pentingkan akademik tetapi itu bukan satu-satunya pendidikan. Saya tidak tahulah kenapa nama Kementerian Pendidikan juga ditukar kepada Kementerian Pelajaran. Adakah ini juga bermaksud bahawa sekarang kita bukan menyediakan pendidikan holistik, kita cuma hendak pelajaran sahaja, kita cuma hendak sampaikan ilmu pengetahuan kepada anak murid kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada saya pedagogi yang dalam bilik darjah kita sekarang tersangat pentingkan *spoon feeding* dan ada orang yang kata cikgu sekarang bukan lagi cikgu. Cikgu sekarang adalah, kalau dalam bahasa Inggeris kata *examination technician* dan kita pun tengok banyak sekolah, sebelum peperiksaan mereka adakan kem peperiksaan. Di dalam kem peperiksaan, apa yang diajar? Ajar murid macam mana hendak menjawab dengan teknik yang betul.

Pada saya ajar murid macam mana menjawab dengan teknik yang betul, ini bukan teknik yang betul dalam pendidikan, oleh kerana sepatutnya di sekolah kita kena jadikan murid suka belajar. Kita kena ajar murid supaya mereka minat belajar sepanjang hayat, bukan macam mana hendak dapat markah yang tinggi di dalam peperiksaan. Oleh kerana teknik ini, misalnya di dalam peperiksaan, kalau buat karangan tidak payah buat karangan panjang-panjang, tidak payah buat karangan yang baik, karangan yang kurang kesilapan, kurang kesalahan akan mendapat markah yang tinggi. Ini ialah teknik dan saya sebagai seorang bekas pendidik, saya dapati ini bukan betul.

Saya berikan contoh misalnya Thomas Edison, dia juga mangsa kepada sistem sekolah yang seumpama ini pada zaman dia. Pada cikgunya dia seorang murid yang tidak berguna tetapi nasib baik dia mempunyai ibu bapa yang baik. Ibu bapa yang boleh mencungkil daya kreativiti dalam dirinya dan akhirnya dia berjaya menjadi seorang pereka bentuk yang begitu terkenal.

■ 1600

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit berkenaan dengan pemansuhan UPSR dan PMR. Perkara ini memang kini sangat hangat diperbincangkan dan dibahaskan oleh masyarakat baik di kalangan guru, organisasi guru ataupun PIBG ataupun ibu bapa ataupun NGO-NGO yang langsung tidak ada kaitan dengan pelajaran. Ini yang saya rasa pelik sedikit. Bagi saya seolah-olah tidak ada orang menganggap pendidikan ini sesuatu yang profesional. Kalau ada orang yang sakit saya ingat selain daripada doktor tidak ada seorang yang berani memberikan pandangan. Saya fikir dia punya kanser perlu makan Panadol atau makan apa tetapi sampai ke pendidikan semua orang adalah pakar. Semua orang boleh berikan pandangan dan kadang-kadang pandangan itu tidak berasas.

Saya tahu memang ada orang yang tidak setuju bahawa UPSR dan PMR itu dimansuhkan. Pada saya orang tidak setuju mereka langsung tidak faham sistem pendidikan dan sistem penilaian di sekolah. Mereka fikir kalau tidak ada UPSR dan PMR murid itu langsung tidak dinilai pencapaiannya sehingga sampai ke Tingkatan Lima tiba-tiba didapati tidak lulus, habislah murid itu. Akan tetapi ini tidak benar oleh kerana pada saya sekolah masih ada sistem penilaian berasaskan sekolah. Cikgu masih boleh berikan ujian bulanan, ujian semester, masih ada peperiksaan akhir tahun dan khususnya pada saya, saya rasa bahawa *course work* murid perlu diambil kira. Saya tidak berapa suka kalau kita hendak tahu sama ada murid itu boleh atau tidak boleh mengikuti pelajaran, kita cuma tengok satu peperiksaan. Selepas enam tahun persekolahan kita tengok UPSRnya. Mungkin murid itu dari Tahun Satu sehingga Tahun Lima markahnya tinggi tetapi kalau sampai UPSR sekiranya dia sakit mungkin markahnya tidak begitu memuaskan. Ataupun ada ramai murid yang ada *examination fobia* di mana sampai masa peperiksaan sahaja dia jatuh sakit. Dia sangat tertekan kerana prestasinya tidak baik. Adakah ini adil? Oleh itu saya dapati kalau kita tidak ada UPSR pun tidak apa dengan syarat bahawa kita gunakan sistem penilaian yang sedia ada dengan baik.

Datuk Maijol Mahap: Minta laluan. Terima kasih. Saya tertarik dengan topik ini Tuan Yang di-Pertua sebab ia sudah diperkatakan begitu meluas dan juga apa pun keputusan kerajaan mempunyai *effectnya* dengan izin, kepada penuntut-penuntut kita di peringkat UPSR dan PMR. Kalau saya mendengar Yang Berhormat tadi boleh bersetuju untuk PMR ini dihapuskan tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat tidakkah dengan pemansuhan itu murid-murid nanti akan menjadi malas? Dia akan sambil lewa

dan semua itu akan menurunkan prestasi sebagai seorang pelajar. Apabila dia sampai SPM nanti akan menjejaskan keputusan SPM sebab dia tidak berapa serius, dia menjadi malas dan akan menjejaskan peperiksaan SPMnya nanti. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Khoo Soo Seang: Terima kasih Yang Berhormat. Memang pandangan Yang Berhormat itu bukan pandangan Yang Berhormat seorang sahaja. Ini dikongsi oleh ramai khususnya di antara ibu bapa yang tadi saya sebut bahawa ramai ibu bapa takut kalau kita mansuhkan UPSR dan PMR jadi apabila mereka sampai Tingkatan Lima tiba-tiba baru kita tahu bahawa dia tidak boleh mengikuti pelajaran. Akan tetapi saya sudah sebut sekiranya kita menggunakan sistem penilaian berasaskan sekolah dengan baik sebenarnya ia lebih baik.

Saya berikan contoh kalau cikgu yang berdedikasi. Semasa saya menjadi cikgu saya mengajar Sains. Jadi minggu ini mungkin saya ada lima waktu Sains di dalam kelas. Minggu hadapan hari yang pertama saya masuk ke kelas saya akan berikan satu ujian ringkas. Ujian itu saya tidak perlu catat. Saya baca sepuluh soalan mereka tulis sepuluh jawapan kemudian saya semak. Dengan cara ini serta-merta saya tahu pengajaran saya minggu lepas adakah berkesan atau tidak berkesan. Kalau tidak berkesan apakah sebabnya? Adakah saya tersangat laju atau pun tahap pencapaian murid tidak sampai kepada apa yang saya jangkakan dan saya boleh serta-merta ambil tindakan pemulihan dan membaiki kaedah mengajar. Kalau kita sampai ke UPSR pun sudah terlewat.

Sekarang ada satu *trend* kalau kita tengok di sekolah rendah, mungkin Tahun Satu sehingga Tahun Lima cikgu pun tidak ambil berat. Hanya Tahun Enam sahaja cikgu yang bersusah payah hendak mengajar murid dan pastikan mereka lulus peperiksaan dengan prestasi yang tinggi. Kalau cikgu yang malas walaupun ada UPSR, Tahun Satu sehingga Tahun Lima pun masih malas. Akan tetapi sekiranya kita menggunakannya dengan baik itu yang saya kata kalau kita hendak mansuhkan – saya bukan benci UPSR atau PMR tetapi pada saya sistem itu sudah disalahgunakan.

Jadi saya pun bukan kata kalau kita mansuhkan UPSR dan PMR kita atasi semua masalah. Saya akan mencadangkan untuk melihat semula sistem pendidikan di negara kita dan kita ada banyak kelemahan yang tidak dapat diatasi semata-mata dengan kita mansuhkan UPSR dan PMR. Sebenarnya di antara cikgu-cikgu dan persatuan-persatuan guru pun ada pandangan yang berbeza-beza, ada yang setuju, ada yang tidak berapa setuju, ada yang setuju dengan syarat. Apa yang cikgu-cikgu itu

bimbang mereka takut nanti UPSR ditiadakan dan kemudian mungkin kementerian atau Jabatan Pelajaran ataupun pejabat pelajaran menggantikannya dengan sistem yang lain dan yang lebih menyusahkan cikgu dan murid.

Saya tahu walaupun misalnya semasa pada zaman ada peperiksaan seperti UPSR atau PMR dan sebagainya, ada juga PPD (Pejabat Pelajaran Daerah) yang sebelum ujian itu mereka adakan *trial test* dan *trial test* itu dia akan kumpulkan cikgu daripada beberapa buah sekolah. Mungkin setiap orang cikgu buat sepuluh soalan dan dikumpulkan menjadi satu kertas ujian. Sistem itu mengikut pengalaman saya pada awalnya okey tetapi selepas beberapa tahun cikgu sudah mula bosan. Apabila soalan itu sepuluh daripada sini dan sepuluh daripada sana, soalan tidak diselaraskan banyak kelemahan berlaku. Mungkin soalan nombor 10 memberi jawapan kepada soalan nombor 20 secara tidak sengaja. Oleh kerana itu kalau kita hendak membuat satu kertas ujian yang baik kita harus ada misalnya 10% yang susah, mungkin 40% yang sederhana dan sebagainya. Akan tetapi kalau setiap orang sumbangkan sepuluh soalan ini tidak dikawal dan standard kertas peperiksaan itu tidak dikawal. Kadang-kadang oleh kerana cikgu yang sama sentiasa dilibatkan lama-kelamaan dia pun sudah menjadi malas. Jadi ini kadang-kadang tidak mendatangkan kesan yang diinginkan.

Cadangan saya oleh kerana saya kata tadi bahawa pada saya peperiksaan seperti UPSR dan PMR ia cuma ujian penilaian sahaja. Biasanya kita ada ujian dengan dua objektif. Satu penilaian dan yang kedua kelayakan. Kalau SPM atau STPM pada saya adalah peperiksaan kelayakan sama ada murid atau pelajar itu layak untuk melanjutkan pelajaran ke *upper university* atau Tingkatan Enam dan sebagainya.

■1610

Akan tetapi bagi UPSR dan PMR, ia tidak ada objektif ini. Ia cuma menilai sahaja kemajuan murid. Sekarang oleh kerana Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pendidikan Pelajaran selalu gunakan UPSR itu untuk membanding prestasi sekolah – *top fivelah*, *bottom fivelah* dan sebagainya, jadi pada saya objektif pendidikan sudah lari. Kita sudah lupa kita sebut-sebut tentang pendidikan holistik, kita sebut-sebut falsafah pendidikan yang kita hendak lahirkan insan yang seimbang, harmoni dan sebagainya tetapi sampai ke masa itu, semua dilupakan. Seolah-olah selain daripada akademik, tidak ada unsur lain di dalam pendidikan kita.

Tadi saya ada ikut – oleh kerana begitu, cikgu ajar pun semata-mata ikut sukatan pelajaran sahaja. Pada saya ini pun tidak sihat. Kadang-kadang mungkin ada murid yang dia berminat dalam sesuatu hal, apa salahnya kalau kita keluar daripada sukatan

sedikit. Kalau dia hendak tanya sesuatu, kita beritahu dia dan bukan ikut sukatan pelajaran dengan begitu *rigid*. Juga ini telah mengakibatkan persaingan di antara sekolah yang kadang-kadang tidak sihat.

Biar saya beri contoh daripada pengalaman saya. Saya pernah berkhidmat di satu daerah di mana guru besar – oleh kerana PPD ada agihkan sekolah ini – beberapa buah sekolah rendah dia pergi ke sekolah menengah itu, sini punya sekolah pergi ke sekolah lain. Kebetulan ada sekolah yang tertentu dia dekat dengan Sekolah Menengah Convent dan Sekolah Menengah Convent itu memang sekolah yang ramai pelajar, murid – pelajar perempuan suka hendak pergi khususnya ibu bapa. Jadi guru besar gunakan kesempatan itu – dia tahu mana-mana sekolah yang ada murid yang cemerlang, dia pergi jumpa ibu bapa. Kalau *you* datang ke sekolah saya, nanti sekolah menengah, *you* dapat pergi *Convent*. Kalau *you* belajar di situ, nanti *you* tidak dapat pergi sana. Guru besar ini – semua murid perempuan yang cemerlang dia korek. Pada saya ini satu bukan satu persaingan yang sihat. Ini bukan satu persaingan atas landasan yang rata. Ini adalah sesuatu yang tidak sihat.

Satu lagi – sebenarnya kita semua sedar bahawa individu bukan semua dilahirkan sama. Kebolehan kita mungkin berbeza, kita punya pertumbuhan, kita punya fizikal, *mental development* juga berbeza. Ada murid yang pada peringkat awalnya mungkin dia *mental development* mungkin lambat sedikit tetapi pada peringkat yang kemudian mungkin dia cepat sedikit. Saya ada seorang kawan – dari sekolah rendah sampai ke Tingkatan Lima, dia punya markah cukup-cukup lulus sahaja tetapi sampai ke Tingkatan Enam, tiba-tiba prestasi akademiknya cemerlang. Ini oleh kerana dia punya *development* lain daripada murid yang lain.

Satu lagi kelemahan sistem kita sekarang ialah kita anggap bahawa semua murid yang sama usia, kebolehannya sama. Kadang-kadang saya ada dilema sebagai seorang guru besar. Di tempat-tempat yang tertentu khususnya keluarga yang sangat miskin, yang miskin tegar. Saya pernah terima permintaan daripada ibu bapa yang anaknya sudah berusia sembilan tahun masih belum masuk sekolah rendah. Sembilan tahun baru hendak datang jumpa kita kata, “*Bolehkah anak saya sekarang belajar di sekolah rendah?*” Memang boleh. Kementerian dan Pejabat Pelajaran tidak ada halangan. Akan tetapi oleh kerana dia sudah berusia sembilan tahun, dia kena terus masuk ke Tahun Tiga. Macam mana? Kalau murid itu sudah lemah, datang daripada keluarga yang miskin tegar dan kita terus masukkan dia Tahun Tiga, dia memang tidak boleh ikut. Kadang-kadang apa yang kita buat, kita buat fleksibel sedikit. Mungkin tiga

bulan di Tahun Satu, tiga bulan di Tahun Dua dan akhirnya tiga bulan di Tahun Tiga. Ini pun murid tidak boleh ikut. Kalau dia boleh ikut ini, senang tetapi dia tidak ada kebolehan.

Oleh itu, saya dapati bahawa kita perlu kaji semula sistem pendidikan kita. Pada saya, sistem yang lama di mana kalau selepas setiap tahun murid yang tidak boleh mengikuti pelajaran, jangan biar dia lanjutkan pelajaran. Misalnya kalau dia Tahun Satu sudah gagal, kita biar dia naik ke Tahun Dua. Tahun Satu dia gagal dan masuk Tahun Dua, dia tidak boleh ikuti pelajaran. Apa yang cikgu sudah ajar dia tidak faham. Kemudian kita *push* dia ke Tahun Tiga, dia lagi teruk, Tahun Empat, Tahun Lima sampai Tahun Enam ambil UPSR.

Saya cadangkan bahawa biar kita kembali ke sistem lama di mana kalau murid itu tidak boleh mengikuti pelajaran, kita biar dia tinggal setahun lagi di darjah yang sama. Jadi kita buat pemulihan dan sebagainya. Akan tetapi sekarang sistem kita adalah salah.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sebut sedikit berkenaan kuantiti guru dan juga kualiti guru. Ini kerana ia berkait rapat dengan pendidikan, dengan cita-cita kita hendak bangun, hendak lahirkan modal insan yang cemerlang.

Berkenaan dengan kuantiti guru. Negara kita sudah merdeka begitu lama. Kalau bagi orang pun sudah hampir bersara – sudah lebih 50 tahun. Akan tetapi sampai sekarang, kebanyakan sekolah masih kurang cikgu. Paling ketara mungkin sekolah rendah Cina, tetapi selain daripada sekolah rendah Cina, saya tahu sekolah menengah dan sekolah aliran lain juga masih kekurangan guru.

Oleh kerana saya pernah berkhidmat di Jabatan Pendidikan Negeri, saya tahu serba sedikit tentang apakah punca masalah ini. Kenapa selepas begitu banyak tahun – tiap-tiap tahun Kementerian Pelajaran melatih guru baru dan sebagainya tetapi masalah itu masih tidak boleh diatasi. Di antara sebab-sebabnya ialah mungkin satu perancangan yang tidak begitu baik, tidak begitu sempurna. Saya beri contoh.

Masa saya di Jabatan Pendidikan Johor, saya jaga sekolah-sekolah Cina. Jadi sampai masanya kementerian hendak minta statistik, minta saya sediakan – sekolah Cina di negeri Johor kita perlukan berapa guru bahasa Malaysia, berapa guru bahasa Inggeris dan sebagainya. Angka ini akan dicantumkan dengan sekolah-sekolah aliran yang lain – sekolah kebangsaan, sekolah Tamil dan sebagainya, dan sekali gus hantar mungkin ke Bahagian Latihan Guru.

Saya percaya apabila Bahagian Latihan Guru sampai dapat angka itu – mereka tidak tahu angka ini di antara guru sains – berapa guru sains yang untuk sekolah Cina, berapa guru Sains untuk sekolah Tamil dan berapa untuk sekolah kebangsaan. Mereka cuma tahu bahawa negeri Johor perlukan berapa guru Sains. Akan tetapi kita jangan lupa, apabila cikgu-cikgu terlatih ini keluar untuk mengajar, mereka gunakan bahasa pengantar yang berlainan. Di sekolah Cina gunakan bahasa Mandarin, di Sekolah Tamil guna bahasa Tamil – dahululah, masa dahulu dan sebagainya. Semua dihantar untuk menjadi guru Sains yang hanya boleh – kadang-kadang bukan sahaja bahasa pengantar, sampai mungkin yang dilatih itu kebanyakan cikgu Melayu yang ajar Sains. Saya berikan contoh.

Jadi apabila keluar, cikgu Melayu itu memang tidak boleh ajar Sains di sekolah Cina dan di sekolah Tamil. Akhirnya, walaupun pada keseluruhannya bilangan itu cukup, tetapi sekolah yang tertentu tidak cukup cikgu Sains, tidak cukup cikgu Matematik dan sebagainya.

■1620

Kedua, ialah masalah cikgu mohon tukar. Ini satu dilema. Sebagai Penyelia Kanan Sekolah Cina, satu dilema yang saya kena hadapi tiap-tiap tahun. Saya berikan contoh, katakanlah biasanya bandar di Johor Bahru yang paling kurang cikgu. Keadaan di negeri Johor, bandar Johor Bahru ini yang paling kurang cikgu, tetapi di tempat-tempat tertentu mungkin cikgu itu cukup.

Cikgu yang dihantar kepada kita bukan semua orang Johor. Ada orang Pulau Pinang, Perak, Kelantan dan sebagainya. Saya kena agihkan cikgu ini ke sekolah-sekolah tertentu mengikut keperluan. Selepas setahun, cikgu daripada Kelantan jumpa ahli politik minta tukar balik ke Kelantan. Cikgu daripada Muar jumpa dia punya MP, minta tukar balik ke Muar. Akan tetapi, di Muar sudah terlebih cikgu, masih balik oleh sebab ada pengaruh politik dan kita tidak boleh buat apa-apa.

Jadi, akhirnya, Johor Bahru masih kekurangan cikgu kerana tidak ada orang hendak mengajar di Johor Bahru. *Cost of livingnya* sangat tinggi dan mereka semua hendak balik ke kampung. Jadi, kadang-kadang, saya rasa bahawa kita tersangat baik kepada cikgu, kita sudah lupa tentang kepentingan anak murid kita.

Kadang-kadang, cikgu daripada sekolah kurang murid jumpa saya minta tukar di pertengahan tahun. Saya akan beritahu dia, sekolah cikgu cuma ada lima orang cikgu. Jikalau saya tukarkan cikgu sekarang, walaupun cikgu kahwin bulan Mac, saya tukarkan cikgu ke tempat lain, sekolah itu akan kurang seorang cikgu. Tidak ada siapa yang boleh

ganti dan kepada sekolah itu, seorang cikgu ialah 20%. Jikalau di sekolah besar tidak mengapa, kurang seorang cikgu senang hendak *cover*. Akan tetapi, sebenarnya itu pun bukan begitu senang.

Oleh sebab kerja cikgu berlainan daripada kerani. Jikalau kita kekurangan seorang kerani, kerjanya boleh diagih-agihkan. Namun, untuk cikgu, kebanyakan cikgu di bandar *workload*nya sudah maksimum. Jikalau misalnya, dia ada lapan waktu Bahasa Malaysia, lapan waktu itu saya tidak boleh kata – di dalam satu kelas lapan waktu saya berikan contoh. Saya tidak boleh kata, okey cikgu A...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masih panjang lagikah ucapannya Yang Berhormat?

Tuan Khoo Soo Seang: Saya boleh pendekkan. Tidak mengapa.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah habis masa 30 minit.

Tuan Khoo Soo Seang: Okey, saya ada satu lagi perkara. Jadi, kita tidak boleh agihkan – kita kata kelas A itu lapan waktu Bahasa Malaysia, cikgu A bantu ajar dua waktu, cikgu B dua waktu, cikgu C dua waktu, dan cikgu D dua waktu. Jikalau kita hendak beri seorang cikgu ganti dia, tidak ada cikgu yang boleh ambil lapan waktunya. Ini satu masalah yang mungkin orang luar tidak tahu.

Okey, izinkan saya sebut sedikit berkenaan dengan keputusan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh bahawa kita buat keputusan akan memberikan pertimbangan kepada pemegang Unified Examination Certificate, iaitu pelajar-pelajar daripada sekolah menengah persendirian Cina untuk ditimbang masuk ke maktab perguruan ataupun institut perguruan dengan syarat ada SPM.

Ini yang amat mengelirukan. Oleh sebab pada masyarakat, kalau dia ada SPM, dia sudah boleh terus mohon menjadi guru dan terus mohon mendapat latihan guru. Mengapa dia hendak gunakan UEC lagi? Jadi perkara ini, seolah-olah kita kata ini tidak masuk akal saya. Jikalau kita masukkan sekarang dengan SPM, dia boleh mohon menjadi guru, tetapi kita kata kalau *UEC holders* ada SPM boleh jadi guru. Jikalau dia ada SPM, dia tidak perlukan UEC. Jadi, apakah maknanya ada SPM? Kita kena jelaskan.

Oleh sebab saya tahu bahawa sekarang SPM adalah *open cert*. Jikalau satu mata pelajaran Bahasa Malaysia lulus pun sudah ada SPM. Jadi, adakah itu syaratnya? Kita kena jelaskan dan kalau tidak ada, masyarakat Cina akan kata kerajaan tidak jujur. Ini cakap sahaja tidak guna, tidak ada beza. Jikalau dengan syarat ada SPM, macam tidak ada atau tidak memberikan kelonggaran ini.

Saya juga cadangkan kalau boleh, mungkin kerajaan boleh timbangkan bahawa kita anggap kelulusan UEC itu setaraf dengan SPM ataupun pemegang UEC itu mungkin tempoh latihannya dilanjutkan tiga bulan untuk mereka belajar dengan lebih banyak Bahasa Malaysia dan sebagainya. Dengan cara ini, saya percaya bahawa kita boleh atasi masalah itu.

Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab masa tidak mengizinkan. Jadi, saya sekali lagi ucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan dengan ini saya turut menyokong. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Muhammad Olian bin Abdullah.

6.27 ptg.

Tuan Muhammad Olian bin Abdullah: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum Warahmatullaahi Wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk turut membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh di dalam Dewan yang mulia ini. Terlebih dahulu, saya selaku wakil kepada masyarakat peribumi Orang Asli di negara ini, sangat-sangat mengucapkan berbanyak terima kasih khususnya kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana terus memberikan perhatian yang begitu tinggi terhadap masyarakat di negara ini dan memperuntukkan peruntukan yang agak banyak, khususnya di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Walau bagaimanapun, masih ada beberapa isu yang perlu diambil perhatian khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin dan percaya ramai di antara kita bersetuju bahawa untuk memastikan kemiskinan di kalangan masyarakat ini terus terhapus, tidak lain dan tidak bukan caranya adalah melalui pendidikan. Oleh sebab itu, pendidikan kepada masyarakat ini haruslah kita perkasakan dan bukan setakat dari segi bangunan sekolahnya kita perkasakan, tetapi cara dan kaedah penyampaian kepada murid-murid di kalangan masyarakat Orang Asli itu mesti kita cari satu kaedah yang lebih baik agar mereka tidak terus tercicir di dalam pendidikan.

Oleh sebab berdasarkan perangkaan yang ada, peratusan yang keciciran di kalangan murid-murid Orang Asli begitu tinggi, khususnya daripada Darjah Enam ke Tingkatan Satu, begitu tinggi peratusan tercicirnya sehinggakan mencapai 34%.

Jadi, ini adalah satu angka yang amat membimbangkan bagi saya. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya beberapa tindakan perlu diambil. Misalnya, kita dirikan

asrama-asrama untuk menempatkan anak-anak Orang Asli ini di dalam bandar ataupun di pinggir bandar seperti yang dibuat oleh FELDA untuk menempatkan anak-anak peneroka di kawasan-kawasan sekolah di dalam bandar. Jadi, dengan cara ini, saya yakin bahawa mereka akan mempunyai kemudahan yang lebih baik.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, masih ada juga lagi sekolah-sekolah di perkampungan Orang Asli yang masih belum mendapat bekalan air bersih. Jadi, ini saya kira perlu diambil tindakan juga untuk mengatasinya.

■ 1630

Selain daripada itu, apabila kita hendak mendirikan sekolah-sekolah di perkampungan masyarakat Orang Asli ini, perlu diambil perhatian khususnya pembinaan jalan, kemudahan jalan, kemudahan air, elektrik dan sebagainya kerana masih berlaku lagi sekarang ini ada sekolah-sekolah di penempatan Orang Asli yang mana kemudahan perhubungan jalan untuk murid-murid, ibu bapa dan juga guru hendak pergi sekolah misalannya, begitu daif sekali.

Contohnya di Sekolah Kebangsaan St. Road. Jalan yang menghubungkan dari luar ke sekolah itu begitu tidak baik sekali. Oleh sebab itu, di masa-masa akan datang saya mencadangkan supaya perancangan untuk mendirikan sekolah-sekolah ini haruslah dibincangkan bersama oleh Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah supaya tidak berlaku perkara-perkara yang seperti yang saya sebutkan tadi.

Perkara yang kedua Tuan Yang di-Pertua, adalah berhubung dengan isu pemilikan tanah. Di dalam ucapan pembentangan bajet oleh Yang Berhormat Menteri pada hari yang lepas, ada menyebut bahawa pihak kerajaan mempunyai program dan juga perancangan untuk memastikan bahawa masyarakat ini mempunyai tanah dan seterusnya diberi hak milik. Oleh sebab itu, saya mencadangkan supaya peruntukan yang mencukupi disediakan untuk memastikan kerja-kerja mengukur kawasan penempatan-penempatan masyarakat ini disediakan dengan secukupnya supaya kita boleh mengambil tindakan dengan segera khususnya di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini.

Isu yang ketiga Tuan Yang di-Pertua, yang saya hendak bangkitkan di sini adalah berhubung dengan masalah perumahan. Sebagaimana kita semua sedia maklum, bahawa masyarakat ini masih lagi peratusan yang tinggi di dalam kemiskinan. Oleh sebab itu, mereka memerlukan rumah PPRT yang begitu banyak. Mengikut bancian yang telah dibuat oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, lebih hampir 15,000 unit

rumah diperlukan oleh masyarakat ini. Jadi oleh sebab itu, di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini harus kita sediakan peruntukkan yang mencukupi untuk membina rumah-rumah di kalangan masyarakat ini.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mencadangkan supaya diwujudkan satu Tabung Pinjaman Perumahan bagi masyarakat ini kerana ada di antara mereka yang berkemampuan untuk membayar balik pinjaman kepada kerajaan seperti yang dilaksanakan oleh kerajaan kepada peneroka-peneroka FELDA di mana diwujudkan tabung untuk membaiki rumah dan juga membina rumah. Jadi sudah sampai waktunya saya kira, kerana menjelang tahun 2020 wawasan negara akan menjadikan negara ini sebuah negara maju tetapi kalau kita tidak dapat menyediakan satu persekitaran yang baik untuk kehidupan yang lebih baik untuk masyarakat ini, jadi saya kira tidak ada maknanya negara ini menjelang tahun 2020 menjadi sebuah negara maju.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga memohon kepada pihak kerajaan supaya peruntukan yang secukupnya haruslah disediakan khususnya dalam pembinaan prasarana jalan, bekalan air bersih di perkampungan masyarakat Orang Asli ini kerana lebih daripada 60% lagi masih belum mendapat bekalan air bersih dan juga kemudahan jalan menghubungkan kampung-kampung mereka. Dengan pembinaan jalan yang lebih baik, saya kira akan memudahkan mereka untuk memasarkan hasil-hasil pertanian yang dihasilkan oleh kalangan masyarakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang agak penting juga di sini, saya memohon kepada Kementerian Dalam Negeri khususnya, untuk melihat peranan Pasukan PGA Senoi Praaq yang dianggotai oleh masyarakat Orang Asli yang mana sejak akhir-akhir ini pengambilan di kalangan anak-anak masyarakat ini telah berkurangan. Kita sedia maklum bahawa pasukan ini telah begitu berjasa khususnya di dalam sama-sama membantu memerdekakan negara ini, dan telah diberikan peranan dan tanggungjawab yang begitu besar khususnya pernah bertugas di luar negara. Akan tetapi akhir-akhir ini, pengambilan daripada kalangan masyarakat ini telah dihentikan.

Ini adalah suatu yang amat menjadi kebimbangan kepada masyarakat ini dan saya difahamkan pernah suatu ketika pasukan ini akan dihapuskan. Jadi masyarakat Orang Asli amat tidak bersetuju. Malahan, kita merayu kepada pihak kerajaan supaya Pasukan Senoi Praaq ini terus diperkukuhkan dan diperkuatkan lagi supaya ia menjadi sebuah pasukan yang boleh membantu pihak kerajaan mengatasi berbagai-bagai isu keselamatan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya kira beberapa isu penting saya telah sebut dan selain daripada itu, yang terakhirnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebut berhubung dengan sistem sanitasi ataupun sistem kumbahan di perkampungan masyarakat Orang Asli yang amat daif dan ini menyebabkan juga akan berlakunya pencemaran kepada bekalan air kita. Jikalau kita tidak tangani ia dengan baik dan berkesan dan tidak menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk mengatasi masalah ini, saya kira akan menjadikan satu isu kepada negara kita dan juga akan menyebabkan penyakit-penyakit berjangkit menjangkiti kanak-kanak di kalangan masyarakat ini. Oleh itu, saya mohon kepada pihak kerajaan khususnya di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini untuk menyediakan peruntukkan yang mencukupi untuk kita meningkatkan lagi kemudahan sanitasi di perkampungan masyarakat Orang Asli.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya di dalam Dewan yang mulia ini sekali lagi mohon menyokong Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Datuk Wan Hazani Haji Wan Mohd. Nor.

4.38 ptg.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim.* Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya turut membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi tempoh 2011 sehingga 2015. *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* kepada orang-orang Islam dan salam sejahtera kepada yang bukan beragama Islam dan salam 1Malaysia. Saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana membentang RMKe-10 pada 10 Jun 2010 yang penuh bermakna kepada Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, semenjak mencapai kemerdekaan lebih lima dekad lalu, Malaysia sebagai sebuah negara yang berbilang kaum dan keturunan telah meraih kejayaan demi kejayaan yang menakjubkan. Hakikatnya, ketika itu banyak pihak tertentu sibuk menulis prasangka-prasangka buruk tentang negara tercinta ini.

■1640

Kita telah berjaya membuktikan keyakinan, kemampuan, kepimpinan negara menerajui negara Malaysia, menjadikan Malaysia sebuah negara yang disegani, dihormati oleh dunia. Tidak keterlaluan untuk rakyat Malaysia mendabik dada dan membuktikan bahawa dengan kepimpinan serta persekitaran yang betul pelbagai

puncak kejayaan ditawan, pelbagai perancangan telah berjaya dicapai, pelbagai tambak telah berjaya didaki. Hasilnya daripada sebuah negara pertanian berpendapatan rendah yang bergantung kepada getah dan bijih timah, Malaysia pada hari ini telah muncul sebagai sebuah negara perindustrian moden yang berpendapatan sederhana tinggi.

Dengan asas ekonomi yang mantap, Tuan Yang di-Pertua kejayaan, kekayaan, keharmonian negara Malaysia dapat dan kita semua tercapai – kita semua kecapai dan merasai pada hari ini bukan datang bergolek dengan sendirinya. Tanpa perancangan mahupun tanpa usaha yang bersungguh-sungguh dengan kegigihan pengorbanan kepimpinan kerajaan yang terdahulu yang berwawasan dengan sokongan padu perpaduan dan penyatuan rakyat semenjak merdeka lagi kita amat terhutang budi kepada kepimpinan yang lalu. Dengan generasi terdahulu kerana faktanya kita hari ini membuat lonjakan di atas tapak yang telah mereka bina dengan segala susah payah, pahit maung, dengan pengorbanan yang begitu besar secara sedar atau tidak, dua rancangan Malaysia, tiga rangka rancangan jangka panjang serta satu misi nasional telah berlalu dengan jayanya.

Saya ingin merakamkan rasa penghargaan tulus ikhlas berterima kasih yang tidak terhingga kepada kelima-lima Mantan Perdana Menteri Malaysia yang kita sayangi, yang kita sanjung iaitu Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Dr. Mahathir Mohamed dan Tun Abdullah Ahmad Badawi. Kesemuanya adalah wirawan negara Malaysia yang mana jasanya akan tertulis di tinta emas di dalam lembaran sejarah negara. Kepada yang telah kembali ke rahmatullah, kita menadah kedua belah tangan memohon doa agar roh-roh mereka dirahmati Allah SWT, ditempatkan di dalam syurga Allah SWT balasannya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani cabaran kemelesetan ekonomi dunia 2008 dan 2009, kerajaan telah memperkenalkan dua Pakej Rangsangan Ekonomi bernilai RM67 bilion. Dengan izin Allah SWT, ekonomi negara sudah semakin pulih dan mencatatkan pertumbuhan amat menggalakkan pada kadar 10.1% bagi suku tahun pertama 2010. Ini merupakan kadar pertumbuhan tertinggi sejak tahun yang lalu. Harapan kita bagi tahun 2010 – 2011, ekonomi Malaysia akan bertambah baik lagi.

Tuan Yang di-Pertua, marilah kita... *[Ketawa]*.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Wan Mohd. Nor: Bagi menangani cabaran kemelesetan ekonomi dunia di pasaran global, perjalanan kita ke arah Wawasan 2020 penuh dengan cabaran getir dan tidak menentu. Pada hari ini pentas ekonomi dunia

telah banyak berubah di dalam Malaysia tidak lagi boleh bergantung pada struktur kos yang rendah untuk terus bersaing di peringkat antarabangsa. Arus globalisasi, liberalisasi dan dengan negara-negara seperti China, India, Brazil, Rusia, Timur Tengah dan juga negara-negara jiran telah mewujudkan persaingan sengit pada usaha untuk menarik lebih banyak peluang perdagangan dan pelaburan.

Tuan Yang di-Pertua, pelaburan tempatan hendaklah diutamakan. Pihak kerajaan mestilah memberikan lebih banyak peluang kepada ahli-ahli perniagaan bumiputera yang berminat terutamanya usahawan-usahawan dari luar bandar. Usahawan dari luar bandar cukup kreatif cuma modalnya kurang. Saya berharap Agrobank dan juga SME perlu prihatin kepada bumiputera menghadapi cabaran di dalam perniagaan ini. Ahli-ahli perniagaan menghadapi pelbagai cabaran domestik di dalam usaha melonjakkan pertumbuhan ekonomi ke tahap yang lebih tinggi. Pada masa yang sama bertujuan menyelesaikan dasar fiskal yang berhemah untuk cabaran utama adalah untuk menyediakan persekitaran pelaburan yang kondusif dan membentuk gagasan modal insan yang berkualiti tinggi.

Bagi membolehkan anjakan ke tahap nilai tambah dan produktiviti yang mantap dan mendapatkan gandaan kepada bangsa Malaysia di luar bandar, pemantauan dan sokongan yang berterusan daripada kementerian dan pegawai-pegawai yang diamanahkan hendaklah diteruskan. Jangan sekali-kali CEO atau pegawai-pegawai bank hanya tahu hendak melelong harta-harta mereka yang di dalam kesusahan yang teramat sangat, mereka ini sangat memerlukan sokongan dan modal tambah untuk memulakan semula perniagaan mereka. Mereka dan ada sesetengah daripada mereka ahli-ahli perniagaan apabila sudah diambil tindakan oleh pihak bank, janganlah lagi dinaikkan faedah bank. Berikanlah peluang mereka untuk membayar hutang beransur-ansur, kadar perjanjian dan toleransi daripada pihak bank. Jangan biarkan mereka mati atau bankrap. Jerih pahit manis mereka di dalam perniagaan mereka bolehlah diteruskan jikalau ada toleransi daripada pihak bank dan pihak pegawai-pegawai yang berkenaan.

Di dalam RMKe-10, telah dirangka dengan pelbagai pendekatan baru dengan perjalanan menuju ekonomi pendapatan dan berproduktiviti tinggi sesuai dengan Model Ekonomi Baru yang diperkenalkan. Di dalam rancangan ini pendapatan negara kasar per kapita telah disasarkan untuk meningkat pada RM38,850 atau USD12,140.

■1650

Pada tahun 2015, ini merupakan KDNK sebenar berkembang pada kadar 6% setahun. Pertumbuhan akan diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan di samping menggiatkan lagi semula sektor pertanian yang bernilai tambah tinggi serta penyerapan kedah ICT, bioteknologi serta pelantar teknologi yang berkaitan.

Di dalam pertanian, saya memohon dan meminta pihak Kementerian Pertanian bukakan skop yang mengongkong, yang menyegerakan kerja yang lebih baik, lebih cemerlang, perluaskan skop. Jangan terlalu terikat dengan skop, berikan peluang kepada yang layak, berkebolehan, berkesungguhan untuk menyahut seruan Perdana Menteri. Berikan keputusan yang cepat supaya mereka-mereka ini menjadikan realiti di dalam satu-satu permohonan. Buktikan kepada Perdana Menteri, orang-orang luar bandar mampu mendukung, memikul, memacu ekonomi domestik yang cemerlang dan gemilang, mengubah falsafah dan pendekatan kerajaan ke arah mentransformasikan Malaysia dengan metodologi NKRA.

Tuan Yang di-Pertua, cabaran besar rancangan ini adalah untuk memangkinkan pelaburan swasta ke tahap yang lebih cergas, di mana ia disasarkan berkembang 12.8% atau RM115 bilion setahun. Pada masa yang sama, kerajaan komited untuk mengurangkan defisit fiskal di dalam 5.3% KDNK di dalam tahun 2010 kepada kurang daripada 3% pada tahun 2015. Selain daripada itu, kerajaan akan berusaha tanpa jemu memastikan bahawa taraf serta kualiti hidup rakyat bertambah baik, terutamanya bagi golongan isi rumah berpendapatan 40% terendah. Kita perlu bekerjasama dengan bersungguh-sungguh dan sokongan mantap daripada semua pihak, semua golongan - kerajaan, swasta, kumpulan dan individu untuk menentukan kejayaan ekonomi Malaysia yang gilang-gemilang, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan isu peningkatan kualiti guru. Guru yang berkualiti amat penting di dalam memastikan para pelajar mendapat pendidikan yang terbaik. Seterusnya dapat melahirkan modal insan cemerlang dan bertaraf dunia, dan menyumbangkan kepada di dalam usaha mencapai taraf negara maju dan berpendapatan tinggi. Di dalam satu faktor yang dapat menyumbang ke arah melahirkan guru yang lebih berkualiti, adalah dengan memastikan mereka dapat menjalankan tugas mereka dengan tenang dan seronok. Usaha Kementerian Pelajaran menempatkan guru berasal dari Sabah dan Sarawak bertugas di negeri asal masing-masing, yang diumumkan baru-baru ini merupakan satu usaha yang perlu disokong, yang dilihat dapat meningkatkan kualiti guru-guru tempatan luar bandar.

Kebaikannya, satu - guru-guru Sabah dan Sarawak berpeluang untuk balik dan berbakti di negeri masing-masing. Melalui pendekatan ini pendidikan dapat dilakukan dengan lebih berkesan, memandangkan mereka lebih memahami budaya negeri mereka sendiri. Ini boleh membantu mereka menggunakan pendekatan terbaik di dalam proses pembelajaran dan pengajaran untuk menjadikan ia lebih berkesan. Melalui pendekatan ini juga, ia dapat dilihat akan dapat memberikan lebih semangat kepada mereka yang berbakti kepada masyarakat di kawasan mereka. Seterusnya membantu meningkatkan pembangunan di kawasan mereka dengan melahirkan ramai masyarakat yang berpendidikan - pintar dan bijaksana kerana mereka bertugas dengan rasa tanggungjawab, lapang dada, seronok untuk bertugas. Mereka juga akan berada lebih dekat dengan keluarga masing-masing, ini akan mengeratkan lagi hubungan kekeluargaan.

Usaha ini juga dilihat meningkatkan peluang kepada guru-guru di Semenanjung Malaysia yang telah lama bertugas di Sabah dan Sarawak. Disarankan agar pihak kementerian mengambil lebih calon-calon daripada Sabah dan Sarawak mengikuti kursus-kursus perguruan bagi memenuhi keperluan guru-guru di kedua-dua negeri tersebut. Pihak kementerian juga perlu menimbangkan untuk memastikan terdapat calon-calon dari semua etnik Sabah dan Sarawak yang mengikuti kursus-kursus perguruan. Dengan ini, usaha kerajaan untuk menghasilkan guru-guru yang lebih berkualiti, yang lebih memahami budaya setempat akan berhasil, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Kesepuluh - sistem perladangan kontrak. Seperti yang kita maklum, 73% daripada 40% isi rumah berpendapatan terendah - ini adalah terdiri daripada masyarakat bumiputera yang sebahagian besarnya masyarakat luar bandar. Seperti yang telah dicadangkan di dalam RMKe-10, yang rancangan ini ada tujuh program utama bagi usaha meningkatkan kualiti hidup isi rumah luar bandar - antaranya adalah melalui konsep perladangan kontrak.

Program perladangan kontrak ini sebenarnya adalah kaedah terbaik bagi membantu petani-petani luar bandar untuk meningkatkan pendapatan mereka. Bagi memastikan sistem perladangan kontrak berjaya, beberapa isu pokok seperti isu penyatuan tanah, tanaman berkelompok, tanah-tanah terbiar perlu diperkemas kini. Ini kerana aktiviti pertanian luar bandar tidak dapat dilaksanakan kerana masalah untuk menyatukan tanah-tanah terbiar. Petani-petani peladang kontrak ini juga perlu dibantu dengan pinjaman modal yang mudah, kursus-kursus atau taklimat jangka pendek setempat juga perlu diperbanyakkan. Begitu juga dengan pemilihan tanaman atau

aktiviti pertanian yang berdaya maju dan ada pasaran, konsep pemasaran, pengagihan keuntungan dan tanggungjawab petani dan juga syarikat pengendalian perlu diperjelaskan.

Saya juga memohon supaya pihak kerajaan mempunyai jawatankuasa khas bagi memantau aktiviti perladangan kontrak di kalangan petani-petani di luar bandar. Ini agar tidak menjadi mangsa kepada aktiviti penipuan yang menggunakan konsep perladangan kontrak seperti yang banyak dilaporkan, seperti aktiviti penternakan keli, lintah, cacing, dan penternakan lembu. Bagi menjamin hak masyarakat Orang Asli di dalam rancangan pembangunan perladangan kontrak, saya juga memohon agar pemberian hak milik tanah kepada mereka, kepada masyarakat Orang Asli diperhalusi dan dipercepatkan memandangkan konsep penyatuan tanah yang dimajukan sebelum ini banyak tidak memihak kepada masyarakat ini.

■ 1700

Selain daripada kurang memberi motivasi untuk mereka bekerja memandangkan tanah yang diusahakan bukan hak milik kekal mereka atau dengan cara *shareholder*. Di sini saya juga memohon penjelasan mengenai kejayaan Program TRUST - Transformasi Usahawan Ternakan telah dilancar pada tahun 2005. Berapakah jumlah usahawan-usahawan bumiputera TRUST yang telah berjaya khasnya khususnya kepada penduduk-penduduk di kawasan Gua Musang dan juga memohon penjelasan adakah kerajaan berhasrat untuk mempelbagaikan jenis ternakan terutamanya kepada jenis ternakan yang berimpak tinggi iaitu industri burung walid.

Isu pendapatan, isu mendapatkan peruntukkan kewangan atau pinjaman juga sering kali menjadi penghalang utama kepada petani-petani di luar bandar untuk memperluaskan usaha mereka. Justeru itu, memohon penjelasan berapakah tempoh masa yang diambil untuk mendapatkan peruntukkan di dalam agro pertanian daripada permohonan hinggalah mendapat peruntukkan tersebut. Apakah yang perlu dilakukan oleh petani-petani bagi mempercepatkan proses mendapatkan peruntukkan bagi agro pertanian ini, supaya mereka tidak perlu buang masa macam menanti buah yang tidak gugur.

Tuan Yang di-Pertua, persediaan usahawan luar bandar terhadap pelaksanaan Nasional G-Ekonomi. Saya juga memohon penjelasan mengenai peranan penubuhan Nasional G-Ekonomi dalam usaha meningkatkan pencapaian usahawan Melayu dan bumiputera di peringkat global. Di dalam Program Nasional G-Ekonomi ini, bidang perniagaan yang berpotensi tinggi dan berdaya saing akan diberi perhatian.

Persoalannya, apakah pendekatan atau kaedah yang akan dilakukan oleh kementerian bagi menyediakan kelompok usahawan luar bandar yang kebanyakannya menjalankan perniagaan cara kecil-kecilan tidak mempunyai ilmu perniagaan yang tinggi dan juga kekurangan modal. Jadi apakah jaminan kerajaan bagi memastikan kelompok usahawan desa ini tidak terpinggir daripada cabaran yang akan wujud di dalam pelaksanaan Nasional G-Ekonomi yang bakal dilaksanakan di dalam RMKe-10 ini.

Tuan Yang di-Pertua, pensektoran subsidi negara. Subsidi sudah menjadi satu isu sangat penting subsidi ialah instrumen fiskal untuk membantu sektor tertentu misalnya kumpulan termiskin atau industri yang memerlukan sokongan kepada peringkat awal. Sebenarnya, banyak negara memberi subsidi kepada masyarakatnya misalnya negara Barat memberi banyak subsidi kepada sektor pertanian untuk memastikan pendapatan petani terjamin manakala harga barang-barang makanan tidak begitu tinggi tidak menjadi bebanan kepada mereka-mereka dan mereka-mereka yang berpendapatan rendah.

Subsidi juga seharusnya diberi kepada golongan kurang berkemampuan. Jika subsidi ini ditujukan bertujuan untuk membantu industri yang baru bermula *infant* industri maka satu analisa perlu diadakan terlebih dahulu. Hakikatnya banyak negara di dunia memberi subsidi kepada rakyat tetapi di Malaysia pemberian subsidi lebih besar dan meluas. Pada asalnya pemberian subsidi oleh kerajaan seperti petrol dan minyak masak adalah bagi membolehkan rakyat menikmati pada harga murah atau harga subsidi.

Untuk meringankan beban pengguna berpendapatan rendah kita akui selama ini golongan-golongan yang tidak sepatutnya menerima subsidi terus menikmati kemudahan ini. Baik sungguh kepimpinan negara Malaysia. Isu penstrukturan semula subsidi negara telah mendapat pelbagai reaksi rakyat di dalam negara ini. Hakikatnya subsidi masih diperlukan di negara ini. Namun ianya hendaklah berasaskan keperluan asasi yang mendesak seperti makanan, pendidikan asas dan kesihatan.

Beberapa perkara diperjelaskan oleh kerajaan, kita perlu mempunyai suatu dasar subsidi. Pertama, apakah sektor atau kegiatan yang perlu diberikan subsidi. Kedua, siapakah golongan sasaran yang layak menerima subsidi manakala yang lain perlu membayar harga pasaran. Ketiga, subsidi perlu satu jangka masa seperti jika kita hendak membantu industri yang baru ditubuhkan akhirnya kajian impak dan dipastikan ke atas setiap subsidi utama.

Subsidi dan sistem kawalan harga perlu dikaji serta diperkemas supaya penjimatan dapat dilakukan. Selain daripada keuntungan atau subsidi dapat disalurkan

terus kepada golongan yang memerlukannya supaya mereka yang tidak layak tidak harus menerima subsidi berkenaan. Berdasarkan perbincangan di atas, pihak kerajaan terpaksa mengambil tindakan untuk mengurangkan subsidi secara berperingkat-peringkat.

Justeru itu, saya memohon perkara pensektoran semula subsidi negara ini perlu diperjelaskan dengan sejelas-jelasnya supaya musuh-musuh negara atau kaki-kaki adu domba tidak mengambil kesempatan untuk memporak-perandakan keadaan, *Wallahualam*. Harapan kami supaya diperjelaskan di dalam siaran TV, radio, akhbar oleh kerajaan secepat mungkin supaya tidak menimbulkan kekeliruan yang teramat sangat daripada rakyat bawahan. Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Isu meningkatkan profesion...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor:...Perguruan dan menghasilkan guru yang terbaik.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat panjang lagikah teks ucapan Yang Berhormat.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Sikit lagi dua minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah 30 minit ya. Saya bagi tiga minit lagi.

Datuk Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor: Terima kasih. Kajian membuktikan bahawa kualiti seorang guru mengatasi segala sektor lain sebagai pembantu utama prestasi setiap pelajar. Sudah wajarnya pendekatan yang bakal dilakukan menerusi RMKe-10 ini seperti mempertingkatkan kualiti guru baru dengan mengenakan syarat-syarat kelayakan akademik yang lebih ketat supaya syarat kemasukan ke bidang ini dan usaha meningkat jumlah guru berijazah dari 89.4% kepada 90% bagi sekolah menengah dan 28% kepada 60% bagi sekolah rendah. Pelbagai rancangan lain di dalam tempoh perancangan amatlah disokong.

Bagi menjadikan profesion perguruan sebagai kerjaya pilihan kepada hanya calon-calon cemerlang apakah kerajaan bercadang untuk meningkatkan atau meninggikan tahap pencapaian minima akademik untuk menjadi guru seperti negara-negara di republik Korea dan Finland.

■1710

laitu kelayakan untuk memohon program latihan perguruan hanya terhad kepada 10% hingga 15% siswazah terbaik daripada setiap pengeluaran tahunan. Sekiranya ia, bilakah akan bermula dilaksanakan. Juga memohon penjelasan apakah kaedah yang sama juga akan dilakukan terhadap pengambilan guru-guru masyarakat Orang Asli.

Seperti yang kita maklum, masyarakat Orang Asli masih jauh tercicir di dalam bidang pendidikan. Di antara cadangan bagi mengatasi masalah ini adalah perlu menyediakan guru-guru di kalangan mereka sendiri, yang lebih memahami budaya mereka. Justeru itu saya memohon agar kerajaan lebih fleksibel terhadap syarat-syarat kemasukan ke bidang perguruan kepada masyarakat Orang Asli.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. silakan Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah.

5.11 ptg.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi peluang saya untuk turut sama membahaskan pembentangan Rancangan Malaysia yang Kesepuluh. Seperti juga sahabat-sahabat yang lain Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin membuat apa yang disebut dua hari yang lalu oleh Yang Berhormat Datuk Akbar, *appreciation* ertinya menghargai apa yang dibentangkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Kalau berpeluang melontarkan sedikit sebanyak kritikan-kritikan di tempat-tempat yang tertentu. Jadi bolehlah apa yang kita sampaikan, disampaikan oleh sahabat-sahabat yang lalu termasuklah yang akan saya sampaikan ini merupakan satu *critical appreciation*. Satu apresiasi yang kritis. Satu penghargaan yang kritis terhadap apa yang telah dibentangkan di dalam Rancangan Malaysia yang Kesepuluh ini.

Ini sesuai sekali Tuan Yang di-Pertua dengan apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dua hari yang lalu di dalam teksnya, mengatakan bahawa perencanaan Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah berkat hasil muhasabah diri kerajaan secara terperinci dan mendalam ke arah mencapai objektif pembangunan negara ini. Adalah selaras dengan seruan Islam yang mengajak kita untuk menilai dan seterusnya mengatasi kelemahan-kelemahan. Jadi janganlah kritik-kritik yang kita sebut di sini dipandang sebagai kecaman-kecaman melulu yang tidak mempunyai asas. Sifatkanlah itu sebagai muhasabah sebagai *self-criticism* yang

bertujuan sama iaitu untuk memeriksa kelemahan-kelemahan dengan harapan untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan itu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita perhatikan komposisi penduduk Malaysia sekarang secara kasarnya dapat saya sebut penduduk Melayu termasuklah bumiputera berjumlah 64%. Bakinya terdiri dari orang-orang Cina, orang India dan keturunan-keturunan yang lain. Jadi, kalau ini dijadikan pegangan maka sebarang rancangan termasuklah Rancangan Malaysia Kesepuluh ini haruslah berpusatkan kepada penduduk yang terbesar jumlahnya itu.

Jadi mari kita sama-sama tengok dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini adakah layanan atau *treatment* yang dibuat kepada bumiputera merupakan satu perkara yang *integer*. Ertinya yang merupakan soal pokok dalam rancangan ini atau ia merupakan satu *appendix* sahaja kepada perancangan ini.

Ini kerana saya rasa sebarang dasar, sebarang polisi dengan izin, sama ada *economic policy*, *educational policy*, *social policy* dan sebarang dasar yang dibuat mestilah berpandukan, berdasarkan kepada rakyat yang terbanyak di negeri itu. Jadi, kalau rakyat yang terbanyak yang saya maksudkan bumiputera, Melayu dan bumiputera lain, Sabah dan Sarawak tidak diberi perhatian, tidak diberi layanan dan *treatment* yang sebaik-baiknya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, maka kita rasa rancangan ini tidaklah dapat disebut sebagai rancangan yang akan menjamin kejayaan pada akhirnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyebut secara ringkas, kita telah melalui beberapa rancangan. Saya sebut secara ringkas, yang Rancangan Malaysia Pertama dahulu yang bertujuan mewujudkan perpaduan dan keharmonian antara ketiga-tiga kaum terbesar, Melayu, Cina dan India. Rancangan Malaysia Kedua iaitu Dasar Ekonomi Baru yang mencebur untuk memperbaiki ketidakseimbangan pembahagian ekonomi.

Begitu juga Rancangan Malaysia Ketiga, meneruskan pencapaian dan matlamat Rancangan Malaysia Kedua. Begitu juga Rancangan Malaysia Keempat dan yang kelima. Keempat-empat rancangan yang saya sebut tadi merupakan rancangan yang mengandungi Dasar Ekonomi Baru. Ini kerana Rancangan Malaysia Keenam untuk mencapai pembangunan ekonomi yang seimbang dan meneruskan Dasar Ekonomi Baru. Walaupun Dasar Ekonomi Baru yang telah disebut itu tidak dapat diikuti sepenuhnya akan tetapi rohnyanya, nyawa Dasar Ekonomi Baru itu dilanjutkan.

Kemudian kita meneruskan lagi Rancangan Malaysia Ketujuh, yang Kelapan, yang Kesembilan dengan membawa Wawasan 2020. Kita lanjutkan dengan Rancangan

Malaysia Kesepuluh dengan tujuan yang sama, untuk mencapai Wawasan 2020. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa di dalam rancangan-rancangan ini terdapat matlamat-matlamat yang telah dapat dicapai, setengahnya dengan penuhnya, setengahnya tidak dapat dicapai sepenuhnya.

Misalnya saya ambil contoh, adalah menjadi harapan supaya mulai tahun 1971 sampai tahun 1990, 20 tahun yang bermatlamatkan Dasar Ekonomi Baru, diharapkan kita akan dapat memberikan 30% ekuiti untuk bumiputera.

■ **1720**

Saya cuba mendapat maklumat yang agak sahih daripada pegawai penyelidik kita. Pegawai penyelidik kita menyatakan pemilikan ekuiti bumiputera dalam ekonomi negara adalah kira-kira 19.2% sahaja, bukan 30% yang dikehendaki. Saya rasa di dalam ucapan Rancangan Malaysia ini pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menyebut bahawa kita sehingga sekarang hanya memiliki hanya lebih kurang 30% sahaja ekuiti yang dipegang oleh bumiputera. Ini bermakna, kalau dikira pada tahun 1971 sehinggalah kepada tahun 2010, selama 40 tahun kita hanya berupaya mencapai 30% sahaja. 30% yang sepatutnya boleh kita capai dalam masa 20 tahun tetapi kita dapat mencapainya dalam masa 40 tahun.

Jadi kalau kita bercadang untuk memberikan ekuiti yang lebih kepada bumiputera – katakanlah pada akhir tahun 2020, 10 tahun daripada sekarang, 40% ditambah 10% daripada yang ada sekarang 30%, ertinya kita mengharapkan tambahan ini berlaku sebanyak 5% selama lima tahun Rancangan Malaysia Kesepuluh dan 5% lagi dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Kita bertanya, adakah munasabah? Adakah boleh diterima penduduk yang jumlah peratusnya 60% memiliki ekuiti 40%? Sedangkan penduduk yang tidak sampai 40% memiliki 60%. Ini perkara yang menjadi persoalan pokok.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin bahawa dengan persiapan-persiapan, dengan kaedah-kaedah yang tertentu termasuklah kaedah Model Baru Ekonomi, negara kita akan menjadi sebuah negara maju pada akhir tahun 2020. Itu saya yakin. Akan tetapi saya tidak yakin kedudukan bumiputera dapat kita sebut sebagai maju bila sampai ke peringkat sebuah negara maju. Kalau kita boleh menerima bahawa sebuah negara maju itu, sebuah Malaysia yang maju walaupun rakyat bumiputera yang 60% itu tidak maju, maka okey. Kita boleh pejam mata. Kalau kita mati pun kita boleh pejam mata. Tidak ada sebab kita hendak berjuang lagi kalau kita sudah berpuas hati. Akan tetapi kalau kita tidak berpuas hati, maka adalah sesuatu yang tidak kena di dalam Rancangan

Malaysia Kesepuluh ini. Yang tidak kena itu saya nyatakan dengan tegas bahawa *treatment* atau layanan yang diberikan kepada masalah bumiputera tidak diberikan sepenuhnya, tidaklah sepatutnya diberi kepada komposisi penduduk yang terbesar. Itu masalah yang saya rasa tidak kena.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa harus kita ikat diri kita dengan tahun 2020? Adakah selepas tahun 2020 itu dunia Malaysia akan kiamat? Mungkin barangkali kumpulan penduduk yang lain, dengan keadaan ekonomi yang ada sekarang yang lebih baik daripada bumiputera, dia boleh menjadi kumpulan rakyat yang maju dalam sebuah negara yang maju. Akan tetapi tidak begitu halnya dengan bumiputera. Jadi apa salahnya semangat Wawasan 2020 itu kita bawa terus menerus? Bagi bumiputera, mungkin semangat dan konsep Wawasan 2020 itu hanya boleh dicapai pada tahun 2025 tetapi bukan tahun 2020, kerana masalah-masalah, kelemahan-kelemahan yang ada pada masyarakat bumiputera itu sendiri Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat telah mengibaratkan dalam ucapannya yang disambung ucapannya oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop bahawa Malaysia ini dapat diibaratkan sebagai sebuah rumah, di mana Rancangan Malaysia Kesepuluh ini disifatkan sebagai – kalau saya salah minta maaf, sebagai bumbungnya, lantainya 1Malaysia, dan lain-lain lagi termasuklah Model Baru Ekonomi. Dalam gagasan 1Malaysia, jelas dan disebut oleh beberapa orang sahabat saya bahawa ‘Rakyat Didahulukan dan Pencapaian Diutamakan’.

Jadi berbalik kepada masalah yang saya tekan tadi iaitu masalah kedudukan bumiputera. Jadi kalau rakyat yang hendak didahulukan, rakyat manakah yang sebenarnya saya bertanya Tuan Yang di-Pertua? Rakyat mana? Rakyat yang telah maju ke hadapan atau rakyat bumiputera yang tidak begitu maju ini yang hendak kita utamakan? Kalau kita bercakap berhubung dengan pencapaian diutamakan, pencapaian yang mana yang hendak kita utamakan? Pencapaian seharusnya dicapai oleh kumpulan bumiputera atau kumpulan yang lebih lagi daripada itu?

Tuan Yang di-Pertua, peluang yang diberikan oleh Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan peruntukan-peruntukan yang begitu besar jelas terbuka kepada sesiapa sahaja yang mempunyai antara lain, kedudukan ekonomi yang baik sekarang, yang mempunyai modal insan yang baik sekarang dan yang mempunyai ekonomi *networking* yang baik sekarang. Jadi kumpulan-kumpulan ini dengan persediaan-persediaan, dengan peruntukan-peruntukan dan inisiatif dan insentif-insentif

yang ada dalam Rancangan Malaysia, mereka boleh bergerak ke hadapan. Apatah lagi bila kita sebut bahawa Model Baru Ekonomi ini berdasarkan *private driven economy*, ertinya ekonomi yang dipacu oleh swasta. Ertinya peranan kerajaan yang selama ini dimainkan, semakin lama semakin berkurangan.

Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, suka saya menyebut, walaupun dia sediakan satu padang dan dia suruhnya kumpulan-kumpulan rakyat ini berlari di padang itu, tetapi dengan kelemahan-kelemahan yang ada pada kumpulan bumiputera, mereka tidak dapat berlari di padang walaupun kita sebut *a level playing field*. Ini kerana kelemahan-kelemahan yang ada pada kumpulan itu. Walaupun diuca, apatah lagi diuca dipegang ekornya, lagi-lagi dia tidak berdaya untuk sama-sama bersaing dalam keadaan yang seperti ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa cukup. Yang Berhormat boleh sambung pada esok hari.

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Masa saya cukup atau masa bersidang cukup? *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Masa bersidang cukup. *[Ketawa]*

Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Khamis, 22 Julai 2010. Terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.